

Laporan ini belum dikemaskini
Senarai Ahli dilampirkan
Kandungan dilampirkan

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 3 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]** minta Menteri Penerangan menyatakan, apakah perancangan dan tindakan pihak kementerian dalam usaha untuk menyemai dan menerap nilai-nilai murni dan adat ketimuran serta usaha agar misi setiap anggota masyarakat untuk mempertahankan maruah, bangsa, agama dan negara ini dalam menangani paradigma abad ke-21.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed]:
Kementerian Penerangan memang sentiasa merancang pelbagai program melalui RTM dan aktiviti Jabatan Penerangan yang boleh menjurus kepada pembentukan sebuah masyarakat yang bermaklumat, bermaruah dan boleh berfikir matang. Misalnya rancangan *Forum Perdana Hal Ehwal Islam*, program berbentuk *talk show* iaitu *Wawancara, Minda, Global, Selamat Pagi Malaysia, Moving On Two* dan sebagainya di samping memberi penekanan kepada hal ehwal semasa, ekonomi, sosial, nilai-nilai murni masyarakat Malaysia. Ia juga cuba mengajak penonton menghayati kejayaan dan menyanjung kejayaan negara yang dapat memupuk ketahanan minda rakyat Malaysia dalam menghadapi cabaran alaf baru kelak.

Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah perancangan, program dan tindakan yang telah diambil oleh kementerian telah mencapai kepada kumpulan-kumpulan sasar yang agak berlainan seperti golongan remaja, belia, pelajar serta golongan dewasa dan adakah kajian

dijalankan dari masa ke semasa untuk melihat dari segi keberkesanan program-program tersebut.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhan program ini atau rancangan yang dibuat oleh kementerian mencapai kejayaan. Namun demikian, oleh kerana hasutan-hasutan parti pembangkang sama ada DAP, PAS atau KeADILan nampak agak terpengaruh dengan nilai-nilai yang dibawa oleh parti-parti pembangkang ke arah kehancuran masyarakat majmuk. Namun demikian, kementerian masih meningkatkan usaha supaya kepribadian ketimuran ini, sopan-santun nilai yang tidak ada dalam pembangkang dapat kita pertingkatkan dan kita pupuk dalam generasi muda.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini ada tindakan dari pihak kementerian kepada artis-artis yang telah melanggar tatasusila atau maruah ataupun nilai-nilai akhlak. Saya ingin tahu sejauh mana etika yang telah diperkenalkan oleh kementerian tentang mengelakkan daripada artis-artis ini berkelakuan tidak senonoh ataupun meruntuhkan moral.

Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, tindakan kementerian terhadap seorang penyanyi yang bernama Wati daripada kumpulan Elite menggambarkan keseriusan kementerian untuk memupuk nilai yang murni. Misal kata mereka yang melanggar soal moral merupakan salah satu daripada etika, sama ada mabuk, kerana artis-artis ini adalah idola kepada generasi muda. Kita tegas, dan ini bukan benda baru tetapi sejak dari kementerian telah menjalankan etika untuk mengawal artis-artis daripada terjebak dalam keadaan yang tidak bermoral.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

3. **Tuan Haji Hamzah bin Ramli [Sri Gading]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) kisah mengawan antara lembu dengan seladang yang melahirkan anak dinamakan Selembu, berapa ekorkah jumlah yang telah dilahirkab setakat ini; dan
- (b) apakah usaha-usaha lain yang dilakukan oleh kementerian bagi melahirkan baka-baka haiwan ternakan yang lebih baik mutunya

seperti ternakan tempatan dengan binatang-binatang ternakan luar negara.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (a) Sejumlah 150 selembu telah dihasilkan dari proses mengawan di antara seekor seladang yang telah masuk dan bercampur dengan sekelompok lembu betina di ladang Pusat Ternakan Haiwan, Air Hitam, Johor.
- (b) Ada usaha meningkatkan lembu itu baka ternakan tempatan dengan menggunakan baka ternakan dari luar negara melalui pembiakan kacukan sama ada sel pernian beradas ataupun tabii. Setakat ini lembu tenusu, lembu daging, kambing, biri-biri serta puyuh telah ditingkatkan mutu bakanya dari proses sedemikian.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah langkah-langkah kementerian untuk memelihara, menyimpan ataupun mengaudit semua binatang liar yang terdapat di Malaysia ini untuk penyelidikan, untuk makanan ataupun untuk generasi masa depan ataupun untuk *aqua tourism* kita.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian sedang berusaha bersama-sama dengan Jabatan Perhilitan untuk berbuat sedemikian. Kita telah berbincang dengan pihak Jabatan Perhilitan untuk menentukan baka-baka yang saya sebutkan tadi tidak pupus.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) tidak hadir]

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani) tidak hadir]

6. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) bilakah umur persaraan pekerja akan dinaikkan ke 60 tahun. Jika tidak, apakah alasannya; dan

- (b) bagi tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 berapa ramai pekerja telah bersara (swasta, kerajaan) pada umur 45, 50 dan 55 tahun.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar]:

Terima kasih kepada Teluk Intan kerana sudi bertanya. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di sektor awam, penetapan umur persaraan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Cadangan melanjutkan umur persaraan wajib daripada 55 tahun bagi anggota-anggota sektor awam sedang dalam kajian dan pertimbangan pihak kerajaan. Bagi pekerja-pekerja sektor swasta, tidak ada peruntukan undang-undang atau peraturan yang menetapkan umur persaraan mereka. Bagaimanapun, dalam perjanjian bersama ataupun dengan izin, *collective agreements* di antara majikan dengan pekerja ataupun kesatuan sekerja biasanya ada menetapkan umur persaraan sama ada bagi pekerja lelaki ataupun pekerja wanita.
- (b) Mengikut rekod Jabatan Perkhidmatan Awam, persaraan bagi anggota sektor awam untuk tahun-tahun 1997, 1998 dan 1999 adalah seperti berikut:

	Umur Persaraan (45 tahun)	Umur Persaraan (50 tahun)	Umur Persaraan (55 tahun)
1997	740	852	9,644
1998	334	436	9,432
1999 (Jan-Sept)	140	154	6,863

Sementara itu, Kementerian Sumber Manusia tidak menyimpan data berkenaan bilangan pekerja di sektor swasta yang bersara pada umur 45, 50 ataupun 55. Ini kerana kebanyakan majikan di sektor swasta tidak menawarkan skim pencen dan pekerja adalah bebas untuk masuk bekerja atau berhenti ataupun bersara pada mana-mana peringkat umur yang mereka pilih.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan jangka hayat manusia di Malaysia kini telah meningkat menjadi kira-kira 72 tahun berbanding dengan negara-negara maju 77 tahun. Kalau ikut ramalan *future foundation* abad yang akan datang bahawa jangka hayat manusia akan jadi 120 tahun. Jadi, kita diwajibkan bersara pada umur 55 tahun bagi sektor awam. Jadi, apakah pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengadakan perancangan untuk memberi latihan bagi bakal-bakal pesara yang kita rasa selepas bersara jangka hayat hidupnya bertambah panjang jika dibandingkan dengan persara-persara yang lepas.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya mengkaji latar belakang mengapa kerajaan menggunakan umur 55 tahun sebagai umur persaraan. Kalau kita lihat sejarah, selepas kita merdeka umur persaraan adalah 60 tahun. Selepas beberapa tahun merdeka kita menurunkan umur persaraan kepada 55 tahun memandangkan kehendak sosio-ekonomi kita pada masa itu adalah kita memerlukan pengisian kepada banyak pemegang-pemegang pekerjaan yang banyak dalam pasaran dan pada masa itu juga kita memikirkan bahawa ekonomi kita perlu ditransformasikan dari masa ke semasa ke arah pertanian, ke arah perindustrian di dalam bidang di mana orang-orang Melayu dan bumiputera tidak banyak berkecimpung di dalam bidang selain daripada bidang pertanian. Jadi, banyak faktor yang menentukan kerajaan membuat dasar ini.

Tetapi oleh sebab Yang Berhormat telah berkata sekarang orang bumiputera telah banyak dalam bidang bukan pertanian, umur jangka hayat sudah (*life spend*) sudah jadi 72 tahun pada puratanya, maka perlu ataupun jika perlu ditukar dasar ini boleh ditukar. Sebagaimana Yang Berhormat baca dalam akhbar baru-baru ini, CUEPACS telah mencadangkan supaya umur persaraan dinaikkan dan pihak JPA sedang mengkaji saranan oleh pihak CUEPACS ini dan kerajaan mungkin akan membuat sesuatu keputusan di satu masa nanti.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mengemukakan soalan ini dengan mengatakan umur persaraan adalah 60 tahun. Asas saya adalah kerana manifesto 'Barisan Alternatif' mengatakan bahawa bila kita berkuasa kita akan menetapkan umur persaraan 60 tahun. Dalam hal ini, mengenai Akta Pekerja yang sedia ada, dalam satu seksyen mengatakan bahawa menteri ada kuasa untuk

membuat *regulation* tertentu untuk mengehadkan umur bersara. Tetapi walaupun akta ini telah ada berdekad-berdekad tetapi tidak ada apa-apa rang undang-undang mengenai perkara ini. Apakah sebab walaupun kita tahu bahawa perkara ini dapat dirunding di antara majikan dan pekerja di sektor swasta tetapi *bargaining power* oleh beberapa pekerja tidak sama dengan orang lain. Jadi, adakah kerajaan ingin membawa apa-apa *regulation* mengenai perkara ini, kalau tidak kenapa sedemikian?

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama yang berkaitan dengan manifesto 'Barisan Alternatif' itu saya tidak mahu jawablah, tunggu sehingga Yang Berhormat berkuasa dahululah, Yang Berhormat buatlah 70 tahunkah, 65 tahunkah apabila Yang Berhormat bagi Kepong menjadi menteri sumber manusia nanti. *[Ketawa]*

Yang kedua, mengenai dengan umur 60 tahun, Yang Berhormat mencadangkan persaraan umur 60. Kalau kita lihat keupayaan orang Malaysia bekerja sehingga 80 tahun kita buat kerja, semua kerjalah, *[Ketawa]* Sama ada kerja dalam profesion – *procreation* pun boleh. 70 tahun pun boleh buat *procreation*. Tetapi Yang Berhormat sedia maklum, saya jawab tadi sesuatu dasar kerajaan mengambil kira banyak faktor. Macam saya kata dahulu, faktor kita hendak mengeluarkan bumiputera daripada sektor pertanian kepada bukan sektor pertanian, itu satu. Sebab kebanyakan yang bekerja dalam birokrasi kerajaan pada masa itu ialah bumiputera. Sekarang telah tercapai.

Jadi, kerajaan dari masa ke semasa mengkaji soal ini iaitu adakah ianya perlu 60 atau 65 tahun akan ditentukan oleh kajian-kajian kerajaan. Macam di Amerika, umur persaraan 65 tahun, setengah hakim-hakim sampai 70 tahun masih lagi duduk *on the bench*. Jadi, soal *cut of point* itu boleh saya kata adalah subjektif. Yang Berhormat pun tengok dalam Dewan ini kebanyakannya umur 60 tetapi masih lagi kuat. Macam Yang Berhormat bagi Kepong kalau dalam kerajaan dia perlu bersara sekarang. Dia sudah 60 tetapi dia masih lagi kuat. *[Ketawa]* Cuma petunjuk kepada umurnya ialah dia datang lambat selalu, dia tidak berupaya bangun pagi. *[Ketawa]* Kalau dahulu semasa saya jadi *back-bancher*, dia datang semasa Parlimen bermula 2.30, dia datang pukul 1.00 dengan saya. Sekarang oleh sebab bangun pagi, dia datang selalu lambat dan *miss* soalnya. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Tidak jawab mengenai *regulation*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Dia tidak menjawab mengenai adakah....akta-akta..

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kuasa menteri, Yang Berhormat sedia maklum di dalam tiap-tiap akta kerajaan selalu ditaruh satu *provision* yang mana menteri diberi kuasa. Yang Berhormat sedia maklum bahawa menteri beroperasi di bawah kekuasaan Kabinet. Menteri tidak menggunakan *provision* di dalam mana-mana akta sewenang-wenangnya. Jadi, bila saya kata kerajaan, saya maksud Kabinet. Itu terletak kepada Kabinet, kalau Kabinet kata menteri boleh *exercise* kuasa itu seperti mana yang termaktub. Kalau Yang Berhormat tengok semua akta ada sedikit menteri boleh menjalankan sesuatu. Jadi, di sini kerajaan memikirkan banyak faktor yang mesti diambil perhatian. Maka kuasa menteri tertakluk di bawah kelulusan Kabinet.

7. **Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah skim pelaburan khas yang akan dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia untuk pesara-pesara yang kehidupan mereka bergantung kepada faedah simpanan bank yang kini begitu rendah; dan
- (b) bilakah skim pelaburan khas ini akan dilancarkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa terdapat golongan rakyat terutamanya pesara serta warga tua yang bergantung kepada simpanan sebagai sumber pendapatan menghadapi kesempitan kerana kadar faedah yang rendah sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesara-pesara adalah sebanyak 343,482 setakat Jun 1999 adalah lebih kurang 1.5% daripada jumlah penduduk sebanyak 22.71 juta.

Bagi membantu mereka, kerajaan telah mengeluarkan bon simpanan Malaysia berjumlah RM2 bilion iaitu RM1 bilion berasaskan bon konvensional dan RM1 bilion lagi berasaskan prinsip syariah. Ini bertujuan untuk memberikan pulangan yang lebih

tinggi kepada pelaburan mereka berbanding dengan pulangan daripada deposit dalam sistem perbankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah pun melancarkan bon simpanan Malaysia tersebut pada 1 November 1999.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya penjelasan daripada Yang Berhormat tidak begitu ketara mengenai soalan pesara-pesara tersebut dan bolehkan Yang Berhormat terangkan, apakah sebenarnya dasar Bank Negara Malaysia mengenai tabung-tabung seumpama ini, terutamanya dengan pendedahan Datuk Abdul Murad mengenai kekurangan akauntabiliti mengenai skandal-skandal itu, apakah dasar Bank Negara sekarang terhadap hal seperti ini dan juga, adakah pihak kerajaan akan mengadakan rang undang-undang baru untuk mengawal semua ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak soalan yang kedua itu tidak relevan kepada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Walau bagaimanapun, saya katakan tadi bahawa Yang Berhormat bagi Padang Terap telah pun menyatakan tentang *pensioners* ataupun pesara-pesara di pihak swasta. Untuk jawapan bagi soalan yang pertama tadi, ialah dasar ataupun ciri-ciri simpanan ini ialah jumlah terbitan maksimum RM2 bilion, dua jenis bon RM1 bilion sifat konvensional dan RM1 bilion lagi secara Islam mengikut konsep *Bai'at al-Inna*. Pembeli yang layak, warga tua Malaysia yang berusia 55 tahun ke atas dan tidak bekerja sepenuh masa.

Dominasi minimum ialah sebanyak RM1,000 dalam keadaan RM100 tertakluk kepada maksimum RM50,000 dan sepuluh sijil bagi setiap pelabur. Tarikh terbitan mula dijual pada 1 November 1999 sehingga 10 November 1999, tempoh bon ialah selama dua tahun dan faedah keuntungan ialah 5.75% setahun, dibayar pada setiap suku tahun dengan cek atau menerusi akaun pegangan bon di bank agen.

Agihan bon berasaskan prinsip siapa dahulu dia dapat, penebusan awal bon dibenarkan selepas 3 Januari 2000 tertakluk kepada tujuh hari sebelum tarikh faedah ataupun keuntungan. Penebusan pada tarikh matang ialah dengan cek atau menerusi akaun pemegang dan sijil bon diedarkan kepada pemohon yang berjaya selepas 3 Januari 2000 dan pemilikan persendirian bon terbitan atas nama pelabur dan bon tidak boleh

dipindahkan atau diniagakan. Mengenai cukai faedah dan keuntungan dikecualikan daripada cukai.

Bank-bank yang terlibat tentang bon konvensional ialah Malayan Banking Berhad, Bumiputra Commerce Bank Berhad; Public Bank Berhad. Bon secara Islam – Malayan Banking Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muammalat Malaysia Berhad.

Tuan Wong Kam Hoong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Dalam Belanjawan baru-baru ini, Menteri Kewangan Pertama mengumumkan kenaikan gaji sebanyak 10% untuk kakitangan-kakitangan kerajaan. Namun soalan saya, akan kenaikan gaji ini melibatkan pesara-pesara atau tidak?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, ada yang berkata bahawa 10% itu tidak cukup. Saya katakan kepada mereka, kalau tak cukup, kita kena bersyukur dahululah. Kerana saya rasakan kalau kita bekerja di negara jiran bukan sahaja bonus tak dapat, kadang-kadang gaji pun terlepas.

Yang keduanya, untuk bonus ini diberi kepada pekerja-pekerja dan tidak kepada pesara-pesara. Yang diberi RM600 ialah belas ihsan kerajaan kepada pesara-pesara kerana harga barangan yang tinggi.

Di samping itu, saya hendak menyatakan di sini, sebagai langkah jangka panjang, untuk menjamin kesejahteraan warga tua, kerajaan juga mencadangkan supaya *premium immunity* yang dibeli melalui skim immuniti yang dianjurkan oleh KWSP diberi pelepasan cukai pendapatan maksimum sebanyak RM1,000.

8. **Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]** minta Menteri Kesihatan menyatakan jaminan bahawa hospital-hotpital kerajaan seluruh negara tidak akan diperbadankan sebagai usaha memastikan golongan miskin dan pesakit tidak akan dieksploitasi.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan bahawa semua hospital kerajaan di seluruh negara tidak akan diperbadankan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan akan menubuhkan majlis kesihatan negara yang mengandungi orang awam dengan kuasa menetapkan dasar lebih luas dan kuasa menasihati dengan peruntukan wang

yang cukup untuk meningkatkan dan memberi rawatan perubatan lebih murah bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang berkualiti.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, belum ada lagi cadangan menubuhkan majlis kesihatan awam seperti yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat. Saya suka memaklumkan bahawa perkhidmatan kesihatan di negara kita adalah yang termurah di dunia bagi orang miskin yang berpendapatan sederhana jika mereka tidak mampu, mereka dapat rawatan percuma. Jika kena bayaran cuma RM1, itupun kalau tidak mampu, kita masih lagi beri percuma, bukan sahaja rawatan *outpatient*, bahkan *inpatient* bahkan juga rawatan *specialist*, misalnya pembedahan jantung, jika dia miskin tidak ada duit, kita masih lagi beri percuma. Setakat ini RM70 juta dibelanjakan setahun untuk membantu orang-orang miskin.

9. **Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datoh]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah saranan Malaysia telah diterima pakai dalam mesyuarat APEC di New Zealand bagi menempelak teori ekonomi kapitalis yang usang dalam usaha memulihkan ekonomi negara-negara yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria]: Tuan Yang di-Pertua, di Mesyuarat APEC, di New Zealand beberapa saranan Malaysia mengenai usaha pemulihan ekonomi dalam menghadapi krisis kewangan telah mendapat sokongan ahli-ahli APEC.

Pertama, APEC telah menerima hakikat bahawa institusi ber *leverage* tinggi mempunyai peranan dalam mengakibatkan krisis kewangan. APEC juga menyedari bahawa negara-negara membangun tidak berupaya menentang serangan yang dilancarkan oleh spekulator mata wang menggunakan dana ber *leverage* tinggi. Oleh itu, persetujuan dicapai di New Zealand supaya standard antarabangsa mengenai amalan perbankan digubalkan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti di kalangan bank antarabangsa bagi mengurangkan pinjaman berisiko tinggi terutamanya untuk tujuan spekulatif.

Kedua, APEC telah menerima saranan supaya usaha penyusunan semula kerangka kewangan antarabangsa turut ditangani oleh negara-negara membangun dan bukan sahaja terletak di tangan negara-negara ahli G7. Ini akan mengimbangkan penyusunan semula

kerangka kewangan antarabangsa dengan mengambil kira pengalaman negara-negara membangun yang telah dilanda krisis mata wang.

Ketiga, mesyuarat APEC di New Zealand telah menerima hakikat bahawa negara-negara yang dilanda krisis kewangan berupaya melaksanakan jalan penyelesaian selain daripada bantuan IMF. Ketua-ketua ekonomi APEC telah mengakui akan perbezaan keadaan dan faktor dalam krisis kewangan yang telah dihadapi dan bahawa tidak semestinya wujud satu sahaja jalan penyelesaian yang betul.

Dalam hal ini, ketua-ketua ekonomi APEC, telah mengakui keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia termasuk kawalan ke atas mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, di New Zealand, Malaysia juga telah mengingatkan APEC akan kos-kos liberalisasi kepada negara-negara sedang membangun dan pentingnya usaha-usaha peningkatan keupayaan dijalankan bagi membolehkan mereka melaksana dan seterusnya menikmati hasil proses pembukaan pasaran.

Penglibatan Malaysia di dalam APEC banyak berteraskan kepada usaha-usaha merapatkan jurang perbezaan di antara ahli-ahli APEC dan mencapai keseimbangan dari segi liberalisasi dan peningkatan keupayaan khususnya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal di dalam bidang industri kecil dan sederhana, sains dan teknologi dan pembangunan sumber manusia.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, pada sidang APEC yang diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu lantang dan begitu bangga terhadap APEC yang lalu, tetapi mengapa kali ini yang diadakan di New Zealand, Yang Amat Berhormat tidak mahu menghadiri mesyuarat itu.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, menghadiri atau tidak menghadiri sesuatu persidangan, itu terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekiranya beliau merasakan bahawa persidangan itu akan membuahkan natijah-natijah yang berhasil bagi seluruh dunia, saya rasa beliau akan menghadirinya.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Bagan Datohbertanya setakat mana kita mampu menolak teori ekonomi kapitalis. Jadi, Perdana Menteri yakin bahawa kita mampu berasaskan bahawa dalam saranan beliau baru-baru ini bahawa kita mesti bergerak ke arah *knowledge base economy*. Jadi, setakat

hari ini, setakat manakah apa yang disarankan oleh Perdana Menteri itu mendapat sokongan dan usaha untuk memantapkan pendekatan ini bagi memajukan seluruh rakyat Malaysia baik dari segi individu, organisasi dan juga masyarakat.

Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria: Tuan Yang di-Pertua, ini lain sedikit dari maksud dan tujuan soalan yang asal. Walau bagaimanapun, kek ekonomi ini adalah satu usaha kerajaan untuk memberikan rakyat Malaysia satu cara bagaimana untuk memastikan mereka ini dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Jadi, kalau rakyat Malaysia tahu ataupun mengenali dan juga memahami konsep kek ekonomi ini, saya yakin dan percaya bahawa rakyat Malaysia akan dapat menjadikan millenium yang akan datang sebagai millenium mereka di masa depan kelak.

[Soalan No. 10 – Y.B. Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau] tidak hadir]

10. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) bilangan pili bomba seluruh negara dan peratusan yang didapati rosak mengikut negeri pada bulan Jun 1999; dan
- (b) berapakah peruntukan yang diluluskan bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi tahun 1999.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab:

- (a) Bilangan pili bomba seluruh negara sehingga Jun 1999 ialah 153,579 unit. Peratusan pili bomba yang didapati rosak mengikut negeri pada bulan Jun tahun ini adalah seperti berikut:-

Negeri	[%]
Perlis -	0.6
Kedah	3.2
Pulau Pinang	2.7
Perak	0.5
Selangor	2.4
Wilayah Persekutuan -	0.7
Negeri Sembilan -	1
Melaka	0.5

Johor	0.3
Pahang	0.5
Terengganu	0.4
Kelantan	1.1
Sarawak	0.4
Sabah	2.7
Wilayah Persekutuan	1.7

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada sebarang peruntukan yang diluluskan untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi memperbaiki pili bomba bagi tahun 1999. Biasanya Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat pemeriksaan dan melaporkan kerosakan kepada Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan untuk diperbaiki. Walau bagaimanapun, di dalam kawasan-kawasan yang dianggap berisiko kebakaran tinggi, jabatan telah mengambil tindakan dengan membuat pembaikan terhadap pili bomba yang rosak sejajar dengan kos yang jabatan mampu.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di Pulau Pinang hanya terdapat 2.7% pili bomba yang rosak, tetapi dalam kawasan Seberang Perai Tengah sahaja, sudah didapati lebih kurang 40% pili bomba yang rosak mengikut satu tinjauan yang dibuat oleh bomba sukarela kawasan Bukit Mertajam dan kebanyakan pili-pili bomba yang rosak itu didapati tidak berfungsi hanya bila ada kebakaran berlaku dan itu sudah membawa kerugian yang besar.

Jadi, saya hendak bertanya pihak yang mana yang sebenarnya mengeluarkan peruntukan untuk kerja-kerja memperbaiki pili bomba kerana saya dapati ada banyak kes di mana pihak bekalan air Pulau Pinang dan Jabatan Kerja Raya serta Jabatan Bomba dan Penyelamat macam main *football* di antara mereka. Satu jabatan mengatakan jabatan lain yang bertanggungjawab dan akhirnya pili-pili bomba itu masih tidak diperbaiki. Jadi, sila memberi penjelasan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pun sudah melawat kawasan Ahli Yang Berhormat. Memang saya dapati kerosakan jumlah pili bomba di kawasan Seberang Perai itu adalah tinggi dan perkara ini sudah dilaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat dan saya difahamkan dalam tahun 2000 ini, *Budget* 2000 ini, kita akan mengagihkan satu peruntukan yang sewajarnya untuk memperbaiki pili bomba yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam kawasan Ahli Yang Berhormat sekalian dan saya rasa ini akan diambil tindakan sebab saya sudah melawat kawasan dan sudah membuat satu laporan kepada Ketua Pengarah.

Tuan Hashim bin Haji Jasin: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu kebakaran telah berlaku di pekan Kodiang dalam kawasan Kubang Pasu. Apa yang ingin saya mendapat penjelasan ialah bahawa bomba sukarela yang berada lebih kurang sepuluh meter daripada kawasan kebakaran itu tidak dapat melakukan usaha memadam api disebabkan oleh kerana air tidak ada dan terpaksa pergi ke sawah untuk mengepam air. Jadi, yang saya ingin tahu ialah sejauh mana Jabatan Bomba dapat membuat penyeliaan terutama kepada bomba-bomba sukarela supaya ia betul-betul berfungsi dalam keadaan kecemasan seperti itu.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, kalau bomba sukarela ini mereka hanya diminta untuk cuba bertindak sebagai pendahuluan sahaja apabila kebakaran berlaku. Sebenarnya, apabila sesuatu kebakaran berlaku, pihak Jabatan Bomba atau Pejabat Bomba yang berdekatan patut bertindak dan saya rasa bagi bomba sukarela itu, mereka hanya dengan apa alat-alat yang mereka dapat cuba bertindak sebagai pendahuluan dan saya rasa pihak bomba yang beruniform di dalam balai itu memang akan sampai apabila mereka diberitahu.

Ini tidak melibatkan pihak bomba sukarela mengambil tindakan seperti yang beruniform yang bekerja sepenuh masa, yang biasa dalam balai itu. Itulah nasihat yang dapat saya beri kepada Ahli Yang Berhormat tentang bomba sukarela kerana mereka bukan diwajibkan untuk bertindak sebagai anggota bomba yang biasa.

[Soalan No. 12 – Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

13. **Puan Hajah Ilani binti Dato' Isahak [Kota Bharu]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan, apakah beliau telah berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi memastikan peningkatan penglibatan wanita dalam majlis-majlis kerajaan tempatan agar jumlah wanita sentiasa meningkat sehingga pada tahun 2005 tidak kurang dari 30% keanggotaan terdiri dari wanita.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sentiasa mengambil berat mengenai penglibatan wanita dalam bidang pembuatan keputusan termasuklah bilangan mereka yang begitu rendah dalam majlis-majlis kerajaan tempatan.

Kepentingan penglibatan wanita dalam bidang pembuatan keputusan sentiasa ditekankan dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak yang berkaitan dari masa ke semasa baik secara formal ataupun secara tidak formal. Kementerian saya ada mewujudkan satu majlis yang dinamakan Majlis Perundingan Pembangunan Masyarakat Negara dan melalui majlis ini setiap negeri sentiasa dimaklumkan akan pentingnya kita memenuhi objektif dan hasrat Dasar Wanita Negara dan pelan tindakan pembangunan wanita untuk meningkatkan bilangan wanita dalam bidang pembuatan keputusan. Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai pengintegrasian wanita dalam pembangunan NACIWID juga sentiasa menjalankan advokasi mengenai perkara ini dengan mengadakan perjumpaan dan perbincangan dengan pihak negeri dan agensi-agensi yang berkaitan.

Puan Hajah Illani binti Dato' Haji Isahak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang benar di pihak kementerian begitu prihatin di atas kemajuan wanita khususnya kementerian sendiri melalui Yang Berhormat Menteri telah membuat pengakuan di Trinidad, Tobago pada tahun 1996 bahawa 30% wanita akan menganggotai semua badan pembuat dasar.

Jadi, kemungkinannya ada dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, di pihak kementerian melalui badan-badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan sekarang ini tidak begitu berkesan dan memerlukan pendekatan-pendekatan lain kerana kalau kita lihat kepada buku laporan agensi-agensi yang berada di atas meja kami ini, umpamanya Lembaga Kemajuan Pertanian Malaysia (MADA) hanya ada seorang

daripada sembilan orang ahli Lembaga Pengarah. Majlis Sukan Negara - kosong daripada lapan orang Lembaga Pengurus majlis tersebut. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) - Yang Berhormat bagi Yan mana? - kosong daripada 13 orang Lembaga Pengarah. Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia - seorang daripada sepuluh orang. Akademi Sains Malaysia - seorang daripada 16 orang ahli majlis; dan terbaharu hari ini Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) - seorang daripada 12 orang Lembaga Pengelola.

Oleh itu saya ingin bertanya mungkin kementerian ingin menimbang semula pendekatan-pendekatan yang sedang dilaksanakan oleh badan-badan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Bharu yang memang kita sentiasa tahu di dalam Dewan yang mulia ini selalu memandangkan diri beliau penuh prihatin dengan perkara wanita. Ini saya ucapkan terima kasih.

Jadi, bagi kebanyakan agensi-agensi ataupun Lembaga-lembaga yang disebut oleh beliau tadi hanya dua atau tiga sahaja, ada satu sahaja wanita. Jadi, bagi Majlis-majlis Kerajaan Tempatan, saya rasa semenjak – memang sudah lama tetapi sejak saya sendiri bersama dengan Yang Berhormat Menteri Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail di dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, hal ehwal wanita ini di bawah kementerian. Saya rasa memang ada kemajuan, bukan kemajuan kerana apa – wanita memang sentiasa ada.

Jadi, di dalam kementerian lain pun kita sudah dengar jawapan daripada Kementerian Sumber Manusia. Jadi, memang selalu dicadangkan tetapi kadang-kadang daripada kemampuan wanita sendiri, daripada pergaulan mereka sendiri dan banyak fakta lain.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bagi Majlis Kerajaan Tempatan, contohnya di kawasan saya Majlis Kerajaan Tempatan dinamakan Majlis Daerah Kalaka. Baru-baru ini ada dua orang wanita sebagai kaunselor. Selepas itu memang tidak ada, semua lelaki. Jadi, rupanya mungkin pendekatan yang telah dijalankan pun ada dirasai di seluruh negara. Dengan tempat yang kecil seperti di Saratok, kawasan saya ada dua orang wanita sebagai kaunselor.

Jadi, saya rasa sungguhpun begitu memang kita berniat supaya ramai lagi ahli-ahli wanita sebagai ahli-ahli Majlis Kerajaan Tempatan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sedar bahawa baru-baru ini lebih kurang 76 NGOs di dalam negara ini telah menyuarakan hasrat tidak puas hati dengan kerajaan kerana tidak menetap atau mengambil sekurang-kurangnya 30% daripada wakil-wakil rakyat, wakil Dewan Undangan Negeri dan Majlis Tempatan daripada golongan wanita. Baru-baru ini *Women Agenda for Change* di mana khususnya

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei, Tambi!

Tuan M. Kulasegaran:telah mengemukakan beberapa isu mengenai kaum wanita.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tambi kecil. [*Bercakap dalam bahasa Tamil*] [*Ketawa*]

Tuan M. Kulasegaran: Bukankah masa telah tiba supaya kita menggubal undang-undang untuk memastikan sekurang-kurangnya 30% kaum wanita [*Disampuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: PAS tidak mahu wanita.

Tuan Haji Noh bin Omar: Hei, PAS tidak mahulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran:di Dewan yang mulia ini, Dewan Undangan Negeri. Inilah standard Barisan Nasional.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 36(6). [*Ketawa*] [*Sorak*] Bolehkah Yang Berhormat tujukan kepada Yang Berhormat bagi Yan yang mengatakan perkataan-perkataan yang menyinggung kaum lain, seperti 'Tambi' dan sebagainya. Patut kita hapuskan sikap seperti ini..... [*Disampuk*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, 'Tambi' itu 'adik'.

Dato' Haji Othman bin Abdul: Bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Yan. [*Disampuk*]

Dr. Tan Seng Giaw:tetapi dengan sindiran. Adik beradikpun baik tetapi dengan sindiran itu tidak baik. *[Disampuk]* Kalau sindiran Yang Berhormat bagi Yan digunakan di dalam Dewan yang mulia ini, maka kita tidak boleh mewujudkan toleransi di negara ini. *[Disampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 'Tambi' tu adik.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini boleh menjadi pengkhianat toleransi di negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ini semua adalah Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mintalah kita kawal sedikit perkataan-perkataan yang kita gunakan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita ada peraturan. Sila, sila.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengatakan mengenai Yang Berhormat bagi Yan yang selalu menggunakan bahasa selain daripada bahasa Malaysia, kalau saya menggunakan bahasa Tamil *[Bercakap dalam bahasa Tamil]* *[Ketawa]* Apa you rasa? Yang ini saya rasa satu yang tidak baiklah. Lebih baik

Seorang Ahli: Okay, okay.

Tuan M. Kulasegaran:kita gunakan bahasa Melayu sebab kita semua tahu. Jangan perli-perli, ya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat mengerti tidak apa yang saya kata?

Tuan M. Kulasegaran: Kita perlu serius mengemukakan soalan yang berkenaan, kalau hendak cakap bahasa Tamil, pergi belajar baik-baik, mari di dalam Parlimen cakap dengan saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila teruskan ya, saya sudah beri nasihat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, jadi bukankah masa telah tiba supaya kita menggubal undang-undang untuk memastikan supaya pihak wanita ini sekurang-kurangnya ada 30% di semua bahagian.

Seorang Ahli: PAS tidak setuju!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pasal menggubalkan undang-undang, itu saya boleh katakan senang tetapi walaupun undang-undang digubal, kalau mereka mengikut apa yang telah saya beri penjelasan pada awal tadi, itu tidak guna.

Jadi, yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan itu 30%, ini ialah cadangan dari United Nations. Jadi, kita telah tahu, saya pun telah mengetahui sedikit sebanyak, di seluruh dunia ini susah untuk kita, ada satu, dua negara di dalam dunia yang mencapainya tetapi kebanyakannya kurangnya dari negara kita Malaysia ini. *[Disampuk]*

Jadi, oleh kerana itu baiklah kita mengadakan di mana sejak dua, tiga tahun yang lepas iaitu Hal Ehwal Wanita sebagai agensi di bawah kementerian, sekarang sebagai jabatan. Jadi, itulah permulaannya. Selain daripada itu kerajaan memang cukup prihatin berkenaan dengan membanyakkan wanita di dalam semua bidang sama ada di dalam kementerian atau agensi yang ada dalam negara ini.

14. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) sama ada sektor swasta telah mengeluarkan panduan kod amalan gangguan seksual di tempat kerja yang sesuai dengan budaya syarikat-syarikat masing-masing; dan
- (b) apakah langkah-langkah lain kementerian bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai berhubung hak mereka untuk bertindak apabila berhadapan dengan masalah tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia telah merasmikan pelancaran kod amalan untuk mencegah dan membasmi gangguan seksual di tempat kerja pada 17 Ogos yang lalu.

Sehubungan dengan itu sebanyak 8,000 naskhah kod amalan tersebut telah diedarkan kepada pihak majikan ke seluruh negara secara percuma sebagai panduan yang praktikal kepada majikan, pekerja, kesatuan sekerja dan pihak-pihak yang berkaitan supaya tempat kerja menjadi selamat dan bebas dari segala bentuk gangguan seksual di tempat kerja.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu panduan ini juga boleh didapati dalam laman web Kementerian Sumber Manusia – saya hendak baca susah, saya akan beri secara notis. Ya, Kementerian Sumber Manusia telah menerima *respond* yang sungguh menggalakkan dari pihak swasta mengenai perkara ini dan mereka sedang berusaha untuk menyediakan dan melaksanakan kod amalan ini di tempat kerja masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pelancaran kod amalan tersebut, Kementerian Sumber Manusia telah mengadakan bengkel untuk menerangkan secara jelas kepada pihak-pihak majikan, kesatuan sekerja dan semua pihak yang terlibat di setiap negeri, di seluruh negara kecuali bagi negeri Sarawak yang akan diadakan pada 17 haribulan ini. Sehingga bulan Oktober tahun ini seramai 1,500 pengurus perjawatan dan pengurus-pengurus besar syarikat swasta telah mengikuti program tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah dan sedang mempertingkatkan usaha mengenai perkara ini melalui media massa, ceramah-ceramah dan seminar dengan pertubuhan-pertubuhan, majikan-majikan swasta, kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan ataupun NGO dan lain-lain pihak yang terbabit.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah berjaya mengadakan kod amalan gangguan seksual di tempat kerja.

Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidakkah dengan adanya kod amalan ini nanti akan menyebabkan ketegangan di tempat kerja sebab apabila sudah kerja satu hari, kadang-kadang kita hendak relaks, kita hendak bergurau, kita hendak berjenaka.

Jadi, dalam kita bergurau, berjenaka kadang-kadang kita sindir menyindir kawan-kawan ini kita tidak ada niat yang lain, hanya niat untuk melepaskan [*Disampuk*] – bukan geram [*Ketawa*] untuk bergurau, untuk relaks. Sebab kalau saya tidak silap, kod ini juga termasuk perkataan-perkataan. Kadang-kadang kita puji kawan-kawan kita bergurau, niat kita. Sebagai contoh macam tadi Yang Berhormat bagi Yan dia cakap betullah ‘Tambi’ ini ‘Adik’ tetapi Yang Berhormat bagi Kepong sudah salah tafsir, dia kata sindir.

Jadi, dalam Parlimen pun Ahli-ahli Parlimen pun dia tidak faham erti sindir dengan kita serius. Yang Berhormat bagi Kepong ini ‘Tambi’ betullah ‘Adik’, yang hendak marah pasal apa? Betullah. Jadi, kita takut ada orang di tempat kerja macam

Yang Berhormat bagi Kepong ini. Dia tidak faham, tambah kita guna peribahasa dan kesimpulan-kesimpulan yang kadang-kadang menyinggung tetapi sebenarnya kita hanya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Kepong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar:bergurau, berjenaka. Tidakkah nanti ini akan menimbulkan masalah?

Dr. Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36(6) lagi. *[Ketawa]* Mengenai Yang Berhormat bagi Tanjong Karang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw:yang memujuk dan menggalak Yang Berhormat bagi Yan untuk menyindir, *[Ketawa]* mencarut,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw:sehingga beliau sentiasa menggunakan perkataan 'Tambi' ataupun 'Bai'.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *Point of order* 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sangkaan jahat terhadap saya. Saya tidak berdosa di dalam kes ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Nampaknya Yang Berhormat bagi Kepong selalu bangkitkan *point of order* kali ini. Ya, sila. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau dalam Dewan yang mulia ini adalah *point of prder*. Kalau di tempat kerja mana ada *point of order*? *[Ketawa]* Jadi, susah dan akan menimbulkan ketegangan. Jadi, masing-masing serius sahaja kerja, hendak gurau-gurau macam dahulu mungkin sudah tertekan, ada kod.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidakkah ini menyebabkan ketegangan di tempat kerja sebab tidak boleh hendak *release tension*. Masing-masing takut.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan sahabat saya dari Tanjong Karang bahawa kita perlu bergurau dan saya juga menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini gurau untuk me 'release' tension yang paling asas, yang paling *complete* ialah gurauan seksual. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, bangun ada apa, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Apa pasal? *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia mahu menjawab Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia menjawab tu.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Hoi, duduk-duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: *Point of order*, Yang Berhormat? *[Ketawa] [Disampuk]*

Seorang Ahli: Apek, apek duduk!

Seorang Ahli: Hei, Mr. Bean, duduk Mr. Bean.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini gangguan seksual.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tunjuk ini caranya bukan hendak sindir bangsa yang lain.....

Seorang Ahli: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw:saya harap untuk bergurau, inilah caranya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya tadi kepada hukum tabii. Di dalam hukum tabii perkara-perkara seksual adalah perkara asas. Ini kalau Yang Berhormat baca buku *Schaden Freude* ini adalah satu asas. Kita akui itu

dan kita tidak dapat lari apabila kita bergurau, untuk *release tension* kita termasuk ke dalam bidang *sexuality* tetapi Yang Berhormat dalam tafsiran di sini jikalau Yang Berhormat bergurau dengan seorang wanita, jikalau wanita itu tidak memandangkan itu sebagai *offensive*, dalam tafsiran itu bukan *harrasement*. Dia terima, dia seronok, Yang Berhormat seronok, selesai masalah itu. [Ketawa]

Jadi, masalahnya ialah apabila nilai hidup seseorang itu dimasukkan di dalam perantaraan, *inter action* ini. Jikalau Yang Berhormat bergurau dengan seorang wanita yang nilainya tidak dapat menerima apa Yang Berhormat katakan, katakanlah Yang Berhormat panggil 'sayang' kepada Yang Berhormat bagi Santubong. Dia sebagai orang yang warak, orang yang alim, dia kata, "*Mana boleh panggil 'sayang' kepada saya, saya bukan muhrim Yang Berhormat?*" Dia boleh mengatakan itu sebagai *sexsual harassment* tetapi kalau Yang Berhormat panggil 'sayang' kepada mana-mana wanita yang tidak memandang itu sebagai *harassment* [Disampuk] dia seronok, Yang Berhormat seronok, habis cerita. [Ketawa]

Jadi, di sini terletak kepada nilai masyarakat, nilai persendirian macam di Itali. Di Itali, kalau Yang Berhormat pergi ke Rome, mencubit punggung wanita, itu disukai oleh wanita Itali. [Ketawa] Jadi, kalau dibuat di negeri Kelantan, habis cerita. [Ketawa] Jadi, ini terletak kepada nilai-nilai masing-masing. Jadi, kita orang Islam kita ada nilai, orang agama lain dia ada nilai.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini tafsiran gangguan seksual itu kita beri sebagai subjektif, yang mana yang dipandang *offensive*, yang tidak dapat diterima, boleh. Tetapi kalau dia kata dia seronok, *no problem*. Tetapi Yang Berhormat, sebagai persoalan yang kedua, kalau hendak bergurau carilah hak yang bukan seksual, untuk menyelamatkan diri Yang Berhormat. [Ketawa]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang pakar bahagian gurauan ini, setakat hari ini sudah berapa banyak gangguan seksual berlaku di tempat-tempat kerja, contohnya, kes raba-meraba dan sebagainya. Adakah ini kerap kali berlaku dan berapa ramaikah berlaku di peringkat eksekutif dan di peringkat bawahan kerana kadang-kadang yang gatal lebih ini di peringkat eksekutif. Jadi, depa dok raba dan sebagainya dalam pejabat. Jadi, adakah

Seorang Ahli: Raba apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya? [*Ketawa*], Yang itu kalau hendak tanya kes raba ini saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri ini lebih cekap pasal kes raba. [*Ketawa*]

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian akan menyuntikkan nilai-nilai Islam? – Adakan kelas-kelas agama, memberi satu ingatan kepada mereka bahawa gangguan seksual ini mungkin kalau ia merebak, ia jadi celaru. Macam Yang Berhormat bagi Kepong tidak apalah, dia celarulah! [*Ketawa*] Jadi, adakah kementerian Yang Berhormat akan mengambil tindakan tentang perkara ini dan adakah macam sindiran-sindiran tadi, Yang Berhormat kata, macam saya kata, kebanyakan peribahasa Melayu, banyak yang kita gunakan untuk mengambil hati orang. Kadang-kadang kita melayan orang terlampau baik pun dengan harapan untuk menawan hati orang itu, adakah termasuk juga dalam gangguan seksual? Macam dia merayu-rayu antara satu sama lain, dengan lembutnya rayuan-rayuan itu, maka adakah ini gangguan seksual juga?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sight 36(6) Yang Berhormat kata tadi saya pakar dalam raba-meraba, ini tidak betul. [*Ketawa*] Tidak betul! Saya anak Tok Guru macam Yang Berhormat bagi Marang. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan nilai dalam gangguan seksual ini, kementerian ada program-program yang kita wujudkan tetapi setakat ini sebelum kita adakan panduan ini, kita tidak ada statistik yang *substantive* tetapi kita mengadakan ini memandangkan kita hendak mengambil bahagian dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti. Di negara maju sebanyak 70% daripada masalah gangguan seksual menyebabkan turunnya produktiviti di kilang, jadi kita mengambil satu langkah *preemptive* untuk memastikan ini tidak berlaku, walaupun kita dengar belaku. Setakat kita melancarkan panduan ini telah ada 15 aduan kepada kementerian sendiri. Sumber-sumber aduan banyak iaitu kepada majikan, polis dan sebagainya, malah di dalam perundangan pun mereka boleh mengadu terus kepada polis di bawah *Sexual Assault Act* di bawah undang-undang yang ada pada pihak polis. Jadi, setakat mana aduan telah dibuat, kita tunggu hujung tahun untuk mendapat statistik yang benar mengenai hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat kata tadi, mengenai dengan sindiran dan lain-lain gangguan sebab itu kementerian memastikan tafsirannya subjektif kerana ianya di dalam banyak masyarakat, ia bermacam-macam sindiran. Dalam masyarakat Kedah disebabkan oleh iklimnya, masyarakat Kedah, Perlis – Arau semacam, yang mana iklimnya humid, tinggi, panas, jadi masyarakat Kedah-Perlis – Utara ini, dia banyak sindiran dan banyak melawak untuk mengatasi masalah ini kerana kalau tidak melawak, nanti Yang Berhormat bagi Yan bertikam dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena. Sebab itu satu daripada cara untuk mengatasi masalah *high humidity* dan hot *temperature* ini, Tuan Yang di-Pertua, dicipta dalam satu masyarakat apa yang dikatakan *social safety valve*, pada hal orang di Johor, dia tidak melawak begitu sebab dia duduk di dalam *tree crop culture* iaitu di bawah teduh pokok getah, pokok kelapa sawit dan di bawah teduh hutan. Jadi, di Kedah ini dia lapang, dia panas dan dia senang marah, dia senang membunuh orang, kalau....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, dengar Kepong, dengar atau tidak itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [Ketawa] Jadi, dia adakan *social safety valve*, dia melawak kasar. Jadi, dia bergurau secara kasar dan *threshold*....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada apa?

Dr. Tan Seng Giaw: Ini ya, baik sekali Yang Berhormat bagi Padang Terap, kita balik ke Kedah untuk menasihati puak-puak seperti Yan ini, biarlah itu kaum-kaum yang lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Kepong, cukuplah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya tidak beri 'floor' kepada dia, pasal apa dia cakap?[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan. [Ketawa]

Tuan Haji Noh bin Omar: Sebab dia 'lok-lak' sedikit. [Ketawa]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, *threshold tolerance*, dengan izin, adalah tinggi. Saya bercakap ini adalah daripada faktor psikologi, Tuan Yang di-Pertua. *Threshold tolerance* nya tinggi tetapi setengah orang *threshold tolerance* nya rendah. Jadi, di sinilah yang pentingnya kita wujudkan satu tafsiran yang *subjective*. Kalau dia fikir benda ini *offensive*, okay, dia boleh lapor. Kalau dia fikir tidak *offensive*, macam Yang Berhormat bagi Yan dan Yang Berhormat bagi Pokok Sena, kalau kita dengar mereka bergurau, Tuan Yang di-Pertua, orang Sabah sudah lama bertikam tetapi mereka dok berkawan lama. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 4, 5, 10, 12 dan 15 hingga 23 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di

bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersempena dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. *[2 November 1999]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Senai sambung.

11.07 pagi.

Dato’ Lim Si Cheng [Senai]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya menyambung perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya nyatakan pada petang semalam, iaitu Belanjawan Tahun 2000 adalah digubal demi kepentingan semua lapisan rakyat . Cukai pendapatan individu, cukai pelbagai bahan makanan utama, cukai import barangan harian, duti setem pembelian rumah dan yuran lesen televisyen diturun atau dibatalkan, semua ini dengan secara langsung atau tidak telah meringankan beban rakyat . Saya bersetuju dengan apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama semasa membentangkan Belanjawan ini iaitu Belanjawan Tahun 2000 adalah Belanjawan rakyat. Belanjawan ini digubal khusus untuk memberi tumpuan kepada menjayakan aspirasi rakyat jelata. Jadi, saya ingin menyatakan Belanjawan ini amat menggembirakan rakyat jelata.

Belanjawan yang dibentangkan oleh ‘Barisan Alternatif’ pada hari Rabu lalu dibuat tanpa disokong data serta maklumat yang tepat, merupakan angan-angan kosong sahaja. Ia tidak akan membawa apa-apa hasil kepada rakyat negara kita. Melalui belanjawan ini telah menunjukkan kelemahan dan kegagalan ‘Barisan Alternatif’ sendiri. ‘Barisan Alternatif’ ini sebelum masuk ke medan perang, ia dengan sendirinya telah dimusnahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Alternatif adalah satu pakatan palsu dan saya anggap mereka tidak jujur. DAP telah diperalatkan, mereka telah mengelirukan rakyat jelata. Pihak PAS telah menekankan matlamat perjuangan mereka untuk menjadikan

negara Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Apabila mereka bertemu dengan masyarakat Muslim, isu yang dibangkitkan memang mementingkan perjuangan mereka yang utama ini akan tetapi apabila pihak PAS berjumpa dengan pengundi Cina, perkara yang berbeza akan dibangkitkan, mereka akan menggunakan isu seperti isu Lim Guan Eng.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, hendak beri jalan atau tidak, Tumpat bangun.

Dato' Lim Si Cheng: [*Menggeleng kepala*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, ya.

Dato' Lim Si Cheng:.....bekas Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Melaka. Mereka memutarbelitkan isu ini dan minta masyarakat Cina.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Minta jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Dato' Lim Si Cheng: Tidak payahlah, duduklah. Nanti, nanti.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dia tidak mahu bertanggungjawab.

Dato' Lim Si Cheng: Mereka kata kerana Lim Guan Eng adalah seorang pemimpin yang telah dilemparkan dengan tuduhan palsu. Mereka kata, Encik Lim dipenjara bukan senang kerana beliau terpaksa dipisahkan daripada ahli keluarganya. Dalam kenyataan yang sama juga mereka akan menuduh bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah memudaratkan masa depan bekas Timbalan Perdana Menteri. Jadi, saya sangat-sangat berharap supaya masyarakat Cina tidak akan diperdayakan oleh Barisan Alternatif ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCIM) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) pada petang semalam telah menyampaikan hasrat dan cita-cita mereka untuk terus bekerjasama dengan pucuk pimpinan kerajaan Barisan Nasional bagi memastikan kestabilan,

keamanan dan kemajuan negara serta memenuhi aspirasi Wawasan 2020. Saya yakin dan percaya perkara ini perlu dialu-alukan. Kedua-dua gabungan ini telah melafazkan hasrat dan cita-cita mereka. Saya ingin menyatakan masa yang tepat dan sesuai, maka saya harap semangat menyintai negara dapat terus diikuti oleh semua lapisan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan yang telah dibentangkan, untuk menggalakkan sektor swasta menceburi bidang perumahan, pelancongan, pendidikan dan industri telekomunikasi, pelbagai pengecualian cukai dan insentif telah diperuntukkan oleh kerajaan. Langkah ini akan disambut baik. Insentif juga diberikan kepada bank-bank yang menambahkan kemudahan pinjaman perumahan dan pengecualian duti setem ke atas suratcara pindah milik demi menggalakkan rakyat membeli rumah. Kerajaan memang bersedia membantu rakyat yang terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana memiliki rumah sendiri di samping mempercergaskan semula dan mempercepatkan perkembangan kegiatan industri hartanah bagi membantu pemulihan ekonomi negara kita. Dari itu adalah diharapkan supaya Kempen Pemilikan Rumah Kedua yang sedang giat dilaksanakan mampu memenuhi sasaran jualan kumpulan yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli politik, Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat jelata, saya juga ingin membangkitkan beberapa perkara lain yang saya fikir perlu mendapatkan perhatian kerajaan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada perkara ataupun bidang pendidikan. Pendidikan adalah amat penting bagi kita semua. Pendidikan akan menentukan nasib dan masa depan bangsa dan negara kita. Sejumlah RM14.08 bilion telah disediakan bagi maksud program pendidikan untuk tahun 2000 adalah amat membanggakan. Cadangan ini jelas membuktikan bahawa kerajaan amat prihatin tentang kepentingan pelajaran bagi generasi muda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk membina sebanyak 833 buah lagi sekolah dalam tahun 2000. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah ke atas usaha kerajaan dalam hubungan ini memandangkan kekurangan bangunan sekolah bagi SJK(C) masih menjadi satu isu yang belum diselesaikan. Ingin saya memohon supaya cadangan projek baru tersebut juga termasuk SJK(C). SJK(C) selama ini telah banyak memainkan peranannya terhadap

pembangunan negara kita. Adalah diharapkan sekiranya kepentingan dan kemudahan SJK(C) tidak akan diketepikan.

Yang Berhormat bagi Parit Sulong semasa berucap petang semalam telah menerangkan kedudukan prestasi pelajar kaum bumiputera dalam SPM. Mengikut satu kajian yang dilakukan olehnya, beliau menyatakan adalah terdapat prestasi pelajar bumiputera dalam jurusan Matematik dan Sains jauh berbeza daripada pelajar kaum bukan bumiputera. Prestasi Matematik dan Sains dalam SPM dan juga peperiksaan lain yang diperolehi oleh pelajar bukan bumiputera boleh dianggapkan lebih baik daripada pelajar bumiputera. Kualiti pendidikan yang dapat dibuktikan dan ditunjukkan oleh pihak SJK(C) mungkin telah memainkan peranannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan sebab ini terjadilah lebih daripada 60,000 pelajar bukan Cina sedang belajar di SJK(C) dan angka ini akan bertambah lagi. Kebanyakan SJK(C) yang mendapat bantuan modal didirikan pada tahun 1950-an atau 1960-an adalah dalam keadaan uzur dan ia perlu diperbaiki. SJK(C) selama ini sudah dan akan terus memberi sumbangan yang tidak kurang daripada sekolah kebangsaan terhadap pembentukan generasi muda dan insan yang berguna. Saya memohon dan merayu kepada kerajaan agar peruntukan tambahan untuk membantu semua SJK(C) bantuan modal ini disediakan dari masa ke semasa. Pada keseluruhannya, SJK(C) memang banyak menghadapi masalah terhadap kekurangan bilik darjah dan kemudahan lain berbanding dengan jumlah pelajar yang bertambah setiap tahun. Pencapaian akademik SJK(C) ini memang baik sehingga juga mendapat pujian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri. Kedudukan yang kurang memuaskan ini yang dihadapi oleh kebanyakan SJK(C) ini perlu diperbaiki dengan secepat segera yang boleh.

Beralih saya kepada masalah yang dihadapi oleh sekolah SJK(T). Sukalah saya memohon supaya satu kajian dapat dijalankan supaya satu pendekatan baru untuk membantu pelajar daripada masyarakat estet dapat diwujudkan. Kini terdapat empat buah SJK(T) di kawasan pilihan raya saya di Senai. Kesemua ini terletak di dalam kawasan estet. Saya berasa bimbang dan kesal terhadap prestasi akademik pelajar-pelajar dari sekolah tersebut. Peratus kelulusan UPSR kurang daripada 30% dan antara mereka juga ada yang kurang daripada 18%.

Dengan adanya prestasi yang buruk ini, kita tidak akan dapat memastikan anak-anak masyarakat estet akan melanjutkan pendidikan mereka ke peringkat menengah dengan licin dan sempurna. Sudah tentu mereka ini akan gagal dalam bidang pendidikan. Keadaan fizikal bangunan yang begitu buruk, bilik darjah berkurangan dan kemudahan asas tidak sempurna sudah tentu tidak dapat menyediakan satu keadaan yang selesa bagi anak kita. Jika berbanding dengan sekolah yang terletak di bandar, SJK(T) yang saya bangkitkan ini tidak sesuai lagi digunakan sebagai sekolah.

Semasa saya balik ke kawasan, saya bertemu dengan pihak guru, dengan pelajar-pelajar dengan ibu bapa-ibu bapa yang terlibat, saya mendapat tahu pendapatan ibu bapa pada puratanya kurang daripada RM700 sebulan. Ibu bapa ini tidak mampu membeli peralatan sekolah dengan sempurna, ibu bapa ini tidak mampu membeli buku-buku rujukan, buku-buku latihan tulis untuk anak mereka, mereka tidak mampu menghantar anak-anak mereka untuk kelas tambahan di bandar. Kebanyakan ibu bapa ini adalah terdiri daripada golongan miskin, mereka sendiri berpendidikan rendah, mereka memang tidak ambil berat tentang pendidikan anak-anak mereka. Mereka tidak hadir ke sekolah walaupun dijemput. Kesemua ini telah banyak memberi sumbangan kepada kelemahan ini dan kemerosotan pendidikan anak mereka. Kerajaan sedang merancang supaya pada tahun 2005, sekolah bestari akan wujud di semua sekolah sama ada di sekolah rendah ataupun menengah di dalam negara kita.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak, Yang Berhormat.

Dato' Lim Si Cheng: Tidak payah. Sekolah-sekolah yang terletak di kawasan luar bandar termasuk empat buah SJK(T) yang terletak di dalam kawasan estet ini dengan bangunannya dalam keadaan buruk dan prestasi akademik yang lemah. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah cara yang dapat kita pastikan agar pelajar-pelajar ini dapat menerima konsep sekolah bestari yang akan dilaksanakan dalam negara kita nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, kini terdapat 60 buah sekolah menengah persendirian Cina dalam negara kita. Setiap tahun kira-kira 6,000 orang pelajar lepasan daripada 60 buah sekolah ini setelah menduduki satu peperiksaan yang dinamakan Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah-sekolah Persendirian Cina. Apa yang ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, iaitu kebanyakan daripada 6,000

orang pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Bersama ini akan melanjutkan pendidikan mereka di institusi pengajian yang lebih tinggi di dalam dan luar negara kita. Sijil Peperiksaan Bersama ini dianjurkan oleh Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia dan sijil peperiksaan ini mendapat pengiktirafan secara umum oleh ratusan pengajian tinggi dari negara Eropah, Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom, New Zealand, Taiwan dan Singapura dan juga banyak kolej swasta dalam negara kita.

Baru-baru ini Universiti Telekom (TNB) dan Universiti Tun Abdul Razak juga membuka pintu kepada pelajar-pelajar lepasan ini. Sekolah Menengah Persendirian China, Fong Yu adalah salah satu dari 60 buah sekolah tersebut yang terletak di bandar Johor Bahru. Sebagai contohnya, sekolah ini mempunyai pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Bersama ini seramai antara 850 hingga 900 orang setahun. Pada tahun 1996, 83.30% daripada 880 orang pelajar lepasan iaitu seramai 773 orang melanjutkan pengajian tinggi mereka. Selain daripada 526 orang melanjutkan pendidikan mereka di pengajian tinggi swasta tempatan, bakinya seramai 104 di Singapura, 103 orang di negara lain kebanyakan ke Australia, Taiwan dan Kanada.

Bagi tahun 1997, 82.85% daripada 867 orang pelajar lepasan iaitu seramai 715 orang melanjutkan pengajian tinggi mereka antaranya seramai 143 pelajar berada di Singapura, 49 pelajar di negara lain dan bakinya sejumlah 523 orang pelajar berada di dalam negara kita mengikuti program berkembar di beberapa kolej swasta dan ada juga melanjutkan pendidikan tinggi mereka di IPTS. Pada tahun 1998 pula, 81.31% daripada sejumlah 899 pelajar lepasan iaitu 731 orang telah mengikut pengajian tinggi mereka. Antara angka ini, 493 orang berada di dalam negara kita, 175 orang belajar di Singapura dan 62 orang di negara lain. Bagi mereka yang berada di Singapura, kesemuanya ditawarkan dengan biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara ini semata-mata untuk memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa standard ataupun prestasi pelajar lepasan sekolah ini memang telah diuji dan diberi pengiktirafan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita akan dijadikan sebagai pusat pendidikan yang cemerlang di rantau ini. Negara kita berhasrat supaya menarik lebih ramai pelajar asing datang ke negara kita, di samping merancang supaya satu hari nanti 40% daripada golongan pelajar yang berumur antara 19 hingga 24 tahun dapat melanjutkan pengajian

tinggi mereka. Dari itu, ingin saya cadangkan supaya kajian dibuat dengan tujuan dan harapan agar IPTA juga dapat memberi peluang kepada golongan pelajar yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting bagi negara kita kerana ia akan membantu negara kita bagi mengelakkan mata wang ringgit di bawa keluar dan juga bakat-bakat negara kita dapat diketengahkan.

Kekurangan tenaga mengajar di SJK(C) dan kekurangan tenaga pengajar Bahasa Cina bagi sekolah menengah masih menjadi sesuatu isu yang hebat dibangkitkan. Perkara ini harus dapat diselesaikan. Sungguhpun tindakan untuk menyelesaikan masalah ini telah dijalankan, malangnya tidak berhasil. Oleh yang demikian, saya juga ingin mencadangkan supaya pelajar lepasan Sijil Peperiksaan Bersama yang saya bangkitkan ini, dari 60 buah sekolah menengah persendirian Cina diberi peluang untuk mengikuti kursus perguruan di maktab-maktab perguruan untuk dijadikan guru terlatih bagi mengisi jawatan kosong ini. Saya yakin dan percaya bahawa golongan pelajar lepasan sekolah persendirian Cina akan dapat memberikan sumbangan mereka terhadap pembangunan pendidikan negara kita sekiranya mereka ini diberi latihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada masalah yang dihadapi oleh peneroka FELDA. Kini terdapat lahan rancangan FELDA di kawasan Senai. Lahan rancangan FELDA ini mempunyai bilangan peneroka lebih daripada 3,200 orang. Kerana harga kelapa sawit dan getah telah jatuh disebabkan kemerosotan harga komoditi ini, saya ingin memaklumkan bahawa pendapatan bagi golongan peneroka pada masa ini memang buruk dan berkurangan. Bagi rancangan FELDA yang menanam getah, pendapatan peneroka bagi seorang lebih kurang RM500.00 sebulan, untuk kelapa sawit pula pendapatan mereka lebih kurang RM1,000.00 sebulan.

Masalah yang ingin saya tegaskan di sini ialah saya ingin untuk mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, mengapa *grading* bagi buah sawit yang ditentukan oleh kilang FELDA lebih rendah daripada kilang swasta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pokok kelapa sawit yang telah keluar hasil lebih kurang 10 tahun, pada kebiasaannya *grading* yang ditentukan oleh swasta lebih daripada 18% - 19%. Akan tetapi apabila ditentukan oleh kilang kepunyaan FELDA

hanya 16%-17.5%. Perbezaan 1%, bezanya RM13.00 satu tan. Tindakan ini memang banyak merugikan peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kerajaan memberi peluang untuk peneroka masuk ke rancangan FELDA, salah satu syarat ialah mereka sudah berkahwin dan mempunyai anak. Jadi pada dahulunya mereka yang mempunyai anak yang ramai, peluang untuk mendapatkan kelulusan adalah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, mereka dihantar ke rancangan FELDA menjadi peneroka semasa 20, 10 tahun dahulu, hari ini boleh dikatakan anggota keluarga sudah bertambah. Jadi saya ingin memohon supaya tanah-tanah kosong dalam perkampungan rancangan FELDA itu diberikan kepada generasi muda yang memerlukannya.

Tuan Yang di-Pertua, tanah terbiar yang telah diusahakan di rancangan FELDA juga saya harapkan dapat dikurniakan kepada anak peneroka. Tuan Yang di-Pertua, di FELDA Pasir Raja salah sebuah rancangan FELDA di kawasan pilihan raya saya, terdapat 36 orang peneroka yang telah meajukan permohonan mereka untuk menanam semula tanah mereka mengikut sistem FELDA induk. Setelah pokok-pokok yang berkenaan ditebang pada lapan bulan dahulu mereka diberitahu oleh pihak FELDA, dasar yang berkenaan telah berubah. Jadi sehingga hari ini mereka tidak mendapat apa-apa subsidi dan tidak mempunyai apa-apa pendapatan. Saya ingin memohon supaya perkara ini dapat disiasat dan berharap dapat diberikan bantuan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil getah, sejumlah RM201 juta akan disediakan untuk RISDA bagi melaksanakan program tanaman semula getah yang melibatkan keluasan 45 ribu hektar tanah pada tahun 2000. Beberapa tahun kebelakangan ini, saya telah banyak kali membangkitkan masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil mengenai kerja tanaman semula. Pekebun kecil sukar untuk mendapatkan kelulusan untuk tananam semula kebun mereka ataupun mereka yang telah mendapatkan kelulusan, disyaratkan menyerahkan kerja tanaman semula kepada anak syarikat koperasi RISDA.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya dengan adanya peruntukan RM201 juta ini, pekebun-pekebun kecil yang layak akan diberi kuasa untuk membuat pilihan sama ada kerja tanaman semula dilaksanakan oleh mereka sendiri ataupun diserahkan kepada syarikat yang tertentu.

Berhubung dengan Tabung Yayasan Ekonomi Pekebun Kecil dengan dana sebanyak RM120 juta akan ditubuhkan untuk memberi pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil untuk menjalankan kegiatan ekonomi sampingan seperti tanaman kontan, ternakan, kegiatan kraftangan dan sebagainya. Saya ingin memohon supaya perkara ini dapat disampaikan ke akar umbi. Saya ingin mencadangkan supaya pihak pegawai RISDA di peringkat daerah, mukim, ketua-ketua kampung, JKKK diberi tugas untuk menerangkan kepada orang ramai. Saya membuat cadangan ini bertujuan supaya kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini akan dapat dinikmati oleh semua pekebun kecil tanpa mengira kaum dan keturunan.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia nisbah penduduk pada paras umur 60 tahun pada pertengahan tahun 1999 adalah meliputi 4% daripada 2.71 juta penduduknya. Dalam tempoh 10 tahun akan datang, penduduk dalam kumpulan umur 65 tahun dan ke atas akan meningkat dari segi bilangan dan juga kadar pertumbuhan. Kumpulan penduduk berumur melebihi 60 tahun di jangka bertambah pada kadar purata 7% setahun. Memandangkan negara kita sedang mengalami satu senario baru di dalam struktur demografinya di mana jumlah warga tua semakin meningkat, maka ingin saya cadangkan supaya umur bersara di Malaysia dilanjutkan dari 55 tahun ke 60 tahun. Cadangan saya ini adalah berdasarkan kepada beberapa sebab termasuk peruntukan penjagaan kesihatan kumpulan orang tua menjadi berkurangan, nilai tambah pekerja warga tua menjadikan tenaga manusia negara ini dimaksimumkan sebesar mungkin.

Kebanyakan negara maju telah mendahului usaha negara Asia dalam melanjutkan usia bersara masing-masing. Antaranya termasuk Jerman, Switzerland, United Kingdom dan Sweden yang mempunyai umur bersara yang agak tinggi iaitu pada usia 67 tahun. Bagi Amerika Syarikat, negara itu telah lama mempunyai pelan peningkatan usia bersara pekerja dari 65 hingga ke 67 tahun pada tahun ini.

Malah dalam satu kenyataan terbaru, negara itu juga mengumumkan hasrat jangka panjangnya meningkatkan umur bersara sehingga 70 tahun.

Di Asia pula sejak 1 Januari pada tahun ini, rakyat Singapura telah diberi peluang bekerja sehingga menjangkau umur 62 tahun berikutan kelulusan pindaan Akta Umur Bersara oleh kabinet negara itu. Contoh lain yang baik ialah Taiwan. Taiwan merupakan satu-satunya negara Asia yang mempunyai purata umur bersara 65 tahun. Kebanyakan

rakyat Taiwan digambarkan sebagai sihat dan terus bekerja walaupun sudah melebihi 60 tahun. Manakala di India, kerajaan negara itu juga telah meluluskan pelaksanaan lanjutan usia bersara dari 58 ke-60 tahun bagi semua pekerja sama ada dalam sektor swasta atau sektor kerajaan sejak bulan Mei tahun 1998.

Rakyat bersara pada usia yang muda bermakna bertambahnya warga tua yang tidak aktif dari segi ekonomi. Lantaran itu, permintaan untuk perkhidmatan sosial seperti penjagaan kesihatan akan terus meningkat. Kumpulan ini akan menjadi tanggungan dan bergantung kepada ahli-ahli keluarga yang masih bekerja. Warga tua juga terpaksa bergantung kepada wang pencen dan besar kemungkinan menghabiskannya lebih cepat. Dengan lanjutan umur bersara sehingga 60 tahun, lebih warga tua akan berpeluang mencari punca pendapatan tetap di samping menokok-tambahkan simpanan apabila bersara kelak. Bagi majikan pula mereka terpaksa bergantung kepada pekerja asing akibat kekurangan tenaga kerja tempatan.

Namun demikian, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa peningkatan pekerja mahir dari negara asing sememangnya dapat meningkatkan daya saingan negara kita. Akan tetapi pertambahan pekerja-pekerja tidak mahir negara asing hanya akan merumitkan lagi keadaan sosial negara ini dengan lebih masalah-masalah sosial dilaporkan.

Memandangkan jangka hayat penduduk Malaysia dijangka meningkat setiap tahun pada tahun 2000, jangkaan usia purata lelaki dan perempuan adalah 71.3 tahun dan 75.9 tahun masing-masing. Manakala pada tahun 2020 usia purata tersebut dijangka meningkat ke-75.4 tahun bagi lelaki dan 80.4 tahun bagi perempuan. Maka langkah mengekalkan rakyat Malaysia yang masih berdaya ekonomi secara aktif dapat memberi sumbangan besar kepada ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) bertanggungjawab mempunyai peranan yang penting di dalam memperkukuhkan agenda pembangunan sosial negara. Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan dapat disediakan untuk mendirikan pusat-pusat latihan bagi mempertingkatkan tahap kepakaran kakitangan badan sukarela di dalam negara kita. Kerajaan perlu memberi sokongan kepada segala kegiatan yang dianjurkan oleh pihak NGO. Kerajaan bukan sahaja mengiktiraf dan memuji bakti dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh NGO tetapi

juga menyediakan peluang atau kemudahan kepada kakitangan NGO ini memperingkatkan kualiti mereka dan menjadi golongan profesional. Sebenarnya di negeri Johor satu kajian untuk menganjurkan kursus diploma bagi mempertingkatkan tahap kepakaran pihak NGO sedang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kemajuan negara dan peningkatan ilmu pengetahuan rakyat jelata, NGO di Malaysia perlu menjadi lebih lengkap, lebih aktif, melancarkan lebih banyak aktiviti kebajikan dan perkhidmatan kemasyarakatan. Oleh yang demikian kursus badan sukarela jika dapat dianjurkan dengan kerap untuk melatih lebih ramai sukarelawan menjadi golongan profesional, tahap kepakaran badan-badan sukarela sudah tentu akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada Belanjawan. Ingin saya nyatakan Kerajaan Barisan Nasional berupaya membentangkan Belanjawan ini yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat. Sebab utama ialah pemulihan ekonomi memberi keupayaan kepada Kerajaan untuk menanggung perbelanjaan yang berlebihan. Taksiran pemulihan ekonomi tahun ini ialah 4.3% yang melebihi daripada penyusunan ekonomi tahun lepas sebanyak -7.5%.

Dengan pertambahan pendapatan eksport dan peningkatan pendapatan korporat yang pesat, peluang pekerjaan bertambah, syarikat-syarikat baru ditubuhkan dan lain-lain faktor baik telah membawa pendapatan kerajaan bertambah pesat sehingga dapat menanggung Belanjawan kali ini. Tidak dapat dinafikan Belanjawan 2000 akan mendapat sambutan rakyat yang meriah dan membolehkan mereka lebih optimis terhadap masa depan ekonomi negara kita.

Walau bagaimanapun, dalam situasi pemulihan ekonomi ini semoga Kerajaan dapat memperkukuhkan struktur institusi kewangan, meningkatkan ketelusan sektor korporat serta membasmi kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

11.48 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan bercakap panjang, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Saya cakap sahaja inipun gelak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan cakap panjang tetapi alhamdulillah saya telah diberi peluang untuk [*Disampuk*] Ha? tidak bohong, insya-Allahini kena panjang ini relatif sahaja.

Seorang Ahli: Dua jam sahajalah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, dua jam. Tuan Yang di-Pertua, seperti rakan-rakan saya yang lain, saya juga ingin mengalu-alukan Belanjawan kali ini sebagai yang terbaik yang pernah dibentangkan di Dewan yang mulia ini semenjak saya menjadi Ahli Parlimen hampir sedekad dulu.

Ini bukanlah saya mengatakan bahawa belanjawan yang dibentangkan setiap tahun selama sepuluh tahun itu kurang baik tetapi baik juga. Apa yang menyerlah kali ini ialah kumpulan sasar dikenal pasti, habuan diberi. Secara keseluruhannya belanjawan kali ini boleh dikatakan *people frankly sensitive to the need and aware of the target group*, dengan izin. Dengan itu saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan belanjawan yang dibentangkan pada hari Jumaat, 29 Oktober 1999 yang lalu amatlah membanggakan.

Sebagaimana biasa, pihak pembangkang membuat tuduhan bermacam-macam, belanjawan pilihan raya, memancing undi bahkan ada yang mengatakan bahawa kerajaan membazir dan terpaksa berhutang untuk melaksanakan belanjawan ini dan banyak lagi. Ini memandangkan telah menjadi gelagat dan telatah pembangkang. Apa sahaja yang dibuat oleh kerajaan adalah tidak betul dan jauh sekali sempurna. Kalaupun kebanyakan tindakan yang dicadangkan di dalam belanjawan tersebut adalah untuk kebaikan rakyat yang memerlukannya umpamanya bonus kepada kakitangan kerajaan, pemansuhan lesen, pengurangan cukai dan berbagai lagi.

Ternyata pembangkang hanya tahu membangkang dengan menggunakan perkataan yang kesat, kurang manis dan lantang tanpa melihat keperluan menolong kumpulan sasar secara nyata. Pembangkang menunjukkan ciri-ciri dan sifat yang tidak baik. Kerajaan menolong pihak yang perlukan pertolongan dan rakyat yang perlukan bantuan. Mungkin juga ini adalah sejajar dengan dasar perjuangan bersama Barisan Alternatif, mungkin ini sejajar dengan konsep demokrasi, konsep keadilan, konsep *equality* yang mereka perjuangkan kerana konsep tersebut adalah *across the board*, dengan izin, berlandaskan meritokrasi tanpa perbezaan di antara yang kaya dengan yang

miskin, tidak mengenal bumiputera ataupun bukan bumiputera yang perlukan bantuan ataupun yang tidak. Ini berlaku di negara demokrasi yang baru dan lama mengikut model Barat. Dengan itu hapuslah perbezaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera, hapuslah perbezaan di antara Malaysia dengan orang asing, hapuslah perbezaan di antara yang kaya dengan yang miskin, hilanglah keperluan membantu yang miskin nyata dasar pembentukan semula masyarakat dan membantu yang lemah dan yang kurang bernasib baik juga akan dihapuskan. Semuanya berlandaskan interpretasi demokrasi yang tulen, keadilan sejagat yang meritokrasi yang diperjuangkan oleh mereka.

Siapa kuat, dialah yang dapat, yang miskin, yang dipinggir, yang lemah akan hilang ditelan zaman, *survivals of the fittest*, dengan izin, kata Darwin. Saya percaya rakyat bijak memilih, rakyat Malaysia tahu bagaimana pentingnya agar orang Melayu dan orang bumiputera tidak menjadi pengemis dan menjadi orang buangan di bumi sendiri. Saya menghantar utusan dan pesanan ini kepada PAS dan keADILan agar jangan dipergunakan oleh pihak DAP dan kuasa asing.

Kita lihat di Iraq, marahkan Saddam Hussein, musnahkan rakyat Iraq. Wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa dibunuh, marahkan Mohd. Gaddafi, rakyat Libya ditindas. Gambaran dan bayangan sama telah nampak jelas di Sarawak. PAS dan keADILan berusaha bersungguh-sungguh hendak memecah belahkan orang Melayu, masyarakat Islam tanpa menilik akibatnya. Mana keislaman PAS, tahukah PAS memecah belah masyarakat Islam itu tidak *Islamic*? Sedarkah PAS bahawa memecah belahkan masyarakat yang bersatu padu dan berharmoni terutama sekali sesama Islam itu keji dan berdosa?

Jangan gunakan surau dan masjid sebagai tapak untuk menyebarkan dakwah politik, jangan gunakan agama sebagai landasan untuk menyebarkan fitnah, jangan datang ke Sarawak menjadi dalang masyarakat Islam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya berasa kecewa dengan PAS. Saya sangka PAS berhati perut Islam.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan daripada Batang Lular. Batang Lular ada menyebut tentang Barisan Alternatif. Saya hendak minta pandangan Batang Lular bahawa yang dikatakan

pakatan itu yang dinamakan Barisan sudah tidak wujud kerana sementara sebagai analoginya, sementara dalam proses meminang, ibaratkan hendak berkahwin sudah berpecah kerana DAP sudah banyak kali berkata dia tidak setuju cadangan PAS untuk mengadakan kononnya negara Islam itu dan minta supaya diambil tindakan kepada Marang, Timbalan Presiden PAS. Ini sendiri dia minta, kalau misalannya benar-benar ada barisan, ada pakatan yang kukuh, takkan hendak ambil tindakan antara satu sama lain?

Bermakna saya minta Batang Lular adakah kita mengatakan bahawa ini sudah tidak ada, bukan Barisan. Barisan Alternatif sudah tidak ada, kalau ibarat benteng, benteng sudah pecah. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa tidak perlu kita katakan mereka ini barisan? Barisan itu tidak wujud, yang ada mungkin pakatan yang sudah berpecah belah. Arau saya tahu, dia tidak bersetuju dengan DAP, mungkin dia bersetuju sedikit dengan Kepong tetapi dia tidak bersetuju dengan pandangan Tanjong dan tidak bersetuju dengan pandangan Jelutong, Jelutong kata '*over minded body*' kalau hendak wujudkan negara Islam tetapi Perlis meneruskan juga.

Macam ada pakatan, mana ada barisan, barisan sudah pecah sebelum berkahwin, proses meminang sudah pecah. Jadi adakah Batang Lular mahu ubahsuai sedikit supaya tidak ada pakatan dan barisan, yang ada hanyalah perpecahan di kalangan mereka. Kita minta pandangan Batang Lular.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya jarang-jarang hendak buat ucapan bertulis tetapi kali ini saya tulis. Bila saya buat Barisan Alternatif itu saya memang buat macam ini, [*Sambil menunjukkan isyarat in bracket*]. Sebenarnya saya memang bersetuju dengan kata-kata Yang Berhormat bagi Rompin. Kita lihat Barisan Nasional mempunyai persetujuan dan perjuangan yang telah ditetapkan dan kita telah banyak berunding dan pengalaman untuk mentadbir kerajaan bahkan tidak ada tindakan kita itu secara politik di antara sesama sendiri tetapi ialah memperjuangkan keperluan rakyat dan memajukan negara ini.

Tetapi kalau kita lihat masalah keadilan, perjuangan sendirinya, saya akan sebutkan nanti dan masalah PAS dengan *Islamic state* tetapi di peringkat perbincangan antara mereka, dia kata tidak ada tetapi di peringkat akar umbi dia kata dia tetap memperjuangkan persoalan *Islamic state*. Jadi semua dakyah perjuangan ini adalah

sebenarnya politik di antara mereka sendiri. Cuba berselindung di sebalik elunjuk, kadang-kadang dapat didengar kerana *Multimedia Super Corridor* tidak boleh kita berdalih lagi. Di mana-mana kita pergi khabaran dan cerita ini akan keluar, jadi mereka sendiri sudah tahu yang pihak DAP umpamanya memang sudah lama memperjuangkan cerita lama yang diperjuangkan oleh Perdana Menteri Singapura dulu tahun 1965. Pada tahun 1965, Singapura telah dikeluarkan kerana memperjuangkan perkara yang sama. Sekarang DAP pula memperjuangkan perkara yang sama tetapi kalau kita bertanya di kalangan orang Melayu jika ada DAP masuk dalam kawasan orang Melayu dan bumiputera, mereka kata tidak, kita memperjuangkan juga kemahuan bumiputera. Sebenarnya tidak, dia akan memperjuangkan Malaysian-Malaysia yang mereka gembar-gemburkan itu. Maknanya tidak ada bumiputera dan tidak ada orang yang bukan bumiputera, semuanya across the board. Inilah keadilan yang keadilan juga supportkan. Dalam soalan keadilan memang pasti kita lihat. Jadi, saya akan meneruskan lagi perbahasan saya.

Parti Keadilan memang jelas banyak ciri Barat diperjuangkan, kalau tidak pun perjuangan yang belum menentu sama ada untuk seorang individu atau masyarakat keseluruhannya. Sejarah telah menunjukkan bahawa banyak manusia sepanjang zaman memperjuangkan hak dan keperluan individu bahkan di zaman moden ini umpamanya Charles Massion, Moon, David Corres dan banyak lagi telah menjadi satu 'help'.

Saya berharap ahli-ahli parti Keadilan tidak terjerumus dalam lembah ini. Saya juga berharap agar parti Keadilan tidak diperalatkan kerana di dalam mengejar demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia banyak ranjau dan onaknya. Sekali terjebak, hancurlah maruah dan martabat diri sendiri, mungkin juga negara. Jadi jangan marahkan bapa, rumah dibakar, marahkan saudara-mara, kampung dimusnahkan. Sehaluan dengan ini saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa kekalahan Melaka bukanlah kerana kekuatan Portugis tetapi di dalam pengkhianat dalaman, jadi jangan menjadi pengkhianat dalaman. Terserahnya Sarawak kepada Brooke bukannya kerana kebijaksanaan dan kekuatan Brooke tetapi kelemahan masyarakat ketika itu berfikir apakah matlamat perjuangan nasionalis sebenarnya pada masa itu.

Janganlah bangga kepada gelaran sebagai Jaguh Demokrasi, Reformasi dan Keadilan. Itu memandangkan kebaikan kepada bangsa, agama dan negara. Lihat dan bukalah mata yang berlaku di negara-negara lain di Afrika, India Selatan, Amerika Selatan, adakah demokrasi, liberalisasi dan kebebasan tanpa mendatangkan nikmat dan kebaikan kepada seluruh masyarakat dan rakyat mereka berbanding dengan negara kita adakah mereka lebih selesa, lebih selamat dan lebih aman? Adakah matlamat menjadi kerajaan untuk mengejar Utopia di tepi langit ataupun idealisme yang licin atau tidak bersyukur melangkah setapak demi setapak belajar mengelak dari duri dan ranjau agar sampai ke situasi di mana idealisme ini akan wujud dengan tanpa disedari setelah tercapai.

Saya mempunyai kepercayaan bahawa demokrasi kebebasan dan hak asasi ini adalah satu proses, bukan matlamat. Ianya dicapai dalam masa mengikut keadaan sekeliling. Apa yang dicapai dalam beratus tahun di Barat tidak akan boleh dinilai, dipelajari dan diamal dan seterusnya dengan izin di *ram down the people throat* dalam sekejap mata, walaupun di dalam masyarakat yang cintakan keamanan, keharmonian, bertimbang rasa seperti rakyat Malaysia mengamalkan ketimurannya.

Tuan Yang di-Pertua, politik adalah ilmu mendapat mandat rakyat untuk menerajui dan menggubal dasar untuk mentadbir negara. Tidak siapa boleh mengelak diri dari membabit di dalam kancah-kancahnya, sama ada seseorang itu menjadi ahli parti politik ataupun tidak. Sekurang-kurangnya sekali dalam masa tertentu di negara ini lima tahun sekali menconteng undi untuk memilih wakilnya ke Parlimen di peringkat Pusat dan Dewan Undangan Negeri di peringkat Negeri. Di dalam negara yang mengamalkan konsep demokrasi ini adalah hak mutlak seseorang yang telah meningkat umur dan tentu berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya. Pemilihan ini adalah bebas atas citarasa dan andaian pengundi itu sendiri, tidak ada batasan diberi kepada pengundi melainkan apa yang telah disyaratkan oleh undang-undang yang diluluskan secara consensus di Dewan yang mulia ini. Siapa sahaja bebas mendaftar tidak kira ahli-ahli parti memerintah atau parti pembangkang, termasuk juga pegawai-pegawai yang dilantik, dilatih dan digaji oleh kerajaan.

Kerajaan tidak berhak langsung mengetahui atau memaksa pegawai-pegawainya memilih siapa dari calon-calon yang bertanding kerana hakikatnya undang-undang

Malaysia, orang-orang yang layak bertanding adalah orang-orang yang baik, bermaruah dan tanpa kecelaan moral.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ir. Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Pegawai-pegawai kerajaan pula sebagai yang diamanahkan untuk mentadbir negara, tidak kira parti mana melantik dan seterusnya memerintah, mestilah buat seperti orang tengah, tidak memilih kepada sesiapa dan *apolitical*, dengan izin, ketahanan negara mengatasi kancak-kancak dunia dan ketidakstabilan arena politik terletak di tangan pentadbiran. Tetapi apabila pegawai kerajaan terlibat dengan kancak-kancak politik secara langsung, benteng yang diharap akan hilang kemampuan untuk menjadi orang tengah akan juga hilang bersama. Dengan itu saya menyeru kepada kerajaan agar mengkaji semula dasar yang membolehkan segelintir anggota kerajaan terlibat dalam politik secara langsung, apa peringkat sekalipun kerana kita bimbang dari segelintir yang amat kecil ini terlibat dalam bidang politik yang begitu sensitif boleh dianggap perkara besar dan boleh memburukkan nama dan imej kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah saya kepada perkara yang perlu tidak kurang menariknya iaitu kemudahan prasarana di kawasan P.175 Batang Lupar. Kawasan ini terdapat sungai yang terbesar sekali di Malaysia. Di dalamnya bersemayam Bujang Senang, buaya yang terbesar di dunia. Selain dari Teluk Belanga, satu-satunya tempat ikan terubuk bertelur dan menetas, Batang Lupar juga mempunyai 'benak' atau '*tilde boar*' yang terbesar di dunia, kononnya cucu-cicitnya boleh juga didapati di *Yang-Tze River* dan *Colorado River* di Amerika. Selain daripada itu, sedikit sahaja yang boleh saya banggakan

Walau bagaimanapun, apabila sistem peparitan dan saliran 'Sembaganbajong' siap pada tahun 2005 ataupun 2006 nanti, prasarana pertanian akan berupaya memberi manfaat kepada segelintir masyarakat di dalam bahagian Dewan Undangan Negeri N.20. Apa yang tinggal ialah kawasan yang seluas tidak kurang daripada 150 ribu hektar tanah yang berajah seperti Semenanjung Tanah Arab terletak di perantaraan Batang Lupar dan Sungai Silibas ke selatan. Kawasan ini mempunyai 20,000 penduduk yang terbahagi kepada 5 kampung Melayu dan 5 kampung Iban, kurang dari 2% sahaja penduduk di sini

bangsa Cina. Ini bermakna lebih daripada 98% bumiputra di dalam serba kekurangan. Dengan hal yang demikian kerajaan telah bersetuju untuk membangun masyarakat di sini dengan mengenal pasti Kampung Bladin, sebagai *Regional Gross Center* (RGC). Kampung ini mempunyai hampir 6,000 penduduk, kurang daripada 20 orang sahaja masyarakat Cina, selain dari itu semuanya orang Melayu, tidak ada pejabat atau pegawai kerajaan duduk di situ selain daripada dua orang polis, Koperal dan seorang Lans Koperal. Rumah untuk kediaman anggota polis ini adalah bekas *side office* Jabatan Kerja Raya, ia telah usang diubahsuai oleh orang kampung secara bergotong-royong atas bantuan Ahli Parlimen Batang Lupar.

Rancangan RGC adalah besar dan menyeluruh dengan matlamat untuk membangun kawasan orang bumiputra khususnya orang-orang Melayu di pesisiran pantai Sarawak. Tetapi RGC ini tidak akan terlaksana melainkan jalan utama pesisiran pantai Sarawak dan kawasan ini disediakan dahulu iaitu jalan Trisaw, Meludam, Bladin dan Pusam. Mengikut Kementerian Kerja Raya sepanjang 51 km. Jalan ini telah siap di tambok dengan tanah pada tahun 1994 tetapi tidak boleh digunakan bahkan sebahagian dari jalan ini telah tumbuh kayu sebesar paha manusia, kalau disimpan selama 5 tahun lagi mungkin boleh dibalakkan.

Saya menyeru kepada kerajaan agar jalan ini jangan dilupakan dalam Rancangan Malaysia Ke-8 ini. Mengikut maklumat yang didapati jalan ini telah lulus untuk dibina dalam Belanjawan tahun 1997, apabila kegawatan ekonomi berlaku dan kerajaan memotong perbelanjaan pada tahun 1990 dengan kadar 21%, jalan ini dengan berpuluh jalan-jalan lain telah gugur dari senarai projek infrastruktur yang hendak dilaksanakan. Lebih malang lagi apabila 34 projek infrastruktur dimasukkan dalam rancangan untuk dilaksana pada tahun 1998, jalan ini telah tidak dinaikkan bersama, maknanya telah ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengisi RGC Bladin ini lagi, saya juga meminta kerajaan untuk membuat penyelidikan untuk membina sekolah bersepadu berasrama penuh untuk menengah dan sekolah rendah di Bladin. Sekarang ini Bladin mempunyai sekolah rendah kerajaan yang mempunyai murid seramai 1100 orang. Peningkatan tahunan dalam kadar 10%. Jika sekolah bersepadu ini terbina, sekolah rendah di kampung-kampung berdekatan seperti Sepinang dan Sebarang bolehlah ditutupkan.

Dengan itu Kerajaan akan menjimatkan belanja membekal kemudahan dan pengurusan. Saya juga mencadangkan agar balai polis dan balai bomba dirancang selaras dengan matlamat kerajaan untuk memberi kemudahan asas untuk mengerakkan lagi asas ekonomi di tempat tersebut. Dengan tanah lapang yang begitu luas apabila kemudahan asas telah terlaksana, aktiviti ekonomi akan berlaku dengan sendirinya dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengimbangkan pembangunan, saya juga ingin memohon agar kerajaan meluluskan Maktab Rendah Sains Mara di RGC Bladin. Saya cukup yakin SRK Bladin mempunyai 1100 murid; SRK Pusam 850 murid; SRK Meludam 650 murid; SRK Semarang 200; Sepinang 180; SRK Moton 350; SRK Kalok, Medang, Supak, Tambak, Mangut, Beting Maru dan Budak boleh dan berkemampuan mengisi keperluan MRSM jikalau dibina nanti di Bladin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meletakkan asas yang kukuh kepada pendidikan secara menyeluruh di kawasan saya saya ingin bermohon kepada kerajaan agar dirikan Pusat Giat MARA di Kampung Ludam, daerah kecil Ludam, Bahagian Sri Aman, Institut Kemahiran MARA, IKM di Sibuyau, daerah kecil Sibuyau, Bahagian Kota Samarahan.

Penubuhan ini amatlah perlu bukan sahaja melatih belia dari kawasan persisiran laut tetapi juga memberi latihan kepada anak-anak muda di sini yang telah kehilangan pekerjaan apabila industri pembalakan turun kepada 50% kapasitinya pada tahun 1995. Sekarang kerajaan negeri akan membuka beribu hektar tanah di kawasan Ludam, Semarang, Sibuyau, Sebang dan Ladong. Sebagaimana biasa, latihan amali dan setengah mahir adalah amat berguna apabila sebahagian aktiviti ekonomi mula bergerak. Di samping itu juga berupaya membawa institusi dan belia luar bandar ke kawasan luar bandar untuk menimba ilmu kerana pengalaman telah banyak menunjukkan bahawa sinaran dan glamor di bandar telah banyak mengubah sikap belia dan pelajar menjadi hilang adat keMelayuan dan ketimuran mereka. Gejala negatif mula menular tetapi jikalau institusi ini berada di luar bandar, anak-anak luar bandar yang semestinya sukakan keadaan persekitaran mereka sendiri mungkin boleh mengekalkan adat resam dari dicemari semasa mudanya di bandar.

Dengan itu juga kerajaan bukan bercakap sahaja untuk benar-benar membantu masyarakat di luar bandar tetapi mengambil langkah yang positif di samping boleh mengelakkan dari '*urban migration*' dengan izin.

Saya juga bermohon agar satu akademi ataupun satu Institut Pentadbiran Perladangan dan Kehutanan diwujudkan. Saya juga menggesa kerajaan untuk mewujudkan institut ini di kawasan saya. Ini adalah untuk melatih anak-anak tempatan Sarawak di dalam bidang akademik yang Kerajaan Negeri sedang galakkan sekarang. Seluas 1.5 juta hektar tanah adat akan dibangunkan sebagai ladang kelapa sawit dalam masa 10 tahun. Ini memerlukan guna tenaga pengurusan, tenaga mahir dan separuh mahir. Dengan melatih anak tempatan, kos pengeluaran akan juga menurun. Kerajaan berkemampuan memberi latihan dan bimbingan awal ini. Ini juga akan mengekalkan perasaan harmoni di antara rakyat Semenanjung dengan rakyat tempatan Sarawak kerana anak-anak Sarawak bukan sahaja boleh dilatih sebagai pekerja buruh separuh mahir tetapi juga berkemampuan menduduki bidang pengurusan pentadbiran dalam industri kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Tabung Pendidikan Tinggi. Pengeluaran bantuan RM1,000 kepada pelajar yang masuk universiti hanya dikeluarkan pada 9 dan 10 Jun tahun lepas. Maknanya apabila murid yang menerima tawaran selepas itu tidak lagi mendapat sumber bantuan daripada kerajaan tetapi pengambilan pelajar IPTA dan IPTS berterusan hingga bulan Oktober. Ini sepatutnya tidak berlaku kerana segelintir pelajar ini tidak mendapat bantuan. Kepada yang mampu, terutama di bandar untuk membayar tahun pertama iaitu RM6,000 atau RM8,000 mungkin tidak menjadi satu masalah tetapi kepada murid dan ibu bapa di luar bandar mencari RM1,000 untuk masuk universiti pun masalah, inikan pula untuk membayar RM6,000 ataupun RM8,000 untuk tahun pertama di universiti.

Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan agar Tabung Pendidikan Tinggi ini dibuka daripada bulan Mei hingga penghujung tahun dan memberi kemudahan secara berterusan selama enam bulan kepada yang layak diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh perkara yang lain iaitu soalan *e-commerce*. *E-commerce* industri yang membangun dengan cepat, bagaimana latihan dan bantuan kepada bumiputera untuk sedarkan industri ini, mengetahui dan boleh terlibat

dalam bidang tersebut. Ini adalah penting supaya bumiputera tidak sentiasa tertinggal di dalam bidang yang baru. *E-commerce* secara senyap-senyap menggegarkan Malaysia. Ini ternyata jikalau laporan *International Datacorp* bahawa *e-commerce* akan berkembang daripada RM175 juta pada tahun ini kepada RM5.9 bilion dalam masa tiga tahun yang akan datang.

Kerajaan mestilah mengambil perhatian kepada tiga perkara. Galakan kesedaran, latihan keilmuan dan bantuan kewangan kepada bumiputera. Insentif cukai dan *pioneer status*. Yang ketiga, infrastruktur undang-undang untuk masalah yang masih samar-samar di dalam undang-undang komersial terutama undang-undang kontrak yang ada sekarang. Umpamanya negara Singapura, Australia dan Amerika telah mempunyai undang-undang ini sendiri, maka mereka adalah rakan niaga Malaysia yang besar. Jadi, dengan itu saya percaya undang-undang patut digubal untuk mengatasi masalah yang mungkin cepat mendatang dalam industri *E-commerce* ini.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan berbangkit berhubung dengan sekolah bestari. Kebanyakan sekolah bestari yang diperkenalkan sekarang adalah di bandar. Yang Berhormat bagi Yan mencadangkan agar satu di bandar, satu di luar bandar tiap-tiap kali kerajaan mencadangkan dua buah sekolah bestari. Saya menyokong penuh cadangan ini kerana Tuan Yang di-Pertua, cabaran kerajaan untuk melaksanakan sekolah bestari bukanlah mencari jalan mudah iaitu untuk melaksanakan sekolah bestari di bandar. Cabaran kepada kerajaan ialah untuk melaksanakan sekolah bestari di tempat yang payah di luar bandar.

Jadi, kita spatutnya jangan mengelakkan diri dan menyahut cabaran ini dan melaksanakan di bandar sahaja, bahkan asas politik Barisan Nasional adalah di luar bandar. Jadi kenapa pula orang di luar bandar disisih dan diketepikan untuk pelaksanaan sekolah bestari. Ini kerana pendidikan adalah asas kemajuan pada masa yang akan datang. Jadi, kalau anak-anak bumiputera dan Melayu di luar bandar tidak diberi peluang yang sama, nescaya kita akan sentiasa terpinggir.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kawan Yang Berhormat menyebut perkara bersara 60 dan 65 tahun dan sebagainya. Sebagai data saya tidak ingin menyebutkan perkara itu...*[Disampuk]* Saya sudah bercakap tidak lama, baru 20 minit. Jadi, saya – kalaulah kerajaan bersetuju untuk menaikkan, memanjangkan tarikh wajib bersara ini, saya

merayu kepada pihak kerajaan untuk melihat undang-undang ada hubungkaitnya dengan perhubungan pekerjaan orang yang selepas 55 tahun. Umpamanya *Civil Law Act 1972*, yang mana manusia selepas 55 tahun itu tidak ada lagi bernilai. Jadi, undang-undang ini mestilah juga dipinda.

Oleh kerana kalau kita benarkan orang boleh bekerja selepas 60 tahun, tetapi dalam undang-undang, pindaan dan sebagainya tidak dibuat, diselaraskan dengan dasar sedemikian, nescaya orang yang bekerja selepas 55 tahun itu tidak akan terjamin keselamatannya di mana-mana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri.... Saya telah berjanji cakap pendek tadi. Saya sudah janji, saya tidak cakap bohong, bukan macam DAP... Oh, dia tidak ada ya.

Penggabungan bank – sekarang bank telah dibenarkan memilih sendiri rakan-rakan penggabungan mereka. Jadi, saya mencadangkan supaya bank-bank di Sarawak dan Sabah dibenar bergabung di antara mereka sesama sendiri. Ini adalah sebab-sebab yang tertentu kerana banyak bank daripada Semenanjung buat operasi di Sarawak. Apabila pemohon meminta permohonan pinjaman, sentiasa dokumen-dokumen yang dibuat di bank ini akan dihantar ke Kuala Lumpur untuk bermacam-macam, untuk *vetting*, untuk kelulusan dan berbagai-bagai lagi. Jadi, ini telah menyusahkan masyarakat di Sarawak dan di Sabah untuk mendapat kelulusan dan pembetulan dokumen-dokumen yang hendak digunakan oleh pihak bank ini. Ini telah menjadi alasan untuk melambatkan permohonan yang dibuat dari negeri-negeri tersebut.

Kadangkalanya juga, dokumen-dokumen ini walaupun dijangka telah betul tetapi telah didapati bersalah oleh kerana perundangan di Sarawak dan Sabah dengan perundangan di Semenanjung Malaysia terutama sekali undang-undang tanah adalah berbeza. Jadi, apabila didapati berbeza, yang menjadi salah ialah pengamal undang-undang di Sarawak dan Sabah kerana telah menggunakan dokumen yang tidak tepat. Tetapi pokok pangkalnya ialah dokumen ini telah di '*vet*' ataupun dibaca oleh pihak peguam daripada Semenanjung ini yang mengamal dan melihat undang-undang yang ada di Semenanjung ini tanpa melihat undang-undang yang wujud, yang digunapakai di Sabah dan Sarawak.

Dengan keadaan sedemikian, banyak orang Sarawak lebih berminat berjumpa dengan bank tempatan yang tahu dengan undang-undangnya, yang tahu dengan

budayanya dan tahu dokumen mereka, kelulusan mereka tidak perlu disampaikan ke Kuala Lumpur untuk kelulusan. Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat perkara yang kecil ini pun ada juga risikonya kepada orang yang terlibat dengan perniagaan kalau dokumen kadang-kadang dihantar dan juga didapati hilang dalam perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian, saya memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain untuk bercakap dan saya akan sambung semula apabila di peringkat Committee nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Balik Pulau.

12.22 tgh.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama yang telah mengemukakan Belanjawan yang berkeyakinan dan juga menyakinkan bahawa ekonomi negara sudah pulih. Walaupun sudah pulih, akan meneruskan dasar perbelanjaan defisit bahawa kita sudah melampaui langkah-langkah untuk mengatasi masalah ekonomi dan sekarang ini sudah boleh kembali untuk pergi kepada langkah-langkah untuk pembangunan negara seperti biasa.

Kita melihat daripada Belanjawan ini, saya katakan ia berkeyakinan kerana ia menunjukkan bahawa perbelanjaan sektor awam berada pada satu tahap yang tidak perlu dipotong terlalu banyak walaupun di dalam Belanjawan ini telah dibentangkan pelbagai cadangan yang akan menyebabkan hasil kerajaan akan berkurangan dan pada masa yang sama akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan akan bertambah. Pemotongan cukai, pembatalan kutipan lesen TV misalnya akan menyebabkan kekurangan dari segi hasil kerajaan tetapi pada masa yang sama pemberian satu bulan bonus dan kenaikan gaji sektor awam sebanyak 10% akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan akan bertambah. Walaupun demikian, Budget ini adalah berkeyakinan kerana ia yakin bahawa walaupun dengan dasar-dasar ini hasil kerajaan akan bertambah untuk tahun 2000.

Sekarang ini saya ingat apa yang perlu dilakukan ialah kita melihat ke hadapan untuk meneruskan agenda pembangunan negara dan ketepikan sedikit untuk mengatasi soal krisis ekonomi ini kerana dari segi takrifnya kita bukan berada dalam satu krisis. Kalau mengikut takrif biasa, kalau $\frac{2}{4}$ berterusan berturut-turut, kita mempunyai

pertumbuhan ekonomi yang negatif maka kita secara resminya berada dalam satu *recession*. Tetapi apabila 2/4 berterusan berturut-turut, kita mendapat pertumbuhan ekonomi yang positif maka kita sudah terkeluar daripada krisis ekonomi yang dimaksudkan tadi.

Bagi tahun 1999, dianggarkan kadar pertumbuhan adalah pada 4% lebih dan ini sudah jelas bahawa krisis ekonomi sudah selesai. Apa yang perlu ialah kita cuma belajar sedikit daripada apa yang telah berlaku dan lihat ke hadapan untuk menyiapkan diri kita, menyiapkan negara ini untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran di masa yang akan datang. Cuma ada satu, dua masalah sahaja lagi yang masih belum diatasi dan satu daripadanya ialah masih lagi terdapat pengangguran, bukan pengangguran guna tenaga dalam negara ini tetapi pengangguran dalam pasaran modal dan juga pengangguran dalam penggunaan aset-aset yang tertentu khususnya hartanah.

Punca pengangguran dalam pasaran modal dapat dilihat dari segi tahap kecairan yang begitu tinggi dalam sistem perbankan. Ini bermakna modal itu tidak dapat digunakan, dilabur dan apabila modal itu tidak dapat dilabur dalam bentuk pemberian pinjaman kepada orang maka modal itu dikira sebagai menganggur.

Yang keduanya, kita melihat bahawa aset seperti hartanah yang mengikut perangkaan adalah sebanyak RM14 bilion lebih yang masih belum lagi terjual. Maka aset-aset ini juga boleh kita lihat sebagai menganggur sekarang ini.

Untuk mengatasi kedua-dua masalah ini, apa yang perlu ialah kita turunkan harganya. Saya tidak faham kenapa *adjustment* pasaran kepada lebihan penawaran dalam keadaan permintaan yang tidak bertambah, tidak untuk menurunkan harga. Sebenarnya untuk *clear the market* hartanah ini harga mesti turun. Kalau harga tidak turun macam mana kita hendak memenuhi penawaran yang berlebihan sebanyak RM14 bilion ini. Jika tidak ada penurunan harga yang berpatutan dalam sektor hartanah ini, maka pengguna dan juga rumahtangga akan terus memegang *cash* yang ada dalam tangannya sendiri.

Maknanya, pengguna merasakan pada pertimbangannya yang rasional harga hartanah itu masih lagi berada pada tahap yang tinggi dan mereka tidak mahu belanja duit. Bila mereka tidak mahu belanja duit, mereka pegang duit itu dalam bentuk *cash* tetapi tidaklah bawah tilam, dia bubuh dalam bank dan kecairan dalam sistem kewangan akan bertambah. Jika keadaan ini berlaku bila pengguna memegang *cash* dalam tangan

dan tidak mahu berbelanja dan sistem perbankan juga tidak mampu untuk meminjamkan duit yang ada, kecairan yang ada kepada pelabur, maka apa yang berlaku ialah pengangguran itu akan berterusan dan pada masa yang sama pendapatan nasional ataupun pendapatan negara akan turun, jadi harga hendaklah diturunkan.

Saya berharap pengusaha-pengusaha pembangunan hartanah ini mempunyai kefahaman ini dan melakukan tindakan ini. Saya harap mereka mempelajari bahawa mereka telah melakukan sedikit kesalahan dari segi unjuran mereka dan sekarang ini dibebankan dengan stok yang banyak, mereka kena turunkan harga.

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya sekarang ialah bagaimana kita hendak merancang untuk masa hadapan negara. Soalannya ialah bagaimana – apakah persiapan yang perlu kita buat. Untuk mengenal pasti apakah dia cabaran yang ada untuk belajar daripada pengalaman yang telah kita lalui dan seterusnya untuk memenuhi tuntutan amanah rakyat untuk kita di sini memerintah dan membuat keputusan untuk kesejahteraan mereka. Banyak langkah dan juga program-program khusus yang telah diperkenalkan dan perkara-perkara ini walaupun baru hari ketiga telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya dan saya yakin ramai lagi rakan-rakan saya akan menyentuh perkara-perkara yang tersebut.

Saya cuma ingin dari segi *proposal* khusus dalam Belanjawan menyentuh satu, dua perkara yang bersangkutan dengan pembangunan sumber manusia, dengan usaha pendidikan dan latihan, khususnya cadangan kerajaan untuk mewujudkan kolej komuniti di setiap daerah ataupun setiap kawasan Parlimen adalah satu usaha yang amat baik. Bagi saya ia adalah satu cadangan yang *structural*, yang mengubah satu structure dan bukan bersifat jangka pendek ataupun *transitional*. Yang paling baik dalam Belanjawan ini ialah cadangan untuk mewujudkan kolej komuniti dalam tiap-tiap kawasan Parlimen ataupun daerah yang mana ada kesesuaian.

Saya mengharapkan bahawa usaha ini akan memperkayakan lagi sistem pendidikan negara. Malah saya harap ini adalah satu usaha untuk mendefinisikan semula takrif pendidikan itu sendiri. Saya berharap semoga institusi ini akan menjadi satu institusi yang menggalakkan pendidikan berterusan dan pendidikan apa yang kita takrifkan sekarang sebagai *non-traditional*.

Saya mengharapkan bahawa dengan pewujudan kolej-kolej komuniti ini peluang-peluang untuk meningkatkan kemahiran diri untuk memperoleh ilmu tambahan ataupun kemahiran tambahan untuk semua golongan masyarakat akan bertambah. Saya berharap ini akan memberi peluang bukan sahaja kepada mereka yang baru keluar daripada sekolah menengah untuk meneruskan pendidikan mereka tetapi juga merupakan satu 'avenue' atau satu jalan untuk orang lain, orang yang sudah ada dalam pasaran buruh untuk meneruskan pengajian mereka. Kepada mereka yang berumur 18 tahun, 19 tahun lima tahun dahulu, sepuluh tahun dahulu, 20 tahun dahulu, 30 tahun dahulu masa mereka berumur 18, 19 tahun mereka tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka. Saya harap golongan-golongan inilah yang akan sebenarnya mendapat manfaat daripada pewujudan kolej-kolej komuniti ini. Akhirnya, jika kita memperluaskan peluang-peluang ini dan kita mengubah takrif pendidikan untuk meliputi juga takrif pendidikan berterusan dan takrif pendidikan dewasa maka produktiviti pasaran buruh dan produktiviti negara akan meningkat pada kadar yang lebih tinggi daripada apa yang kita lihat sekarang ini.

Buat terlalu lama, Tuan Yang di-Pertua, pendidikan lepasan menengah ini hanyalah kepada cohort group yang tertentu. Kita lihat bahawa dari segi purata umur pelajar-pelajar di IPT dalam negara kita ini termasuk juga misalnya ITM, Kolej Tun Abdul Razak, Kolej Tuanku Abdul Rahman ataupun IKM, ITM, politeknik dan sebagainya saya ingat umur pelajar tahun pertama dalam institusi-institusi ini semua adalah mereka yang berumur dalam 18 tahun ataupun 19 tahun. Ini menunjukkan bahawa dalam negara kita ini peluang ataupun konsep pendidikan berterusan itu adalah tidak lagi diserapi dalam masyarakat kita. Ini adalah satu benda yang salah dan saya harap penubuhan kolej komuniti ini dapat menangani masalah ini. Kolej ini saya harap memberi peluang pendidikan kepada semua golongan, surirumah, kepada orang dewasa, kepada orang tua, orang pencen, pekerja, peniaga dan semua golongan asalkan dengan mereka dapat peluang untuk pergi ke kolej ini mereka boleh membangunkan diri mereka masing-masing.

Surirumah misalnya tidak ada salah umur 40 tahun, 50 tahun pun kalau hendak pergi ke kolej komuniti ini untuk memperbaiki kemahiran-kemahiran tertentu yang ada pada diri mereka. Walaupun mereka yang sudah bekerja boleh mendapat kemahiran-kemahiran yang tertentu. Mereka yang berniaga boleh mendapat kemahiran-kemahiran

yang tertentu kalau semua program ini ada dibekalkan di dalam kolej-kolej komuniti yang saya sebutkan tadi. Apa salahnya orang yang berumur 50 tahun pergi ke kolej komuniti untuk belajar kursus fotografi walaupun ia tidak mempunyai tujuan untuk membentuk karier dalam bidang itu tetapi sebagai memperkayakan dirinya sendiri. Apa salahnya satu orang ibu pergi ke satu kolej komuniti dia sudah berumur 50 tahun tetapi dia hendak belajar mungkin tentang psikologi kanak-kanak atau dia hendak belajar tentang kemahiran-kemahiran yang tertentu bukan untuk tujuan komersial, bukan untuk tujuan hendak cari pekerjaan yang lain tetapi untuk memperkayakan dirinya untuk dia mencapai potensi dirinya sebagai seorang manusia. Apa salahnya kalau kita hendak pergi belajar kalau sudah pencen 55 tahun pergi belajar untuk cari satu *second career* misalnya.

Saya tidak berapa hendak bersetuju dengan cadangan yang diperkatakan tadi dua tiga orang rakan saya untuk menaikkan umur orang bersara ini daripada umur 55 ke satu tahap yang lebih tinggi kerana kalau kita lihat pada demografi negara kita sebenarnya ratusan yang begitu tinggi ialah ratusan mereka yang muda-muda. Malah 60% daripada penduduk kita adalah berumur di bawah 25 tahun, kalau kita lihat peratusan mereka yang bawah umur 20 tahun pun amat tinggi. Jadi apa salahnya kekal juga umur bersara pada 55 tetapi dengan konsep pendidikan berterusan, konsep membangunkan diri secara berterusan. Orang umur 55 pun boleh buat kerja yang produktif. Orang yang berumur 55 pun boleh mempelajari kemahiran yang baru. Orang yang berumur 55 pun boleh buat benda yang produktif kepada negara asalkan kita kekalkan konsep ini. Pekerja-pekerja kilang yang ramai yang ada di seluruh negara banyak yang ada dalam kawasan saya juga boleh menggunakan kolej komuniti ini untuk memperbaiki diri mereka untuk mengikuti kursus-kursus pendek, kursus-kursus sebelah malam, kursus-kursus separuh masa untuk memperbaiki diri mereka.

Saya berharap konsep kolej komuniti ini adalah satu konsep rangkaian network di antara satu sama lain. Maknanya kalau ada 20 maka keduapuluh itu di '*link*'kan dengan teknologi yang ada supaya dapat dikongsi semua sumber yang ada. Saya berharap ianya menggunakan teknologi yang tinggi, ianya menggunakan teknologi IT yang kita perikatakan. Saya berharap ia mencerminkan pentakrifan kita tentang pendidikan bestari. Bukan sekolah bestari, sekolah bestari ini saya ada masalah sedikit sebab saya ingat

semua sekolah kena bestari, kita tidak boleh wujudkan satu kelompok sekolah yang bestari, dengan itu kita kata yang lain itu tidak bestari. Jadi yang pergi sekolah itu bestari dan yang tidak pergi sekolah itu tidak bestari. Sekolah semua kena bestari tetapi untuk kolej komuniti ini saya hendakkan supaya dia mencerminkan konsep pendidikan bestari kita untuk menggunakan teknologi untuk mengurangkan kos dengan berkongsi sumber. Ianya hendaklah menjadi satu pusat rujukan, satu pusat sumber rujukan elektronik untuk semua masyarakat kita. Ianya juga akan menyokong usaha untuk kita mempromosikan *Multimedia Super Corridor* di Cyberjaya ini.

Saya ingat bila sudah ada konsep kolej komuniti ini kita lihat kembalilah program-program pendidikan lanjutan dan juga program-program latihan yang diadakan oleh dua tiga kementerian yang berlainan. Kita ada IPT ini satu cerita, kita ada IKM, ILP, politeknik dan sebagainya. Kita ada juga rangkaian-rangkaian perpustakaan di bawah perbadanan-perbadanan perpustakaan negeri dan juga perpustakaan negara. Kalau boleh kita sepadukan semua ini dan diberi kesempatan untuk di 'access' oleh masyarakat setempat kepada kesemua peluang yang diwujudkan oleh perpustakaan, institut latihan, kemahiran, politeknik, IKM dan sebagainya supaya tidak ada duplikasi dari segi perbelanjaan sumber dan apabila kita pergi ke sasaran ke daerah yang kecil sikit maka kesannya akan menjadi lebih besar. Akhirnya, saya berharap apa yang akan berlaku kesemuanya ini akan menyumbang ke arah peningkatan produktiviti rakyat kita dan apa yang penting sebagai manusia ialah saya berharap kalau konsep ini berjaya maka manusia Malaysia ini akan mencapai potensinya yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang kerana apa yang perlu untuk negara kita ini di masa akan datang ialah kita perlukan satu shift kepada satu *growth path* yang berlainan.

Kalau kita kekal di atas *growth path* yang ada sekarang dan kita lakukannya dengan baik kita boleh naik juga tetapi *growth path* itu dikekang oleh *endowment* yang ada dan satu daripada *endowment* yang ada ialah tahap kemahiran manusia yang ada. Tetapi kalau kita tambahkan modal manusia ini dengan membekalkan latihan dan mengubah konsep-konsep pendidikan dan juga konsep-konsep latihan yang ada yang dipegang sebagai nilai dalam masyarakat maka kita akan meningkatkan kita punya tahap *endowment* itu, tahap modal manusia itu kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Apabila dia berada pada satu tahap yang lebih tinggi maka ia lebih memungkinkan inovasi berlaku dan lebih memungkinkan bahawa perubahan teknologi akan berlaku dan kita akan bergerak pada satu *growth path* yang berlainan kerana apabila modal manusia itu bertambah maka potensi pertumbuhan negara di masa akan datang akan pergi kepada satu tahap yang lebih tinggi.

Perkara yang kedua ialah saya mengalu-alukan penubuhan 371 buah sekolah satu sesi yang dicadangkan di sini dan 400 bangunan-bangunan tambahan di 460 buah sekolah. Ini satu cadangan yang baik, positifnya tidak perlu dihuraikan kerana banyak positifnya. Tinggal lagi saya cuma hendak memperingatkan bahawa janganlah ditambah bangunan tambahan dalam sekolah-sekolah yang sedia ada untuk mencapai matlamat ini kerana apa yang berlaku khususnya dalam kawasan saya ialah jika kita tambah bangunan untuk menampung keperluan walaupun dua sesi sekarang ini, apa yang berlaku ialah habis padang dan kawasan kosong sekolah itu dan sekolah itu hanya dipenuhi oleh bangunan dan kemudahan-kemudahan bersukan, riadah dan kemudahan-kemudahan lain tidak ada. Jadi, ini satu perkara yang baik tetapi kenalah dibuat secara yang ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya hendak minta penjelasan. Tadi cadangan Yang Berhormat mengenai sekolah dua sesi dijadikan satu sesi ini adakah dalam sekolah yang sama? Ini satu sekolah sebelah pagi dan sebelah petang? Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa sekarang ini masih lagi terdapat satu bangunan ada dua sekolah. Jadi dia pakai macam sekolah Alam Shah 1 di Petaling Jaya, kemudian ada Sekolah Alam Shah 2 di bangunan yang sama, bangunannya sama, tapak sekolahnya sama dan kawasan yang sama. Ini saya ingat lebih teruk lagi kerana pentadbiran yang berbeza-beza. Jadi adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan supaya sekarang ini sudah tidak diadakan langsung sekolah mempunyai dua pentadbiran dalam bangunan yang sama.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Sebenarnya kalau kita tanya kepada mereka yang terlibat di dalam benda ini, guru-guru mengalu-alukan hendak buat sekolah satu sesi ini. Tetapi mereka sedar sekarang pun wujud kekangan-kekangan yang berat seperti Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kata bahawa ada premis yang sama dikongsi oleh dua sekolah. Buat

langkah yang pertama mungkin yang itu diselesaikan dahulu, selepas itu mungkin sebab itu kerajaan cuma mencadangkan 371 buah sekolah baru yang satu sesi dan bangunan tambahan 462 buah sekolah. Walhal kita mempunyai - saya tidak tahu berapa ribu sekolah dalam seluruh Semenanjung juga di Sabah dan Sarawak.

Jadi, perkara ini seperti Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangkitkan, selesaikan yang itu dahulu. Dalam pada kita hendak mewujudkan peringkat yang kedua, bila semua sekolah sudah jadi satu pentadbiran, selepas itu hendak pergi kepada semua sekolah satu sesi, saya harap buatlah sekolah-sekolah yang baru. Ini ada kena mengena dengan kerajaan tempatan juga. Kementerian Pendidikan di peringkat Pusat ini bersetuju bahawa ada piawaian-piawaian yang tertentu, kalau pemaju melakukan projek perumahan yang mempunyai unit-unit perumahan yang sekian banyak, maka dia kena serahkan tanah untuk buat sekolah. Kalau melebihi 4000 buah, untuk sekolah menengah dan sekolah rendah misalnya. Tetapi penguatkuasaan pada peringkat perancangan dan juga pembangunan adalah pada pihak berkuasa tempatan dan ini perlulah dikuatkuasakan.

Dalam kawasan saya, misalnya ada setengah kadang-kadang pemaju beli tanah sebab tanah di Pulau Pinang mahal, dia beri sumbangan kepada kementerian untuk membina sekolah di tempat lain. Jadi, benda-benda macam ini tidak boleh diberi ruang langsung. Saya hendak satu komitmen daripada Kementerian Pendidikan di peringkat Pusat supaya memberitahu kepada kerajaan-kerajaan negeri dan juga kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk melaksanakan piawaian ini, kerana dengan kita laksanakan piawaian ini secara yang betul, yang *strict* barulah kita dapat mencapai matlamat yang kita hendakkan.

Perkara yang terakhir yang saya hendak sentuh mengenai *Budget* ini tentang institusi-institusi pengajian tinggi. Kita tahu banyak cerita yang ada, tetapi apa yang saya hendak sentuh ialah cuma – ini merupakan satu sistem, satu himpunan institusi yang ada masalah kerana kadar pertumbuhan pelajar di IPT ini terlalu tinggi dan jauh lebih tinggi daripada kemampuannya untuk membekalkan tenaga pengajar yang berkualiti. Akhirnya, nisbah pelajar dengan pensyarah menjadi tinggi melampaui pada satu angka yang munasabah dan apa yang akan berlaku ialah kualiti mahasiswa yang dikeluarkan oleh IPT-IPT negara kita ini khususnya kepada Ijazah Pertama akan turun dan kualitinya akan

merosot. Dan apabila kualiti ini merosot maka usaha kita untuk meningkatkan tahap modal manusia dalam negara kita ini akan terjejas.

Mereka ini kalau kualitinya yang tidak sepatutnya macam itu kita keluarkan, ia juga membekalkan orang kata 'noise' dalam *labour market* kerana majikan-majikan atau potensi-potensi majikan mendapat signal yang tidak betul. Sepatutnya *graduate* dalam program sarjana muda dan sebagainya kita andaikan dia mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu, tetapi bila majikan tengok dia tidak mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu maka ini akan meningkatkan kos untuk majikan membuat penilaian dan apa yang merbahaya ialah kalaulah majikan mengalami penghakisan keyakinan atas graduan-graduan yang dikeluarkan ini ekoran daripada kualiti yang tidak menentu dan tidak sama rata.

Dalam hal ini, Lembaga Akreditasi Negara (LAN) juga hendaklah melihat kepada IPT-IPT awam ini untuk memastikan bahawa piawaian-piawaian yang dikenakan hendaklah diikuti. Mungkin kalau ada komuniti kolej ini maka ada setengah kumpulan yang ada dalam universiti sekarang dia tidak patut berada di universiti, dia ada di kolej komuniti, dan apabila dia ada dalam universiti, jadi kita bukanlah bersifat *additive*. Tetapi kalau kita hendak kata graduan universiti, dia graduan universiti. Graduan IKM maka graduan IKM. Kita tahu jangkaan dia. Kita tahu yang di IPTA dan IPTS ini kita hendak mendidik dia di samping membekalkan dia dengan kemahiran-kemahiran yang khusus dalam bidang pengajian dia. Mendidik adalah satu matlamat yang lebih luas daripada membekalkan kemahiran. Kalau dia keluar daripada Institusi Kemahiran MARA ataupun Institusi Latihan Perindustrian, tujuan utama kita ialah untuk membekalkan dia dengan kemahiran. Unsur pendidikan itu ada tetapi tidaklah seluas unsur pendidikan yang sepatutnya ada di dalam universiti. Oleh itu, perkara ini perlu diberi perhatian. Saya mempunyai kadan yang ramai dalam IPT yang terlibat dan mereka merungut. Jadi, saya tolong sampaikan masalah ini kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan pada haru Jummat lepas adalah Belanjawan yang pertama untuk kurun yang ke-21. Banyak orang bercakap tentang hakikat bahawa ini adalah merupakan Belanjawan yang pertama untuk alaf baru, kurun ke 21. Mereka bercakap tentang kurun yang ke-21 adalah kurun yang dicirikan *K-economy, information* dan *communication technology*. Mereka bercakap tentang cabaran

dan globalisasi di dalam abad yang akan datang. Mereka gunakan perkataan-pekataan seperti anjakan paradigma dan juga ekonomi baru yang akan berdepan dengan kita di abad yang akan datang.

Pada saya sebagai seorang individu, tahun 2000 cuma satu tahun yang baru. Macam tahun 1999, ada satu tahun lebih tua dari tahun 1998. Tahun 2000 ialah tahun selepas 1999, tahun 2001 ialah satu tahun selepas 2000. Jadi, semua tahun penting bagi saya. Tidak ada tahun yang lebih penting daripada tahun yang lain. Itu pun kita terjajah juga fikiran kita kerana kalender yang kita guna ini ada kalendar *Gregorian* yang berdasarkan kepada kalender 2000. Kalau kita ikut tahun Hijrah lain, kalau tahun Cina lain, kalau ikut klender Iran lain.

Jadi, tiap-tiap tahun penting. Tahun 2000 ini macam tahun satu lagi jugalah kerana bila tiba 1 Januari 2000 tidak ada apa yang berubah secara tiba-tiba. Cumanya adalah lanjutan daripada apa yang telah kita lalui 2000 tahun dahulu ataupun 30,000 atau 40,000 tahun sejak manusia ada. Kita akan berada di tahun baru berbekalkan stok pengalaman sejarah manusia yang kita boleh dapat dan himpun sehingga tahun ini. Itulah yang patut kita sedar. Itulah yang penting kerana tiap-tiap tahun kita kena buat macam itu. Bukan tahun 2000 sahaja kita buat.

Saya percaya pada tahun 1899, 100 tahun dahulu Tuan Yang di-Pertua, Parlimen ini tidak ada lagi tetapi ketika itu kita ada *Federal Legislative Council* selepas Perjanjian Pangkor, di mana pun saya tidak tahu tetapi adalah ahli-ahli *Federal Legislative Council* pada tahun 1899 dok cerita benda ini juga berhadapan dengan alaf baru kurun ke-20. Jadi, mereka menimbulkan perkara yang sama. Mereka menimbulkan tentang, apakah dasar perindustrian yang perlu kita ada. Mereka menimbulkan cabaran tentang dunia globalisasi, perdagangan antarabangsa. Mereka menimbulkan bagaimana kereta api yang baru ada pada masa itu antara Taiping dengan Port Weld pada tahun 1870-an. Bagaimana kereta api itu dan inovasi teknologi dalam sistem pengangkutan ini akan mengubah ekonomi Malaya di masa akan datang.

Ini 100 tahun dahulu punya ceritalah. Mereka akan bercakap tentang bagaimanakah kita boleh terokai pasaran-pasaran baru, apakah implikasi daripada perubahan teknologi untuk *mass production* ini kepada ekonomi Malaya ketika itu. Mereka bercakap tentang bagaimana kita hendak memperbaiki potensi manusia. Mereka

ketika itu yang jenis *green* sedikit bimbang tentang pencemaran, tentang apa yang akan berlaku kepada alam sekitar di Malaya ini. Mereka pun ada yang bimbang tentang pertumbuhan penduduk dan apa yang hendak kita lakukan untuk memastikan bahawa sumber makanan adalah cukup. Pada ketika itu, 100 tahun dahulu mereka juga bercakap tentang politik. British yang takluk kita, dia dok tengok apa Sepanyol buat di Filipina, apa Belanda buat di Indonesia dan sebagainya.

Jadi, perkara yang mereka perkatakan seratus tahun dahulu dengan perkara yang kita perkatakan sekarang, kalau kita hendak kira adalah perkara yang sama. Saya ingat setiap ketika macam ini manusia melihat dan mengagak apa yang akan berlaku di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi hakikatnya tabii manusia itu sama sahaja. Seratus tahun dahulu ataupun sekarang ini, ia adalah sama sahaja. Lima ribu tahun dahulu pun di mana dan dewan apa jua di mana di Somalia ataupun di Egypt pun kalau daripada dewan seperti ini tetapi lebih kurang macam ini, mereka ada, mereka juga bercakap tentang apakah cabaran yang akan mereka hadapi di masa yang akan datang.

Saya yakin pada masa mereka mencipta roda entah berapa ribu tahun dahulu, mereka pun dok bersembang orang yang fikirkan diri mereka bijak ataupun memikirkan bagaimanakah implikasi dengan teknologi roda yang baru ini boleh mengubah ekonomi dunia pada ketika itu. Semuanya sama tetapi manusia sentiasa mereka dan tidak berhenti-henti mencipta roda yang telah dicipta berpuluh-puluh ribu tahun dahulu.

Pada saya, asasnya ialah apa yang akan berlaku di masa yang akan datang dan apakah persiapan kita dan bagaimana kita hendak bersiap, bergantung kepada nilai yang dipegang oleh manusia itu sendiri, pada tabii manusia itu sendiri, bagaimana manusia menilai barang-barang, bagaimana manusia meletakkan harga kepada benda-benda ataupun perkhidmatan dan apabila manusia membuat penilaian-penilaian yang tertentu, seperti itu meletakkan harga kepada benda, maka itulah yang akan menentukan apakah ia kegiatan ekonomi yang akan berlaku di dalam negara itu, itulah yang akan menentukan corak pembangunan ekonomi yang akan berlaku di dalam negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingat kalau manusia meletakkan harga yang tinggi kepada sesuatu aset ataupun sesuatu benda, maka itulah benda yang akan dikeluarkan

oleh pengeluar, maka akan wujud pasaran di situ, maka akan tercetus kegiatan ekonomi dan akan berlaku pembangunan di dalam tempat itu.

Kalau tiga ribu tahun dahulu kalaulah ada *time machine SG wealth* itu, katakan depa transfer satu Ferrari yang mahal itu yang F1 itu di satu tempat di Babylon, orang di Babylon bila bangkit tidur pagi itu, dia lihat ada kereta Ferrari tetapi dia tidak tahu apa benda, saya ingat dia tidak meletak nilai kepada kereta Ferrari itu, sebenarnya yang meletak nilai yang tinggi kepada kereta Ferrari itu ialah orang yang hidup sekarang ini.

Kita yang menentukan harga dan itulah saya ingat saya hendak pergi kepada persiapan kita di masa yang akan datang bergantung kepada pembentukan kita sebagai manusia dan oleh itu nilai-nilai yang kita pegang kerana akhirnya, apabila manusia itu secara agregatnya mempamerkan dan mempunyai nilai-nilai yang betul, maka ia dapat mempengaruhi kegiatan ekonomi dan juga hala tuju pembangunan negara secara keseluruhannya ke arah yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat balik apa yang dilaburkan oleh peniaga ataupun orang-orang yang berniaga adalah apa yang dia dapat daripada pengguna dan pengguna ini mendapat lebih daripada pendapatannya dan simpan duit dalam bank dan bank ini menjadi satu tempat perantaraan yang membuat keputusan hendak beri pinjam kepada siapa. Perantaraan ini ialah institusi kewangan yang saya katakan tadi.

Maka apa yang berlaku ketidakcekapan ataupun daripada keseluruhan sistem seperti ini ialah yang pertama, ia boleh berpunca daripada nilai yang dipegang oleh pengguna, pengguna meletakkan nilai-nilai yang tertentu kepada pasaran-pasaran yang tertentu dan bank melihatkan bahawa ada potensi di situ dan bank memberi pinjaman untuk membekalkan benda yang pengguna hendak.

Jadi, kalau ada timbul ketidakcekapan atau apa-apa salah buat keputusan, satu dari sebabnya ialah pengguna itu sendiri mempunyai nilai yang tidak betul.

Yang kedua, ialah ketidakcekapan orang yang buat kerja untuk pengagihan ini iaitu orang yang membuat keputusan untuk menilai permohonan peminjam ini dan membuat keputusan sama ada hendak memberi pinjaman ataupun tidak memberi pinjaman.

Kalau pengguna meletakkan nilai yang tinggi kepada hiburan, maka pasaran akan memberi pinjaman untuk mengeluarkan produk hiburan, kalau pengguna memberikan

nilai yang tinggi kepada benda yang tidak produktif, peminjam akan memberi pinjaman kepada pengeluar untuk mengeluarkan barangan yang tidak produktif.

Jadi, itulah yang berlaku. Saya pernah membuat satu kajian sudah lama, lebih sepuluh tahun yang lalu tentang sikap pengguna di Malaysia ini. Kajian itu tentang pembelian motokar – kereta dan kita mendapati bahawa pengguna di Malaysia pada keseluruhannya, bangsa apa pun mempunyai dan meletakkan satu nilai yang cukup tinggi kepada kereta, sebab itulah kita buat kereta Proton. Mereka cukup suka kereta ini sebagai sesuatu yang mempunyai lebih kepuasan yang tinggi, misalnya kalau sudah ada kereta hendak tukar dia punya reamnya daripada yang kos berapa ratus kepada berapa ribu, daripada kalau dia hendak upgrade daripada makan beras B1 kepada A1. Walaupun upgrading daripada B1 kepada A1 hanya memerlukan perbelanjaan tambahan yang tak banyak dan harganya tak banyak, tetapi kepuasan yang dia perolehi daripada hendak kena belanja katakan RM1,500 untuk tukar ream tayarnya adalah lebih tinggi. Jadi, manusia Malaysia ini macam itu, jadi inilah yang kita hendak perbetulkan.

Satu lagi, punca ketidakcekapan yang berlaku ini ialah dua punca, yang pertama, nilai yang tidak betul dan satu lagi kadang-kadang kita keluarkan benda yang pengguna tidak mahu. Kadang-kadang kita keluarkan benda yang pengguna tak letakkan nilai pada benda itu, kadang-kadang kalau kita letak benda yang macam itu, maka apa yang berlaku pengguna tidak mahu beli, bila pengguna tidak mahu beli maka pelaburan dalam benda yang hendak kita keluarkan itu adalah *wastage* belaka dan ini menimbulkan ketidakcekapan kepada keseluruhannya.

Hendaklah kita sedar, setiap keputusan yang kita buat dalam hal penggunaan dan juga pelaburan, akan menjadi satu *fixed cost* kepada keseluruhan ekonomi, kita akan dikekang oleh keputusan itu, keputusan-keputusan kita yang akan datang juga akan dikekang oleh keputusan yang kita buat hari ini, kalau kita buat keputusan itu, maka ia akan menyebabkan *fixed cost* dari segi *install capacity* dalam sesuatu ekonomi, kalau kita buat satu-satu keputusan itu, kita terperangkap dengan struktur yang telah kita bentuk di dalam ekonomi kita.

Ini adalah satu perkara yang saya ingat banyak orang tidak fikir dengan panjang tentang hal ini, kalau kita sudah misalnya dalam telekomunikasi, kalau pada satu ketika begitu tujuh lesen telah diberikan dan apabila kesemua yang hendak bersaing dengan

mobile phone ini, ia akan pergi install infrastrukturnya sendiri, dia *install* infrastruktur, dia pergi install infrastrukturnya sendiri, kalau tujuh pembekal, tujuh pembekalan infrastruktur dalam kawasan geografi yang sama.

Jadi, bila kita telah buat seperti itu, kita terkekang dengan keputusan itu kerana kita terkekang dengan *fixed cost* yang telah kita buat. Ini adalah satu perkara yang perlu kita fikir untuk masa yang akan datang. Apabila kita membuat sesuatu keputusan misalnya untuk menjadikan pengangkutan darat sebagai pengangkutan utama di Semenanjung ini dan juga di Sabah dan Sarawak, maka kita belanja duit untuk buat katakan jalan dengan begitu banyak.

Maka keputusan ini akan menjadi kekangan kalau kita hendak pergi kepada menggunakan rel untuk *rapid transport*, katakan kita sudah buat Lebuhraya Utara Selatan, kalau kita hendak buat *mass high speed rail transport* Utara Selatan, kita terkekang dengan keputusan yang telah kita buat terdahulu daripada itu dengan keputusan bahawa kita hendak menjadikan pengangkutan darat sebagai pengangkutan utama di Semenanjung ini.

Kalau kita sudah membuat keputusan bahawa begitu sekian-sekian juta ekar tanah dalam negara kita ini, kita hendak menanam dengan sektor perladangan kelapa sawit dan getah, maka hayat pokok-pokok ini dalam 25 tahun, maka kita terkekang untuk tempoh 20 tahun penggunaan tanah itu adalah terhad kepada benda itu sama.

Jadi, benda-benda yang seperti ini, saya harap pihak yang membuat keputusan, kerajaan juga pegawai-pegawai kerajaan memberi fikiran tentang ini, kita ada kelapa sawit, sekian-sekian, bila keputusan melabur itu adalah berdasarkan kepada jangkaan pulangan dalam tempoh hayat pokok itu, sepuluh tahun atau lima belas atau dua belas tahun. Kalau tahun yang ketujuh kita ingat, kita tidak mahu tanam kelapa sawit lagi, kita hendak tebang pokok muda, kita tidak boleh buat.

Jadi, setiap decision itu akan *constraint* kan diri kita. *Palm oil* bersaing dengan soya bean di pasaran antarabangsa dan kita adalah yang terbaik dalam industri ini, tetapi soya bean mempunyai hayat seasonal, ia satu season ialah tahunan, manakala *palm oil* mempunyai hayat yang selama 25 tahun. Jadi, apakah satu produk yang umur kitaran pokoknya selama 25 tahun pelaburan pulangannya lebih panjang, hendak bersaing dengan satu produk yang *life cycle* nya pendek, di mana ia mempunyai *flexibility* untuk

mengubah kadar pengeluaran dan keluasan *hecrage* nya, tetapi kita tidak, kita sudah decide kita hendak tanam 1,000 ekar kelapa sawit, kita terlekat dengan tanaman 1,000 ekar kelapa sawit. Saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa suntuk Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Boleh saya sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat masih boleh sambung petang nanti.

Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat bagi Balik Pulau sila sambung ucapan.

2.31 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada sesi pagi tadi saya telah bercakap dalam perbahasan tentang bagaimana kalau kita membuat keputusan yang silap ataupun mana-mana sesuatu keputusan, maka keputusan itu akan mengekang keputusan-keputusan kita yang akan datang. Kalau kita hendak memperbetulkan keputusan itu ianya akan menggunakan perbelanjaan yang banyak. Tetapi kadang-kadang ada juga *fixed cost* ataupun *in harent structure* yang ada dalam sesuatu negara atau sesuatu budaya dalam bentuk sama ada melalui *historical accident* ataupun dari segi budaya dan nilai yang boleh menjadi lebih untuk kita berdagang dalam dunia antarabangsa.

Sebelum saya meninggalkan ini ingin saya memperingatkan sekali lagi supaya sektor perladangan dalam negara kita ini khususnya tentang kelapa sawit dan juga getah yang bersaing, yang mempunyai *install entrench capacity* ini berpotensi berdepan dengan masalah yang saya katakan tadi apabila ianya bersaing dengan tanaman yang mempunyai *life cycle* yang lebih pendek. Untuk beberapa tahun yang akan datang, perkara ini hendaklah difikirkan dengan semasak-masaknya.

Untuk memberi satu lagi ilustrasi tentang peranan *install capacity* ataupun *structure* ini, saya ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini tentang kita lihat bahawa mesin taip yang telah direka lebih 100 tahun lalu itu mempunyai – orang kata *keyboard 'layout'nya* yang ada huruf ‘q,w,e,r,t,y’ selepas itu ia ada huruf ‘a,s,d,f’ dan sebagainya. Sehingga sekarang ini *super computers* yang paling laju yang digunakan di dalam dunia ini *layout computer, layout 'keyboard'nya* masih lagi menggunakan kaedah yang sama.

Jadi, orang boleh bertanya kenapakah perkara itu sampai sekarang tidak berubah? Kerana ia telah menjadi satu piawaian dan piawaian juga boleh menjadi *illustrate point* yang saya hendak buat, satu lebihan dalam persaingan kita dan piawaian juga boleh menjadi satu kekangan kalau kita sudah tersangkut dengan satu-satu piawaian yang seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, ramai orang bercakap tentang globalisasi, seolah-olah kadang-kadang semacam ianya satu yang baru kepada kita di Malaysia ini tetapi saya ingin memperkatakan bahawa sebenarnya sejarah Malaysia dan Malaya dahulu ataupun Borneo ataupun di Sarawak penglibatan kita dalam proses globalisasi yang berlaku dalam lebih kurang 200 tahun dahulu adalah berterusan. Kita memang merupakan satu buah ekonomi yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa dan oleh yang demikian, *entrench structure* kita, *fixed cost* kita, *fixed setting* kita adalah memang sebagai sebuah negara berdagang. Oleh itu, kita tidak mempunyai pilihan selain daripada memperbaiki diri kita dan menyertai proses globalisasi ini dalam perdagangan antarabangsa.

Kita hendaklah seperti kerajaan punya pendirian sekarang meminta supaya dipercepatkan pelaksanaan akta melalui skim CEPT supaya kita tepat pada jadual 2003 untuk kita melakukan penggabungan ekonomi negara Asean dalam perdagangan antarabangsa. Kita kena melakukan perkara ini kerana kita perlu mengimbangi kelompok-kelompok lain yang telah membentuk *trade association* ini seperti NAFTA dan juga EU. Kita perlu buat ini kerana ianya merupakan satu langkah *strategic alliance* yang perlu kita buat dengan negara-negara yang ada di sekeliling kita. Ianya memperluaskan pasaran untuk negara kita dan apabila kita terpaksa berdagang seperti ini, maka ianya akan menjana kecekapan di dalam ekonomi negara sendiri. Negara yang

mempunyai kecekapan ekonomi dalam erti kata yang luas adalah negara yang terpaksa bersaing untuk berjaja dalam pasaran antarabangsa.

Hakikatnya semua negara yang mendapat manfaat daripada kerancangan pertumbuhan perdagangan antarabangsa dalam 30 tahun yang lepas adalah negara yang mempunyai kecekapan yang lebih tinggi berbanding dengan negara yang tidak menyertai pembangunan perdagangan antarabangsa seperti di Afrika dan juga di Amerika Selatan. Jadi, kita kena buat tetapi dalam kita melakukan perkara ini kita akan mengalami juga perubahan-perubahan yang menandatangani pada jangka pendeknya kesan-kesan yang negatif kepada sektor-sektor yang tertentu di dalam negara kita ini. Tujuan perdagangan antarabangsa ialah bukan untuk jual semata-mata, kadang-kadang orang mempunyai satu pandangan bahawa perdagangan antarabangsa ini semata-mata untuk jual. Orang yang melihat negara sebagai satu syarikat adalah orang yang mempunyai pandangan ini. Sebenarnya tujuan perdagangan antarabangsa adalah untuk beli sama selain daripada untuk jual.

Kalau kita tengok angka dalam KDNK kita, 40% daripada penawaran dalam negara adalah datang daripada import, maknanya kalau komponen membeli dalam perdagangan antarabangsa itu dibuang, maka ekonomi negara akan menguncup sebanyak 40%. Jadi, perdagangan antarabangsa membuka peluang untuk kita membeli sama. Jadi, dengan kita membeli seperti ini kita juga mempunyai kemampuan untuk menjual.

Ada ramai orang yang memberi pendapat kebelakangan ini khusus dalam sepuluh, lima belas tahun tentang perdagangan antarabangsa ini sama ada daripada kalangan ahli-ahli ekonomi ataupun mereka yang menjual polisi. Tetapi yang paling memudaratkan pada pandangan saya ialah pandangan mereka yang dalam tempoh 15 tahun ini yang digelar dalam *literature* sebagai *the strategic traders*, ini puak-puak yang mempunyai fahaman *strategic traders* ini yang tidak macam *free traders* sangat, tetapi tidak juga *protectionist* macam negara-negara yang tertutup sekarang ini berpengaruh sangat di *White House*, Amerika Syarikat. Mereka inilah seperti U.S punya *trade representative*, C. Chefskie yang akan mewakili Amerika Syarikat dalam *round* perbincangan tentang liberalisasi melalui WTO ini adalah orang-orang yang mempunyai pandangan seperti ini. Mereka ini bercakap tentang *targeting of the strategic sectors*, dengan izin, mereka bercakap tentang memasuki *high value sectors*, mereka bercakap tentang produktiviti

dengan *competitiveness*. Mereka bercakap tentang *competitive advantage*, dengan izin, mereka ini termasuklah orang-orang seperti Lester Thurow, yang melihat pada perdagangan antarabangsa sebagai satu *zero sum game* orang-orang yang menjadi guru pengurusan seperti Michael Potter ataupun Kenichi Ohmae ataupun orang-orang seperti Naisbit.

Bagi saya pandangan mereka ini adalah tidak berketepatan dengan apa yang saya tahu tentang ekonomi dan mereka ini berjaya oleh kerana mereka berjaya menjual idea-idea ini yang separuh masak sebenarnya kepada orang-orang yang buat polisi dan negara-negara. Kita ahli politik oleh kerana kita mahu mendapat sokongan, kadang-kadang apabila dijual dengan pandangan-pandangan seperti ini kita mengikut mereka ini. Tetapi mereka ini bagi saya dalam jangka masa panjang mereka punya pandangan adalah tidak betul. Tidak banyak kita ketahui, kalau kita satu orang ahli ekonomi yang ikhlas tentang hubungan antara *competitiveness* dengan *productivity*. Bohong, tidak ada penemuan-penemuan *theoretical* ataupun juga kajian *empirical* yang dapat mencari satu penjelasan yang kukuh dan yang boleh ditahan oleh ujian-ujian *empirical* mengenai perkara-perkara ini kerana ada banyak faktor lain yang akan mempengaruhi sama ada sesuatu negara itu mempunyai kelebihan *comparative advantage* ataupun kelebihan persaingan dalam mana-mana satu sektor.

Ianya bukan sahaja bergantung kepada R&D, tidak semesti ianya bergantung kepada *marketing strategies* semata-mata. Dia bergantung kepada apa yang saya cuba sebutkan tadi tentang *install capacity*, tentang budaya dalam negara itu, tentang nilai yang dipegang dalam negara itu, tentang sejarah yang dilalui oleh negara itu. Tidakkah kita fikir dalam banyak negara dalam dunia ini Itali menjadi sebuah negara yang terkenal dari segi pengeluaran fesyen, sama ada lelaki dan khususnya perempuan, yang mahal-mahal ini. Kenapa Itali? Kenapa tidak negara-negara lain? Kenapakah kita tengok dalam banyak negara yang mengeluarkan kasut yang mahal-mahal ini adalah Itali juga. Kenapakah kita lihat bahawa untuk pengeluaran *movies*, untuk filem dan juga muzik, pusat pengeluarannya yang berpengaruh dalam dunia ini, yang menjana begitu banyak pulangan adalah di Hollywood. Bollywood ini saya tidak berapa tahu tetapi Hollywood pasarannya lebih global. Kenapakah perkara ini berlaku, kenapakah dunia *finance* di

dalam dunia ini berpusat di bandar raya seperti London dan juga di Frankfurt dan juga di Geneva?

Kenapakah jam tangan dan bank mempunyai kelebihan dalam dua bidang itu di Switzerland? Adakah kita boleh menjelaskan perkara ini dengan mengatakan ada *economy of scope* di antara jam dan bank di Switzerland? Kita tidak boleh kerana dia mempunyai faktor-faktor yang lain, faktor-faktor sejarah, faktor-faktor budaya yang menyebabkan perkara ini terjadi.

Jadi, kita kena pergi belajar tentang perkara itu. Saya cerita mengenai *keyboard* tadi itu, *entrench capacity*. Kita mempunyai dasar perindustrian pelan induk perindustrian yang kedua. Mengikut pendapat satu orang yang saya sebut tadi Michael Potter punya buku, lebih kurang ada *competitive advantage*. Saya baru sebut tadi, saya tidak berapa hendak setuju dengan pandangannya bukan sahaja sebagai seorang ahli politik tetapi juga sebagai seorang ahli ekonomi. Tetapi dalam dasar IMP Kedua itu, yang berdasarkan kepada buku Michael Potter kita hendak membuat *clusters*. Kita hendak buat kelompok-kelompok tertentu untuk kita bangunkan sektor perindustrian dalam negara kita. Dikenal pasti bermacam-macam *clusters* yang kita hendak buat untuk merangka pertumbuhan industri ini.

Satu yang saya harap akan dikaji semula dan dilihat secara yang terperinci demi untuk masa depan pembangunan perindustrian dalam negara kita ialah, satu kenalah ada fokus yang lebih. Tidak ada satu daripada perkara yang kita kena terima dalam hakikat, sebagai satu orang individu, sebagai sebuah syarikat, sebagai sebuah negara ialah kena ada *division of labour*, kena ada *specialization*, kita tidak boleh buat semua perkara. Kita dalam mana-mana kedudukan kena ada *division of labour*, setengah orang buat, setengahnya kita beri orang ini buat tetapi kalau kita ada perlindungan *property rights* yang betul, maka *division of labour* itu tidak akan menyebabkan kita kehilangan sesuatu kalau *delegation* itu dilakukan. Jadi, kena ada fokus dan dalam pembentukan *clusters* untuk mengenal pasti *clusters* ini kenalah bina atas asas yang sedia ada, kena bina atas perkara-perkara yang saya kata tadi. Apakah kita punya *entrench capacity*, apakah kita punya cita rasa, apakah kita punya budaya dalam negara kita ini? Kerana itulah yang sebenarnya yang akan membekalkan kelebihan persaingan untuk apa-apa juga industri dalam negara kita ini untuk bersaing di negara-negara luar.

Tahun 1970 di Pulau Pinang misalnya, apabila taraf pelabuhan bebas ditarik balik di Pulau Pinang, maka kerajaan negeri dengan sokongan Kerajaan Persekutuan telah membuat satu dasar untuk membangunkan Pulau Pinang melalui perindustrian. Maka setelah lebih daripada 25 tahun kemudian, maka di Pulau Pinang itu terdapat satu kelompok kilang-kilang elektronik yang besar. Memang pada ketika mulanya ia adalah yang jenis bas biru, kerja *production operator* dan sebagainya. Tetapi setelah wujud satu *clustering* dan satu *critical mass* dalam industri tersebut, kalau kita hendak bina *cluster* baru, maka kita kena binalah di sekitar industri yang sedia ada itu dan dengan itu perkembangan hendak membuat MEC itu adalah satu perkara yang *natural* daripada adanya. Kalau tidak ada, macam kawasan perindustrian di Bayan Lepas, dalam elektronik dan elektrik ini, maka hendak membuat MEC ini menjadi satu perkara yang tidak berapa *compatible*. Tetapi sebab kita ada *density* yang macam itu, maka kita kena buat.

Jadi, hendak menentukan *clusters* kita kena buat *clusters* berdasarkan *existing strength* kita yang ada, tidak kira sama ada dalam bentuk budaya, nilai ataupun sesuatu yang fizikal kerana kalau ada macam ini barulah ada *external*, orang kata kesan luaran yang *external* kerana kelompok itu ada interaksinya dari segi pekerja, dari segi pertukaran *knowledge*, dari segi industri-industri sokongan dan sebagainya.

Jadi, kalau hendak buat *clusters* buatlah *clusters* berdasarkan kepada apa yang kita ada kelebihan yang sedia ada. Kalau kita hendak reka sesuatu yang baru, ianya susah sebab dunia ini begitu kompetitif.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi orang selalu bercakap tentang *high value sectors*, sebagai penekanan kepada *high value sectors* dan dalam masa lima, enam tahun ini semua orang mengkhusus bila bercakap tentang *high value sectors* sebagai sektor yang hendak diketengahkan untuk disaing dalam pasaran antarabangsa ialah mereka cakap tentang IT, tentang teknologi maklumat. Saya berpendapat bahawa kalau kita tengok lagi 30 tahun, lagi 40 tahun, maka sektor ini tidak akan mendatangkan pulangan ekonomi yang setinggi seperti yang kita jangkakan. Kita kena faham dari segi proses pembentukan teknologi, pemasaran teknologi, pembentukan produk, lepas itu produk itu matang, lepas itu produk itu sudah jadi *obsolete*. Kita tengok dalam sekarang ini pun di ambang kurun yang satu lagi sebenarnya satu komoditi, satu barangan yang mana tidak

mengalami kadar inflasi yang tinggi, malah ia mengalami kadar deflasi pula ialah harga komputer. Harga komputer telah turun sekarang ini berbanding dengan sepuluh tahun yang lalu secara relatif dan juga secara mutlak sebenarnya.

Jadi, *rent* ataupun pulangan ataupun keuntungan yang boleh kita perolehi daripada sektor ini adalah makin berkurangan kerana mana-mana perniagaan dalam dunia ini kalau mula-mula maju, orang tidak ramai berniaga. Apabila orang tidak ramai berniaga, untungnya tinggi, apabila orang sudah tengok banyak untung, ramai orang masuk, apabila ramai orang masuk berniaga, untung itu makin kurang dan apabila cukup ramai orang yang masuk, maka pasaran itu menjadi matang dan tidak ada untung lagi. Tidak ada pemain-pemain baru yang hendak masuk. Jadi, adalah salah misalnya bagi saya kalau sekarang ini kita hendak masuk dalam industri buat komputer. Tidak betul sebab ia sudah sampai pada satu tahap sebenarnya, ia mengalami deflasi. Sebenarnya harga barang yang akan naik, kalau kita hendak membuat unjuran lagi 20, 30, 40 tahun adalah barang yang mempunyai sifat salah satu sama ada penawaran barang itu adalah terhad ataupun semakin berkurangan, ataupun permintaan ke atas barang itu semakin lama semakin meningkat dengan kadar yang agak tinggi. Kalau dua perkara itu jadi, baru harganya tinggi.

Jadi, sebenarnya kalau saya ditanya apakah sektor yang akan mendatangkan pulangan *high value sectors*? Tidak semestinya *aerospace*, tidak semestinya elektronik. Kalau saya tanya sektor mana? Saya kata lagi 30 tahun, kalau kita buat betul-betul sektor yang akan mendatangkan pulangan yang amat tinggi ialah pembalakan kerana kayu balak dalam hutan ini semakin lama semakin tidak ada. Tetapi kalau orang makin ramai dan tidak ada kesan gantian, tidak ada direka satu benda lain yang boleh menggantikan kayu sebagai satu *resources*, dia *exhaustible resources* tetapi boleh *replenish* tetapi minyak misalnya satu benda yang sektor itu merupakan satu yang *exhaustible* dan perkara-perkara inilah yang sebenarnya yang akan mendatangkan pulangan yang tinggi di masa depan kerana dia tertakluk kepada hukum-hukum *nature* yang menyatakan bahawa *supply* penawarannya tidak akan bertambah di masa akan datang. Tetapi kalau cita rasa atau teknologi di masa akan datang menyebabkan perkara-perkara ini menjadi *obsolete*, maka habis tidak ada harga. Tetapi kalau kita hendak bentuk struktur ekonomi kita, maka kita kena fikir macam ini, kita tidak boleh jadi macam cerita *Johnny Come Lately*, selalu

mari terlambat sedikit daripada orang, apabila pasaran itu telah habis, orang lain telah ambil keuntungannya.

Kita fikir tentang ini. Kedudukan keadaan di Malaysia ini agak unik sekarang sebagai sebuah negara ekonomi, negara perdagangan dalam dunia ini. Ada sebuah negara yang mempunyai ciri ini tetapi 150 tahun, hampir 200 tahun dahulu iaitu Britain sendiri. Britain pada awal kurun ke-19 – tahun 1800 lebih, merupakan negara yang mempunyai dagangan yang terbesar dalam dunia. Satu pertiga daripada KDNKnya adalah untuk dieksportkan. Apakah sektor yang mana Britain menjadi pedagang utama dalam dunia. Pada ketika itu Britain juga mempelopori pembangunan perindustrian dalam dunia, *the industrialisation process* bermula di Great Britain di Manchester dan di kawasan-kawasan di England. Mereka buat apa? Mereka mendahului dunia dalam sektor *cotton* dan tekstil. Ia adalah unik kerana tekstil itu adalah berasaskan kepada *cotton* yang mana *cotton* itu menjadi input dan *cotton* tidak terdapat di Britain. *Cotton* seratus peratus diimport dari India pada ketika itu dan juga tempat-tempat yang lain dan juga diimport dari Amerika Syarikat.

Jadi, kita lihat begitu maju Britain sifatnya begitu, kemudian kita tengok balik kita sekarang ini. Britain sebuah negara dagangan satu pertiga GDPnya *is export*. Berdasarkan satu sektor – sektor tekstil yang bergantung kepada input yang diimport. Hari ini Malaysia adalah sebuah negara dagangan yang bukan kecil – yang *top twenty* dan khususnya eksport kita adalah dalam satu bidang. 70% daripada eksport kita datang daripada sektor elektronik dan electrical. Jadi, ada persamaan di antara Britain dengan Britain pada tahun 1840 macam gitu, dengan Malaysia sekarang ini.

Pada ketika itu juga cerdik-cerdik pandai yang banyak mengeluarkan teori-teorikah atau tidak teorikah, atau penulisan tentang trade ini, orang macam Ricardo, Mill, Marshall adalah juga orang-orang Inggeris dari Britain dan mereka mengetahui benda ini tetapi apa yang berlaku? Revolusi industri ini berlaku di Britain kemudian di Eropah dan di Amerika Utara tetapi bila sampai pertengahan abad ini iaitu sebelum perang, maka kuasa industri Britain, penguasaannya sebagai satu kuasa dunia semakin lama semakin pupus.

Selepas Perang Dunia Kedua Britain terpaksa memerdekakan jajahan-jajahannya. Maka, Britain pada ketika itu mula ketinggalan kepada negara-negara – memang

ketinggalan kepada Amerika Syarikat, Germany, France dan juga mungkin Italy dari segi itu tetapi Britain pada ketika itu mempunyai satu struktur *entrench structure*. Struktur ekonominya adalah industri 'smoke stack', dia tidak boleh hendak ubah benda itu, dia mewarisi struktur yang sedemikian rupa seperti yang saya katakan tadi. Dia mempunyai budaya dari segi hubungan buruh dengan pengurusan yang tidak berapa betul *labour relations*nya dan politiknya pun berdasarkan kepada Parti Buruh dan Parti Konservatif.

Institusi, nilai dan sebagainya di Britain pada ketika itu menjadi kekangan kepada Britain untuk kekal di hadapan dalam seluruh proses ini tetapi Britain melalui satu proses transformasi daripada tahun 1970-an, 1980-an sehingga sekarang ini dan melalui transformasi yang agak sakit itu (*painful process of adjustment*). Sekarang ini Britain telah kembali berada pada satu kedudukan yang memungkinkan dia bersaing dalam ekonomi baru yang dikatakan itu – *k-economy* ataupun *electronic economy* dan sebagainya. Maka, kita hendaklah belajar daripada pengalaman Britain ini dan kita kena terima hakikat perubahan ini, *structural change* ini kena berlaku, kalau tidak kita akan ketinggalan dahulu dan mungkin akan ke hadapan balik atau kita ketinggalan dan tidak boleh hendak pergi ke hadapan balik.

Satu negara lain yang kita patut lihat, ini *Look West Policy* sedikit, ialah Belanda (Holland). Holland satu negara yang cukup unik yang kita boleh belajar banyak daripadanya kerana Holland senantiasa ada di situ. Empat ratus tahun dahulu Holland merupakan sebuah negara yang mempunyai perdagangan yang besar dan sebuah ekonomi yang maju. Sekarang pun dia merupakan sebuah ekonomi yang cukup maju, sekarang ini dia merupakan pelabur yang kedua besar di Amerika Syarikat, itu satu kedudukan yang cukup-cukup besar untuk sebuah negara yang mempunyai penduduk hanya dalam 8 juta orang, kalau tidak salah saya.

Jadi, inilah pengajaran-pengajaran yang kita hendak belajar iaitu kita kena belajar tentang apakah yang menyebabkan sesuatu negara itu boleh bangun dan apakah yang menyebabkan sesuatu negara itu boleh bersaing dengan jayanya di dalam pasaran-pasaran antarabangsa untuk mengeluarkan apa juga barang yang dia hendak jual ataupun perkhidmatan-perkhidmatan yang dia hendak jual di pasaran antarabangsa. Inilah balik kepada soal yang saya mula iaitu sebenarnya ialah nilai (values), norma-norma (norms) dan budaya yang dipupuk dalam negara itu sendiri kerana norma, nilai dan juga semua

ini membentuk institusi-institusi dalam sesuatu negara itu dan orang-orang yang membuat keputusan untuk mengguna sebagai pengguna dan orang-orang yang membuat keputusan untuk melabur sebagai pelabur dan orang-orang yang membuat keputusan untuk membentuk perundangan dan juga keputusan-keputusan pengawalan yang lain. Kalaulah nilai, norma dan budaya ini adalah baik, maka ia menghasilkan kelebihan persaingan yang kita maksudkan tadi.

Jadi, berbalik kepada soal yang saya tengah cakap semasa perbelanjaan tambahan, kita kena fikir tentang apakah kita hendak jadi kecil ataupun kita hendak jadi besar. Bilakah kita hendak jadi kecil dan bilakah kita hendak jadi besar. Dalam keadaan macam mana kita hendak jadi kecil, dalam keadaan macam mana menguntungkan kita jadi besar, dalam keadaan macam mana merugikan kalau kita jadi besar. Jadi, inilah dalam pembentukan dasar-dasar ekonomi, dasar-dasar perindustrian dan dasar-dasar persaingan kita dalam dunia antarabangsa, kita kena fikir secara yang jelas di mana kita hendak jadi kecil dan di mana kita hendak jadi besar.

Ada banyak kelebihan jadi kecil ini, dalam keadaan-keadaan tertentu dan ada kelebihan untuk jadi besar dalam keadaan-keadaan yang tertentu tetapi dalam dunia yang memerlukan *flexibility*, dalam dunia yang memerlukan kita bertindak secara yang cepat, menjadi kecil mempunyai kelebihan-kelebihannya yang tertentu, dia mempunyai pengkhususan yang lebih *specialisation* dan mempraktikkan konsep *division of labour* itu dengan lebih baik. Kadang-kadang kita jadi kecil kita menjadi tidak *threatening* (*non-threatening*), kita tidak menakutkan orang sangat. Kadang-kadang bila kita jadi kecil dan bergabung dengan satu kumpulan, maka manfaat yang kita dapat daripada gabungan itu adalah jauh lebih tinggi daripada perkadaran sumbangan kita kepada kumpulan itu sendiri. Kadang-kadang jadi kecil ini bagus, ada kadang-kadang kita kena jadi besar tetapi jadi kecil ini lebih baik, Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri pun tidak berapa besar.
[Ketawa]

Pada penghujung tahun 1980-an, apabila industri automobil di Amerika Syarikat diancam oleh import dari Jepun – Toyota, Honda dan sebagainya, maka industri yang besar di Amerika Syarikat seperti General Motors, Ford dan juga Chrysler telah melobi dengan Kongress, Dewan Rakyat ini untuk mengenakan *voluntary export restraint* kepada Honda, Toyota dan juga Nissan ini kerana depa takut tengok Honda ini besar,

General Motors pun takut tetapi saya lihat pada ketika itu Volvo sudah ada kehadiran di pasaran Amerika Syarikat. Volvo sebuah syarikat Sweden menjual satu jenis kereta sahaja, keretanya pun tidak adalah canggih macam mana, Volvo – station wagon disasarkan kepada pasaran orang berkeluarga (*family*) dan ia tidak *threatening* langsung. Manakala, pada masa yang sama Jepun dikenakan *voluntary export restraint* oleh undang-undang, Volvo tidak dikenakan ini dan meraut keuntungan yang cukup banyak.

Jadi, dalam kita hendak pergi bersaing dengan orang ini pun, kita kena tengok bila kita hendak tunjuk besar, bila kita hendak tunjuk kecil. Kadang-kadang dalam politik lain, saya tidak berapa mengerti sedikit tetapi [*Ketawa*] dalam ekonomi ini adalah penting, kalau kita tidak boleh ikut

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Dalam politik kena besar.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Dalam politik kena besar? Tetapi dalam politik jadi kecil pun bagus juga, kalau kita tidak menjadi *threatening* kepada orang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut dan yang kedua terakhir sebab kawan-kawan hendak bercakap ialah saya bersetuju bahawa satu panel perunding akan dibentuk oleh kerajaan untuk memberi input kepada pembentukan dasar dan sebagainya. Cuma saya hendak memberi *caution* supaya berjaga-jagalah sebab dalam dunia sekarang ini ada banyak ‘usahawan-usahawan polisi’ ataupun dia punya kerja dia jual idea, ideanya setengah masak tetapi dia *policy entrepreneurs*, dia boleh jual polisi, kalaulah kita silap ambil dan *policy entrepreneurs* ini yang menjadi sebahagian daripada panel perunding kita, maka mereka akan memberi nasihat yang tidak betul.

Dalam ekonomi ada satu yang di panggil *Gresham’s Law* – dia kata ‘*bad money drives out good money*’, itu duit, tetapi dalam dunia ideas pun macam itu – *bad ideas drives out good ideas*. Kalau kita bubuh dalam panel perunding ini ‘usahawan-usahawan polisi’ ini – yang tulis buku banyak-banyak dan orang beli banyak-banyak ini, maka dia akan memberi nasihat yang tidak betul. Jadi, jagalah supaya mereka ini tidak mempengaruhi dasar-dasar melalui pendapat-pendapat mereka yang tidak berapa betul – yang setengah masak itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu kalau kita menerima *thesis* yang saya mulakan tadi bahawa sebenarnya, akhirnya yang menjadi asas kepada semua ialah nilai, budaya dan norma dan kekuatan institusi yang terbentuk di atas nilai-nilai itu akhirnya

kesejahteraan kita sebagai sebuah negara, kemampuan kita untuk bersaing dengan orang dan sebagainya semua bergantung kepada itu. Akhirnya apa yang kita kena buat, sebenarnya? Yang kita kena buat daripada kita hendak mengenal pasti *high value sectors*, mengenal pasti *strategic trade policies*, mengenal pasti apa hubung kait antara *competitiveness* dan *productivity*, cerita-cerita ini semua, kenapa tidak kita pergi kepada yang asas sekali. Kenapa tidak kita memastikan bahawa rakyat dalam negara kita ini mempunyai peluang untuk pendidikan yang seluas-luasnya?

Sebab itu saya mulakan ucapan saya dengan menyokong *college community*. Kenapa tidak kita mengubah langsung nilai dan sikap orang terhadap pendidikan secara berterusan – pendidikan lanjutan, pendidikan dewasa, pendidikan bukan semata-mata untuk cari kerja, pendidikan untuk membangunkan diri sendiri, pendidikan untuk merasa puas tentang diri kita sendiri, kenapa tidak kita fokus, oleh sebab itu kita sokong fokus kepada membekalkan suasana, persekitaran hidup yang selesa.

Sebab itu dalam perbahasan pada minggu lepas, saya minta supaya pihak berkuasa tempatan mengenakan piawaian-piawaian yang lebih daripada apa yang dikenakan sekarang untuk memastikan bahawa *human habitat* sama ada *human habitat* kos rendah, *human habitat* kos sederhana dan keseluruhan *human habitat* dalam negara kita ini adalah *habitat* yang memungkinkan potensi manusia yang sebenar-benar itu keluar. Adalah tanah kosong tempat hendak bermain, adalah tempat-tempat untuk membuat kemudahan riadah ataupun berk komuniti dan sebagainya ataupun kita memastikan seperti yang telah kita buat selama ini.

Saya menyokong keputusan kerajaan untuk membatalkan cadangan untuk mengkorporatkan sektor kesihatan awam ini kerana kita beri orang semua sihat, beri dia jadi sihat, beri peluang dia hidup dalam *habitat* yang baik, beri dia peluang pendidikan yang kesemuanya seperti yang telah kita lakukan setakat ini. Maka, potensi manusia itu akan tumbuh dan apabila mereka tumbuh, maka akan tercetus pelbagai inovasi, pelbagai penemuan yang akan menyumbang kepada peningkatan produktiviti negara tanpa kita hendak tahu, tanpa kita sebut “You kena *innovate* dalam sektor ini, you kena *innovate* dalam sektor ini”, Tidak, tetapi apabila semua itu kukuh maka akan muncul semua benda-benda ini. Apabila orang-orang ini dia duduk sama ada dalam politik ataupun duduk dalam bank ataupun sebagai pengguna ataupun di mana-mana juga sebagai

usahawan untuk buat keputusan pelaburan, maka dia akan membuat keputusan yang lebih baik daripada kalau dia tidak jadi macam itu.

Itu satu pandangan yang *humanist* punya *approach*, setengah orang kata tidak realistik fikir macam itu tetapi saya lihat balik sebenarnya negara-negara yang boleh mencapai tahap kemajuan seperti yang saya katakan, yang *consistent*, yang tidak mati, yang tidak mengalami kitaran *hedonistic* – thesis Ibnu Khaldoun, lepas itu jatuh balik, adalah negara-negara yang mempunyai nilai, norma dan budaya yang boleh tahan. Macam di Belanda – 8 juta orang tetapi boleh menguasai sebahagian besar daripada perdagangan dalam dunia, Switzerland – negara yang kecil, bahasa pun lain-lain tetapi boleh tahan seperti yang sedemikian rupa dan mereka hidup. Kita boleh pergi ke Holland dan mencari kelemahan-kelemahan dalam masyarakatnya tetapi pada umumnya dia adalah berada pada satu tahap yang cukup tinggi.

Saya tidak berapa bersetuju, misalnya dalam pembentukan *habitat* manusia ini, kita terikut sangat dengan konsep *habitat* Jepun ini – jenis buat rumah sampai 15 tingkat atau 20 tingkat, beri orang duduk macam dalam sarang burung. Dalam dunia ini yang buat kerja ini Jepun dengan Hong Kong sahaja. Orang lain, manusia lain dalam dunia ini - Afrikakah, Amerika Selatankah, Amerika Utarakah, Eropahkah tidak duduk macam ini. Dia tidak duduk macam itu, dia duduk macam orang. [Ketawa] Jadi, kita tidak boleh beri orang duduk dalam suasana yang bukan macam orang sebab lama-lama dia tidak jadi orang. Bila tidak jadi orang dia menyebabkan ada masalah.

Jadi, kita sebuah negara yang besar, kita Sarawak pun besar daripada Semenanjung Malaysia. Sabah pun besar, Pahang punya besar, Pulau Pinang kecil sedikit tetapi tidak apalah boleh pergi ke tempat lain tetapi kita tidak perlulah membuat tempat duduk ini – low cost sampai 15 tingkat atau 20 tingkat kerana sudah tentu persekitaran hidup yang macam itu adalah bercanggah dengan tabii manusia, bercanggah dengan kita sebagai manusia, dengan fitrah kita sebagai manusia sebab Tuhan tidak mencipta kita hendak duduk macam itu. Kita kena duduk bermasyarakat, kita kena duduk dengan berinteraksi, kita kena duduk dengan alam itu sendiri. Kadang-kadang kena sentuh juga tanah itu, kena tengok juga pokok, kena tengok juga binatang. Kalau kita hilang benda itu semua, memang betul Jepun ini cukup *innovative* dari segi *urban living* ini, depa hendak buat *a city in the building, a city* dalam lautlah, tetapi merepek, kalau Jepun saya

yakin kalau dia ikut *path* ini, ingat lagi 100 tahun orangnya jadi gila sebab duduk macam itu.

Saya yakin, jadi saya hendak supaya kita pergi kepada satu konsep pembangunan yang lebih *humanistic* dalam *approach* kita dan apabila terjadi benda itu semua, kalau kita hendak berkelahi pun, kita tidak berkelahi teruk sangat, kalau orang yang *civilised* sedikit dia berkelahi, dia ada *boundaries*nya. Jadi, tidak adalah jadi macam sekarang, dia ini kata dia itu hodoh, dia kata dia ini kafir, berkelahi, berkelahilah tetapi tidak ada sampai tahap macam itu. Kita boleh menjadi satu manusia yang lebih *sober* dari segi *approach* kita.

Jadi, itulah perkara yang ingin saya katakan tetapi oleh sebab ini adalah mesyuarat Parlimen yang terakhir, maka ini adalah untuk Parlimen Kesembilan ini. Untuk Parlimen Kesepuluh ini saya cuma hendak meminta supaya satu perkara dilakukan untuk Parlimen yang Kesepuluh. Satu perkara yang kita lihat, yang saya sebut banyak kali ialah *political alienation* telah berlaku tetapi sejak setahun setengah itu orang telah jadi *politically sensitised*. Jadi, *political over sensitised* pula, tetapi untuk *address* masalah ini secara jangka panjang sedikit, untuk Parlimen yang Kesepuluh ini kita luaskan dan kita lebarkan sedikit fungsi dan perjalanan Parlimen ini.

Saya cadangkan kita bentuk jawatankuasa-jawatakuasa tetap Dewan yang boleh menjadi saluran kepada rakyat untuk datang kepada kita. Saya yakin kalau kita ada jawatankuasa tetap Dewan, sama ada dalam ekonomi, pendidikan, sosial atau antarabangsa dan selepas pilihan raya ini Barisan Nasional menang, lepas kita menang Ahli Parlimen kita duduk dalam jawatankuasa-jawatankuasa Dewan ini, saya mempunyai '*apriori*', saya menghormati ahli pembangkang tetapi saya yakin selepas *election* ini, selepas kita menang, kita duduk dalam *committee* yang itu, setakat hendak hujah dengan pembangkang ini, insya-Allah boleh. Tetapi apa yang lebih penting orang akan melihat sistem institusi dan juga proses politik itu sebagai satu yang bukan macam sekarang dia orang nampak, dia orang nampak sekarang ini Ahli Parlimen, apa dia Parlimen, apa dia politik. Jadi, orang tidak ada hormat kepada institusi ini, Dewan yang mulia ini, Dewan yang mempunyai kehormatan dan oleh sebab itu orang merujuk kita kepada 'Ahli Yang Berhormat'.

Jadi, kalau orang tidak hormat Dewan ini, orang tidak menganggap Dewan ini sebagai Dewan yang mulia, maka kehormatan kita pun tercemar, kehormatan Tuan Yang di-Pertua pun tercemar. Satu cara yang boleh kita buat ialah kita lakukan sistem ini, misalnya kita ada jawatankuasa tetap aduan awam – orang boleh tulis surat terus kepada jawatankuasa tetap aduan, yang berkenaan dalam Perlembagaan, dalam senarai Federal dia boleh tetap dan kita ada committee jawatankuasa aduan awam dan kita boleh panggil jabatan-jabatan, kementerian-kementerian, siapa juga yang berkenaan perkara itu untuk selesai perkara itu.

Orang datang kepada Parlimen. Parlimen ini jadi hidup, tidak adalah jadi macam ini. [*Berpaling ke Public Gallery*] Dalam *Public Gallery* ada empat orang selain daripada *press*. Ini kita sedang meluluskan satu Belanjawan untuk tahun 2000, walaupun saya kata tahun 2000 cumalah setahun lebih daripada tahun 1999 tetapi kira okaylah untuk orang yang hidup dalam paradigm tahun 1000, 2000, 3000 ini, inilah satu perbelanjaan yang bagus tetapi orang tidak hendak ambil tahu dan apabila wujud *ignorance* ini orang mempunyai pandangan yang tidak betul. Dia orang kata kepada ahli politik macam-macam, dia orang mempunyai perspektif, tanggapan yang tidak betul kepada orang-orang politik.

Untuk setiap orang ahli yang duduk di dalam sini, di belakang kita ada beribu orang politik yang lain, bahagian, cawangan yang bertungkus lumus bekerja sebagai orang politik untuk memastikan kita berdiri di sini. Tetapi kalau dengan kita pun tidak ada hormat atas kerusi ini, maka orang lihat yang beratus, yang beribu di dalam kawasan kita yang kerja teruk hendak bagi kita duduk di sini, orang pun tidak pandang dia.

Jadi, inilah perkara yang saya harap untuk Parlimen ke-10 ini, selepas Barisan Nasional menang, kita bentuk *committee* dan kita pasti semua kawan-kawan kalau duduk di *committee* ini kalau di bawa apa-apa juga rang undang-undang dan juga apa daripada awam pun kita boleh menang, the win the argument dengan *opposition* dalam kes ini. Saya mempunyai keyakinan itu, semua kawan-kawan yang duduk blok C, D, E, ini semuanya okay, boleh. Jadi, semua okay. [*Disampuk*]. Jadi, kita yakin.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ada yang tidak okaykan?
[*Ketawa*]

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Jadi, itulah permintaan terakhir untuk Parlimen yang Ke-9 ini supaya kedudukan Parlimen sebagai satu institusi adalah dihormati oleh rakyat dan bermakna kerana yang kita buat ini bermakna tetapi tidak difahamkan oleh orang. Tidak payah buat bangunan baru pun tidak apa, biarlah duduk begini lagi 100 tahun pun duduk macam ini, bumbung pelik macam ini pun tidak apa [*Ketawa*]. Kalau hendak tambah kemudahan, tambah kemudahan tetapi bukan yang fizikal itu yang penting, tetapi fungsinya yang kita hendak.

Jadi, dengan harapan seperti itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

3.13 ptg.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih, saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahas Belanjawan Malaysia 2000 yang telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan Pertama pada 29 Oktober 1999 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah membaca dan meneliti beberapa ciri penting dalam Belanjawan Malaysia 2000, saya membuat kesimpulan bahawa Belanjawan tersebut sememangnya mempunyai ciri-ciri menarik kerana ianya menjanjikan banyak manfaat kepada rakyat, walaupun ekonomi negara belum pulih sepenuhnya. Namun berdasarkan kepada kemungkinan pilihan raya diadakan tidak lama lagi, tidak salah kalau saya sifatkan Belanjawan tersebut sebagai Belanjawan pilihan raya yang digubal khas untuk memancing undi, menarik perhatian rakyat semasa pilihan raya Parlimen kelak.

Di antara ciri-ciri menarik dalam belanjawan tersebut ialah kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja memberi potongan cukai pendapatan sebanyak 1% kepada orang perseorangan dan syarikat-syarikat korporat tetapi juga mencadangkan pertambahan kadar perlepasan diri dari RM5,000 kepada RM8,000. Ini bermakna bagi setiap orang yang berpendapatan RM1,500 sebulan atau RM2,100 sebulan dan mempunyai dua orang anak, mereka akan dikecualikan dari membayar cukai. Kerajaan Persekutuan dijangka akan kehilangan sekurang-kurangnya RM700 juta hasil cukai pendapatan dan cukai-cukai jualan yang lain tahun hadapan. Namun kerajaan Barisan Nasional sanggup melakukan kesemuanya semata-mata kerana pilihan raya akan diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada dasarnya Belanjawan Malaysia 2000 mengandungi ciri-ciri yang menarik perhatian rakyat, saya ingin mengingatkan bahawa kerajaan Barisan Nasional wajar diingatkan kembali tentang janji-janji manis yang ditabur secara meluas di dalam pilihan raya umum negeri Sabah. Saya kesal kerana budaya politik mungkir janji telah menular di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, baik di peringkat kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat. Saya percaya pemimpin-pemimpin pusat masih ingat dengan jelas janji-janji mereka semasa pilihan raya umum negeri Sabah 1994 dan pilihan raya Parlimen 1995. Dalam manifesto Barisan Nasional 1994, mereka telah menabur janji-janji manis secara meluas untuk memancing undi rakyat.

Barisan Nasional menjanjikan rakyat negeri Sabah bukan sahaja membina 2,000 kilometer jalan raya bertar, 200 batu landasan keretapi tetapi juga pembinaan rumah bagi setiap rakyat Sabah, pembasmian buta huruf, pembasmian kemiskinan menjelang tahun 2000 dan lain-lain lagi. Malang sekali selepas pilihan raya, janji-janji tersebut tinggal janji sahaja, pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat balik ke Kuala Lumpur tetapi rakyat Sabah sehingga hari ini masih tertunggu-tunggu janji-janji tersebut ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional misalnya telah berjanji secara bertulis untuk membina 2,000 kilometer jalan raya bertar di negeri Sabah. Janji tersebut diumumkan enam tahun yang lalu dan tertulis di dalam manifesto Barisan Nasional. Tetapi hari ini saya ingin tahu dimanakah letaknya 2,000 kilometer jalan raya yang dijanjikan sekiranya telah siap dibina. Setahu saya tidak ada projek jalan raya Kerajaan Persekutuan yang telah siap kecuali projek Jalan Rungis ke Kota Belud yang sepanjang 40 kilometer dan jalan raya Beuford ke Sipitang 30 kilometer yang diluluskan semasa pemerintahan parti Bersatu Sabah tetapi masih lagi dalam pembinaan hingga sekarang. Jumlah jalan raya bertar yang disiapkan tidak sampai pun 200 kilometer, apatah lagi 2,000 kilometer.

Rakyat negeri Sabah berhak untuk terus menuntut janji tersebut, kalau Semenanjung Malaysia boleh bermegah dengan Lebuhraya Utara-Selatan dan sistem lebuhraya bandaraya Kuala Lumpur yang di antara terbaik di dunia, negeri Sabah juga wajar mendapat peruntukan secukupnya untuk membina jalan raya atau lebuhraya

canggih dan moden. Rakyat Sabah dan Sarawak masih tertunggu-tunggu bilakah Pan Borneo Highway yang bakal menghubungkan Sabah dan Sarawak dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah dan Sarawak sudah berada dalam Malaysia selama 36 tahun, tetapi hingga hari ini kerajaan pusat langsung tidak memberi perhatian kepada keperluan untuk menghubungkan kedua-dua negeri tersebut. Rakyat Sabah seolah-olah sengaja dasingkan daripada rakyat Sarawak. Sekiranya rakyat Sabah hendak melawat Sarawak mereka terpaksa melalui jalan raya yang tidak didapati di dalam peta negara Malaysia kerana secara rasmi jalan raya tersebut tidak wujud. Jalan sepanjang 8 kilometer yang menghubungkan sungai Terusan Sarawak dengan Pekan Temburong, Brunei tetapi jalan tersebut tidak berpunya dan tidak terpelihara.

Beberapa tahun yang lalu terdapat laluan baru menghubungkan Sabah dan Sarawak tetapi jalan raya tersebut adalah jalan balak yang dibina oleh syarikat-syarikat balak yang beroperasi di Lawas. Saya tidak pasti sama ada jalan tersebut sudah diambil alih oleh Kerajaan Sarawak ataupun belum. Walau bagaimanapun jelas bahawa negeri Sabah dan Sarawak dianaktirikan dari segi pembinaan jalan raya. Negeri Sabah dan Sarawak mempunyai kawasan tanah yang luas hampir sebesar seluruh Semenanjung Malaysia. Beberapa daerah di kedua-dua negeri tersebut lebih luas dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tetapi peruntukan untuk pembangunan infrastruktur seperti jalan raya tidak seimbang dengan keperluan sebenar. Adakah kerajaan pusat berlaku adil terhadap negeri Sabah dan Sarawak

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Barisan Nasional juga tergamak menjanjikan pembinaan 200 batu landasan kereta api bagi negeri Sabah. Janji tersebut juga tercatat sebagai sebahagian daripada manifesto Barisan Nasional. Rakyat Sabah kini masih tertunggu-tunggu bila dan dimanakah landasan kereta api tersebut akan dibina.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional dalam manifestonya juga dalam tahun 1994 berjanji akan membasmi kemiskinan di negeri Sabah sehingga ke peringkat sifar menjelang tahun 2000. Rakyat Sabah mengalu-alukan janji tersebut kerana tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan adalah tanggungjawab kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan bersama.

Namun demikian apa yang saya persoalkan kadar kemiskinan di negeri Sabah nampaknya tidak berubah dan dalam kawasan-kawasan tertentu tahap kemiskinan menjadi lebih tenat. Sebagai contoh apabila musim kemarau melanda negeri Sabah beberapa tahun yang lalu, rakyat di kampung-kampung terpencil di negeri Sabah terdedah kepada risiko kebuluran. Beberapa badan sukarelawan terpaksa berhempas pulas menghantar makanan kerana ramai keluarga kehabisan makanan. Parti Bersatu Sabah juga tidak ketinggalan menghantar makanan di kawasan-kawasan terpencil kerana reaksi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan terlalu dingin. Malah beberapa pemimpin kerajaan pusat di Dewan yang mulia ini dengan tegas menafikan bahawa masalah kekurangan makanan di negeri Sabah pada ketika itu sudah sampai ke tahap kebuluran. Akibatnya banyak badan sukarelawan ragu-ragu untuk menghantar makanan. Mujur sekali penghantaran makanan diteruskan oleh badan-badan sukarelawan di negeri Sabah dan akhirnya keadaan pulih selepas musim hujan kembali.

Apa yang saya ingin tekankan ialah tahap kemiskinan di negeri Sabah masih terlalu tinggi. Kemarau tiga bulan sudah boleh menggugat kehidupan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil. Apakah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat untuk menangani masalah tersebut. Adakah boleh dipercayai statistik Kerajaan Persekutuan yang menunjukkan tahap kemiskinan di negeri Sabah sudah menurun. Adakah kemungkinan statistik tersebut hanya andaian sahaja tanpa asas yang kukuh.

Saya ingin tahu apakah program-program pembangunan yang diperkenalkan untuk menaikkan taraf hidup rakyat di luar bandar dalam Belanjawan kali ini. Kalau Orang Asli di Semenanjung Malaysia diperuntukkan RM30 juta berapakah yang diperuntukkan kepada masyarakat luar bandar di negeri Sabah. Kalau saya tidak silap dalam Belanjawan tahun 2000 tidak ada sebarang peruntukan yang dikhaskan untuk masyarakat termundur ke negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan janji untuk membasmi buta huruf di negeri Sabah. Rakyat Sabah mengalu-alukan janji ini kerana ianya merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Namun negeri Sabah masih lagi tertunggu-tunggu peruntukan untuk membina bangunan-bangunan sekolah dan menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan di kawasan-kawasan terpencil. Keputusan Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan sistem satu sesi bagi semua

sekolah di seluruh negara mulai tahun hadapan memerlukan pembinaan kelas-kelas tambahan. Kita sedia maklum bahawa negeri Sabah amat kekurangan kelas-kelas.

Banyak sekolah menengah di negeri Sabah wujud setakat meminjam kelas-kelas sekolah rendah. Sekiranya sistem satu sesi dilaksanakan di manakah pelajar-pelajar sekolah menengah yang meminjam kelas sekolah rendah akan ditempatkan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai pemerhati tempatan dan luar negara berpendapat bahawa Malaysia sememangnya telah mengalami perubahan pesat dari segi pembangunan ekonomi sejak dua dekad yang lalu. Kita tidak menafikan adanya kemajuan yang telah dicapai oleh Malaysia. Persoalan kita ialah sama ada kemajuan yang dicapai itu betul-betul dapat dirasai atau dinikmati oleh semua rakyat di seluruh negara. Adakah kemajuan tersebut yang diagung-agungkan benar-benar berfaedah kepada rakyat dalam jangka masa panjang dan bukan setakat untuk memuaskan ego seseorang pemimpin di negara ini.

Kerajaan Persekutuan amat cenderung membanggakan diri dan tampil sebagai juara dalam pelbagai projek raksasa kerajaan. Salah satu projek yang diagung-agungkan ialah pembinaan Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur. Di antara projek yang menjadi kemegahan kerajaan Persekutuan ialah Putrajaya, MSC, Cyber City, North-South Highway, Kuala Lumpur International Airport dan lain-lain lagi yang menelan belanja berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa jua diperkatakan rasional pembinaan projek-projek raksasa tersebut dalam kegawatan ekonomi masa kini ianya lebih merupakan gajah putih yang baik dipandang tetapi tidak boleh dimakan, yang dilaksanakan setakat memenuhi ego dan hobi pemimpin-pemimpin tertentu kerana pada hakikatnya projek-projek tersebut bukan diperlukan memandangkan tahap kemiskinan yang masih tinggi di sebahagian besar negeri terutamanya di Malaysia Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian mata lebam terhadap seorang tokoh politik yang disegani semasa dalam tahanan polis menjadikan prestasi institusi keselamatan dipersoalkan. Rakyat kini ragu-ragu terhadap kemampuan pihak polis untuk melindungi hak asasi seseorang individu yang masuk ke dalam tahanan polis. Justeru itu banyak yang perlu dibuat oleh pihak yang berkuasa untuk mempertingkatkan imej polis supaya kredibiliti polis akan dapat diterima baik oleh rakyat di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus prihatin terhadap pandangan dan persepsi rakyat jelata dan juga masyarakat antarabangsa terhadap institusi kehakiman Malaysia. Akhir-akhir ini perkara tersebut menjadi perbualan umum dan banyak persoalan ditimbulkan, malah ianya menjadi topik-topik perbincangan hangat di kalangan pihak-pihak tertentu baik di peringkat tempatan mahupun di luar negara. Dalam suatu temuramah dengan sebuah stesen televisyen di Amerika Syarikat baru-baru ini topik yang sama ditimbulkan oleh seorang pemberita yang sedang menemuramah Perdana Menteri. Perdana Menteri telah menjawab dengan panjang lebar tetapi adakah itu sudah cukup untuk menangkis keraguan masyarakat antarabangsa dan rakyat tempatan terhadap kebebasan badan kehakiman negara ini. Badan kehakiman bukan sahaja harus sentiasa telus dan bebas dari tekanan politik tetapi ianya juga perlu dipandang demikian oleh masyarakat umum untuk meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat. Oleh yang demikian kerajaan harus mengambil langkah-langkah wajar untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kebebasan badan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pusat juga sering campur tangan dalam hal ehwal dalaman negeri Sabah. Ini terbukti dengan tindakan kerajaan pusat mencadangkan kepada Kerajaan Barisan Nasional negeri Sabah pindaan terhadap lima undang-undang negeri Sabah dengan tujuan untuk menghakis kuasa Ketua Menteri dalam bidang-bidang tertentu. Pindaan tersebut telah ditentang habis-habisan oleh Parti Bersatu Sabah. Beberapa ADUN dari parti pemerintah juga turut bersimpati terhadap pendirian Parti Bersatu Sabah.

Walau bagaimanapun, pada akhirnya hanya dua wakil rakyat yang berani tampil ke hadapan menentang pindaan tersebut bersama-sama dengan pembangkang. Dua wakil rakyat BN telah dipecat serta-merta dari keahlian dan jawatan parti masing-masing kerana mempertahankan kedaulatan hak-hak negeri Sabah seperti yang terkandung dalam Perjanjian Malaysia. Kerajaan pusat juga memperkenalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri bagi negeri Sabah melibatkan penggiliran selama dua tahun dari tiga suku kaum terbesar di negeri Sabah iaitu suku kaum bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan suku kaum Cina. Penggiliran jawatan Ketua Menteri dipaksa kepada rakyat negeri Sabah walaupun ianya tidak diminta dan tidak ada di dalam Perlembagaan Negeri

Sabah. Malah dalam pilihan raya umum negeri Sabah tahun 1994 ketika sistem tersebut dijanjikan, Barisan Nasional tewas oleh Parti Bersatu Sabah.

Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih kerajaan apabila majoriti ADUN Parti Bersatu Sabah berpaling tadah dan menyertai Barisan Nasional. Ini membuktikan bahawa rakyat negeri Sabah menolak penggiliran jawatan Ketua Menteri. Malang sekali sistem tersebut dilaksanakan sebaik sahaja Barisan Nasional mengambil alih kerajaan. Apa yang amat dikesali sistem tersebut tidak dilaksanakan di negeri-negeri lain walaupun dari segi pecahan etnik negeri-negeri lain juga wajar digilir-gilirkan jawatan Ketua Menteri masing-masing. Malah penggiliran jawatan Perdana Menteri juga wajar dilakukan sekiranya kerajaan pusat ikhlas dengan sistem tersebut. Saya percaya sistem penggiliran hanya dilaksanakan di negeri Sabah kerana kerajaan pusat mengamalkan 'sistem dasar pecah dan perintah' seperti yang biasa diamalkan oleh penjajah British semasa zaman penjajahan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan yang mulia ini bahawa keselamatan, kestabilan politik, kedaulatan serta integriti politik negara Malaysia kini terancam akibat kehadiran lebih sejuta orang pendatang asing di negeri Sabah. Negeri Sabah bukan sahaja terpaksa menanggung kesan negatif sosial khususnya kes-kes jenayah berat yang melibatkan pendatang asing tetapi juga masalah pengeluaran kad pengenalan palsu di kalangan pendatang asing dan pendaftaran mereka sebagai 'pengundi hantu' dalam daftar pemilih. Rakyat Malaysia di negeri Sabah menganggap perkara tersebut amat serius kerana kita mempunyai bukti bahawa jumlah kehadiran pendatang asing atau bukan warganegara yang tinggal dan menetap di negeri Sabah sudah mencapai tahap satu juta orang menjelang tahun 2000.

Menurut laporan statistik dalam *Monthly Statistical Bulletin of Sabah*, April 1994 kini terdapat 864,000 bukan warganegara yang tinggal di negeri Sabah. Jumlah tersebut angka rasmi yang dikeluarkan oleh sebuah agensi kerajaan. Sementara itu menurut laporan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, penduduk Sabah akan mencapai 3,138,000 orang dalam tahun 2000. Memandangkan penduduk Asli negeri Sabah hanya 2,064,900 orang, bolehlah disimpulkan bahawa lebih kurang satu juta orang adalah pendatang asing.

Tuan Yang di-Pertua, daripada satu juta orang pendatang asing, kerajaan melalui jawapan dalam Dewan yang mulia ini mengakui kewujudan hanya 516,000 pendatang asing termasuk mereka yang sudah didaftarkan oleh proses regularisasi dan mereka yang masih tidak berdaftar. Saya amat hairan dengan kegagalan pihak berkuasa untuk memberi fakta yang tepat mengenai jumlah sebenar pendatang asing di negara ini. Dalam kenyataan akhbar, pegawai-pegawai kerajaan Persekutuan mereka seolah-olah tidak pasti dengan angka sebenar jumlah penduduk pendatang asing di negeri Sabah. Bukankah statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Malaysia sudah memadai untuk dijadikan panduan jabatan-jabatan kerajaan persekutuan yang berkaitan dengan masalah pendatang asing? Adakah mereka benar-benar tidak tahu atau ianya semua sandiwara untuk mengaburi mata rakyat mengenai kegagalan kerajaan pusat menangani masalah tersebut?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang Berhormat bagi Keningau ada sebut bahawa lebih daripada sejuta pendatang asing di negeri Sabah daripada jumlah tiga juta penduduk-penduduk di Sabah. Bukankah ini bererti bahawa peratus pendatang asing di negeri Sabah sekurang-kurangnya satu per tiga dan bukannya ini satu kadar pendatang asing bukan sahaja tertinggi dalam mana-mana negeri di Malaysia tetapi boleh dianggap bahawa satu kadar yang tertinggi di mana-mana negara di dunia di mana pendatang asing memberi satu per tiga daripada penduduk-penduduk tempatan. Bukankah ini satu bahaya kepada keselamatan, kepada kesejahteraan rakyat Malaysia sama ada di Sabah atau di Malaysia dan bukannya ini patut dianggap sebagai satu krisis nasioal dan perlu segala usaha kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Sabah supaya menyelesaikan masalah dan bukan membenarkan masalah ini lebih rumit tahun demi tahun.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, semua yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong tadi, saya bersetuju kerana memang benar kadar kehadiran pendatang asing di negeri Sabah begitu tinggi sekali dan ini memang amat merbahaya dan kita akan huraikan dengan tujuan untuk membuat satu cadangan, Tuan Yang di-Pertua.

Jika dibandingkan dengan penduduk negeri Sarawak, negeri Sabah mempunyai lebihan penduduk sebanyak satu juta orang. Dalam tahun 1980, saya dapati penduduk negeri Sabah hanya 1,051,000 orang sahaja berbanding dengan negeri Sarawak pada

ketika itu 1,351,000 orang. Namun demikian, menurut Laporan Malaysia Ketujuh, jumlah penduduk Sabah mencapai tiga juta orang berbanding dengan Sarawak hanya dua juta orang.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Dipersilakan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, Keningau sememangnya orang yang sporting, demokratik, dia tidak macam Tanjong. Kita tidak menolak apa yang dikatakan oleh Keningau. Di sini pun kita ada masalah juga, yang datang, bila kekacauan berlaku di Indonesia, kita bimbang ada negara Indonesia tidak stabil, masalah ekonomi di negara mereka dan mereka akan datang ke tempat kita. Kita pun bimbang di Barat juga. Saya menyokong Keningau. Tetapi saya hendak bertanya, bimbang takut bila Tanjong memasuki, dia pun kata dia sokong juga pandangan Keningau. Saya takut, Keningau tidak bimbangkah? Dia mungkin juga hendak meletakkan calon dia di kawasan-kawasan di Sabah itu sendiri. Dia mungkin juga hendak meraih simpati tetapi sanggupkah Keningau nanti parti dia berkongsi undi-undi pembangkang dengan Tanjong sebab Tanjong pun mengatakan baru ini dia hendak meletakkan juga calon-calon DAP di kawasan-kawasan PBS hendak bertanding. Minta pandangan Keningau tentang perkara ini.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu kita tunggu pembubaran Dewan dululah. *[Ketawa]* Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan dalam sumber yang sama.....

Datuk Philip Yong Chiew Lip: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun lagi nampaknya. Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Saya ingat saya teruskan dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Kadar pertambahan penduduk negeri Sarawak hanya 2% setahun sedangkan negeri Sabah yang berjiran tumbuh sebanyak 6.2% iaitu tiga kali ganda lebih banyak. Sementara itu purata pertumbuhan penduduk seluruh Malaysia hanya 2.7%. Mengapakah kadar penduduk negeri Sabah terlalu tinggi? Apa yang menghairankan saya dan semua rakyat tempatan di negeri Sabah, kadar pertumbuhan penduduk negeri Sabah

yang terlalu tinggi langsung tidak mendapat perhatian kerajaan pusat. Mereka bertindak seolah-olah perkara tersebut bukan masalah nasional. Kerajaan Parti Bersatu Sabah semasa memerintah berkali-kali meminta supaya masalah pendatang asing diselesaikan kerana ianya adalah masalah nasional. Malang sekali kerana rayuan tersebut langsung tidak diendahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Daftar Pemilih negeri Sabah sebenarnya sudah tercemar. Ianya amat tercemar sehingga apa juga undang-undang ianya diasaskan sudah pecah hancur berkecai. Puluhan ribu nombor kad pengenalan berlapis dua atau tiga kali ganda. Nombor kad pengenalan berlapis kerana pendatang asing mendaftar sebagai pengundi dengan menggunakan kad pengenalan palsu. Mereka memiliki kad pengenalan palsu dengan nombor yang sudah dimiliki oleh penduduk asli tempatan. Pihak SPR tidak menyedari perkara ini sehinggalah ianya dibawa kepada perhatian mereka oleh Parti Bersatu Sabah. Pembersihan telah diumumkan oleh pihak SPR tetapi bagaimanakah mereka mengembalikan hak rakyat negeri Sabah yang sudah terjejas akibat penglibatan puluhan ribu pendatang asing dalam pilihan raya negeri Sabah sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal kerana Kerajaan Persekutuan seolah-olah tidak sedar dan walaupun sedar mereka tidak prihatin terhadap ancaman kepada kestabilan politik, keselamatan, kedaulatan dan integriti politik negara Malaysia di negeri Sabah. Pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat masih menafikan kewujudan pendatang asing, masalah kad pengenalan palsu dan pengundi hantu di negeri Sabah atas alasan-alasan yang hanya mereka ketahui.

Isu kewarganegaraan atau kerakyatan adalah satu isu yang sangat sensitif. Rakyat Sabah tidak mahu rakyat asing menjadi warganegara hanya dengan cara memiliki kad pengenalan palsu. Terdapat bukti-bukti kukuh bahawa rakyat asing yang dahulunya datang sebagai pekerja asing kini menetap di negeri Sabah dan memiliki kad pengenalan Malaysia tulen. Mereka mendapat kad pengenalan tersebut melalui sindiket yang memalsukan dokumen kerakyatan seperti surat beranak. Bukan rahsia lagi bahawa ratusan ribu kad pengenalan dikeluarkan hanya berdasarkan kepada surat akuan sedangkan pemiliknya tidak mempunyai surat beranak asal.

Mereka tidak mempunyai surat beranak asal kerana mereka sememangnya rakyat asing. Kumpulan rakyat asing kini yang sudah memiliki kad pengenalan tulen

menganggap diri mereka sebagai rakyat Malaysia dan berhak menerima semua kemudahan sebagai warganegara. Mereka bukan sahaja memiliki tanah tetapi ramai di antara mereka melibatkan diri dalam politik secara langsung, misalnya ramai peneroka di Ladang Felda Sahabat di Lahad Datu adalah rakyat asing yang kini memiliki kad pengenalan Malaysia.

Perkara ini bukan rahsia di kalangan penduduk tempatan Sabah tetapi pihak polis dan yang berkenaan tidak melakukan apa-apa kerana kata mereka, mereka sudah memiliki kad pengenalan. Kerajaan Pusat harus menyiasat dakwaan yang terkandung dalam buku yang ditulis oleh Andy Mutalib. Saya yakin buku tersebut mendedahkan secara terperinci *modus operandi* bagaimana ribuan rakyat asing yang boleh memiliki kad pengenalan Malaysia melalui sindiket haram.

Harus diingatkan bahawa negeri Sabah menyertai Gagasan Malaysia dalam tahun 1963 bukan semata-mata kerana faktor ekonomi tetapi sebaliknya rakyat Sabah memerlukan perlindungan politik daripada ancaman luar khususnya tuntutan Filipina terhadap negeri Sabah yang dikenali sebagai *Sabah Claim* dan dasar konfrontasi Indonesia. Saya ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan Malaya ketika itu bersama dengan kerajaan di United Kingdom serta Bangsa-Bangsa Bersatu telah memberi jaminan terhadap keselamatan negeri Sabah.

Hari ini terdapat satu juta rakyat asing di negeri Sabah. Hampir 30% penduduk negeri Sabah adalah rakyat asing, setiap empat orang penduduk negeri Sabah, satu adalah rakyat asing. Jumlah tersebut menjadi lima juta orang sekiranya di Semenanjung Malaysia. Apakah tindakan Kerajaan Pusat sekiranya terdapat lima juta rakyat asing di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Menurut Artikel 50 di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Kerajaan Persekutuan berhak untuk menentukan kesahehan kerakyatan orang-orang tertentu yang diragui atas alasan fakta atau undang-undang. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan perlu memastikan bahawa fakta sebenar diperolehi sebelum dapat bertindak berlandaskan kehendak Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja diwujudkan oleh kerajaan untuk menyiasat secara menyeluruh kesan terhadap ekonomi, sosial dan politik negeri Sabah dengan kehadiran pendatang asing di negeri

Sabah terutamanya berkaitan dengan masalah pendatang tanpa izin, kadar jenayah, kad pengenalan palsu dan pengundi hantu. Saya syorkan supaya suruhanjaya tersebut dianggotai oleh seorang bekas hakim yang berwibawa dan boleh diterima oleh semua pihak. Hasil siasatan tersebut perlu disampaikan kepada Dewan yang mulia ini dan kandungan serta cadangan-cadangan yang terkandung perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan demi menjamin kewibawaan kepimpinan Kerajaan Persekutuan dan memelihara keselamatan, kedaulatan, kestabilan politik dan integriti politik negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini keagamaan telah tiba-tiba menjadi satu perkara yang telah menarik perhatian rakyat. Memang perkara keagamaan agak sensitif, oleh sebab itu apabila kerajaan mencadangkan bahawa agama seseorang haruslah dimuatkan di dalam kad pengenalan mereka, banyak persoalan timbul misalnya mengapa, kerana apa dan bagaimana semua ini.

Tuan Yang di-Pertua, keagamaan adalah dilindungi oleh Perlembagaan Malaysia dan justeru itu kebebasan beragama adalah ditekankan demi memberi keyakinan kepada rakyat. Kerajaan sememangnya telahpun memberi penjelasan mengenai isu itu dan saya percaya bahawa penjelasan menekankan perjalanan tanggungjawab pihak Jabatan Agama Islam khususnya musim bulan Ramadan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya walaupun kita telah diberi penerangan atas sebabnya perkara itu, mungkin masih ada ruang untuk perkara itu dikaji semula. Saya mengatakan demikian sebagai warganegara Malaysia dengan hati dan niat yang ikhlas. Sememangnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu-ragu untuk memuatkan agama saya di dalam kad pengenalan (I/C) saya jika sekiranya ia dikehendaki oleh keperluan undang-undang.

Walau bagaimanapun, saya ingin menekankan perkara berkaitan dengan format atau bentuk ke atas tiap satu keping kad pengenalan warganegara Malaysia. Apabila format I/C kita telah diubah daripada warna biru kepada bentuk bunga raya, saya telah berfikir bahawa ianya adalah perubahan yang terakhir ke atas atau kepada format kad pengenalan kita. Tetapi nampaknya format kad pengenalan kita masih lagi belum tetap dan formatnya masih boleh diubah dengan mudah. Soalannya ialah menjelang kita memasuki alaf baru adakah kita akan terus mempunyai format kad pengenalan (I/C) yang masih senang diubah-ubah ataupun adakah kita bersependapat bahawa sudah sampai

masanya kita mempunyai kad pengenalan yang canggih atau sekurang-kurangnya mempunyai format yang tetap dan tidak diubah-ubah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah apabila kita menyatakan tujuan kita yang ikhlas tentang pelaksanaan, masih terdapat orang-orang tertentu yang boleh mewujudkan sindiket mengeluarkan kad pengenalan yang palsu dan tidak benar. Oleh sebab itu ramai pendatang asing tanpa izin mempunyai kad pengenalan yang boleh mengabui mata pihak berkuasa dan selagi format atau bentuk kad pengenalan kita belum mendapat suatu ketetapan, selagi itu kad pengenalan palsu senang dikeluarkan oleh pihak sindiket yang berleluasa.

Point yang saya ingin tekankan, Tuan Yang di-Pertua, ialah bahawa oleh sebab kita akan memasuki ke alaf baru, negara kita harus meneliti perkara ini dengan serius dan ikhlas supaya warganegara Malaysia terus merasa lega, yakin dan selamat. Bentuk atau format kad pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan adalah format yang tidak semudahnya untuk diubah, ditiru atau dipalsukan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai butir-butir yang terdapat di dalam kad pengenalan kita itu harus hanya berasaskan yang benar dan bukan daripada perbuatan yang tidak benar. Misalnya, banyak kad pengenalan di negeri Sabah terdapat kelahiran pemegang kad pengenalan adalah hanya berasaskan sijil akuan dan bukan dengan surat beranak yang sebenarnya. Ini sangat penting dan mustahak sekali kerana jika kewarganegaraan itu mempunyai makna yang mendalam, kewarganegaraan itu harus diberi perlindungan yang penuh dan keselamatannya yang terjamin.

Bukan seperti di Sabah, Tuan Yang di-Pertua, di mana hak-hak warganegara dengan perlahan-lahan terjejas dan dirosakkan dan jika hak kewarganegaraan terus terjejas dan berterusan, kedaulatan negara akan juga terjejas, rosak dan membawa malang kepada keselamatan masa hadapan negara kita nanti. Penekanan kerajaan terhadap keperluan kita untuk melindungi dan mempertahankan negara kita daripada anasir-anasir jahat daripada luar dan campur tangan orang asing adalah perkara yang kita amat memahami dan menghargainya.

Kerajaan memang benci pengaruh dan campur tangan pemimpin-pemimpin asing ke atas kerajaan di negara kita dan siapa yang akan menjadi pemimpin-pemimpin kita di sini. Oleh sebab kita memahami prinsip ini, Tuan Yang di-Pertua, prinsip ini haruslah

dipraktikkan di negara kita sendiri khususnya di negeri Sabah di mana begitu ramai sekali pendatang asing iaitu lebih daripada 800,000 hingga 1,000,000 pendatang asing dan sebahagian besar daripada mereka adalah pendatang tanpa izin. Sudahpun menjadi satu rahsia terbuka bahawa sudah banyak pendatang tanpa izin ini telahpun diberi kewarganegaraan melalui pintu belakang tanpa menggunakan prosedur pentadbiran serta tidak menghiraukan kehendak Perlembagaan kita. Melalui sindiket-sindiket haram tertentu, pendatang-pendatang tanpa izin ini dijual dengan kad pengenalan palsu dan seterusnya mereka pula didaftarkan sebagai pengundi-pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai sudah sindiket-sindiket yang telah dapat dirombak dan disuraikan oleh pihak polis dan kita pun tahu berapa banyak yang terlibat yang telahpun ditahan di bawah Akta ISA termasuklah seorang Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (NRD) tetapi kita kesali mengapa sampai sekarang tiada sesiapa yang telah dibawa ke hadapan mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, *this remains an unanswered questions*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pemalsuan dokumen terutama sekali I/C dan passport adalah kesalahan yang besar dan serius. Kegiatan memalsukan kad pengenalan warganegara dengan tujuan merosakkan dan mengurangkan hak warganegara kita dan juga kedaulatan negara adalah *subversive activities*. Soalan yang amat penting dan amat besar ialah berapa seriuskah kita ini mahu mempertahankan dan melindungi kedaulatan negara kita dan juga dalam hal melindungi hak-hak warganegara kita dan masa depan mereka.

Kalau kita benar-benar serius dalam perkara ini maka beberapa langkah harus diambil. Kerajaan tidak boleh terus menggunakan excuse ataupun alasan bahawa tepi pantai kita terlalu panjang untuk dikawal, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *I think this is a very poor and lame excuse*. Di manakah sudah letaknya semangat 'Malaysia Boleh'. Mengapakah kita ini terlalu cepat untuk menghantarkan tentera kita untuk melindungi hak negara-negara lain tetapi kita tidak pantas dan agresif apabila hal yang mengancam kedaulatan negara kita di dalam negeri sendiri.

Bukankah warganegara di Sabah, warganegara Malaysia? Dan bukankah Sabah sebahagian negara Malaysia walaupun tepi pantainya begitu panjang sekali? Bukankah

keselamatan negara penting? Tidakkah warganegara di Sabah berhak dilindungi sama seperti warganegara Malaysia di Sarawak dan di Semenanjung?

Mengapakah ada sikap tidak peduli terhadap warganegara Malaysia di Sabah yang sebahagian besar kebetulan adalah terdiri daripada golongan bumiputera. Mungkin juga sikap tidak peduli ini tidak disengajakan, mungkin kerana keinginan mahu memanipulasikan situasi untuk memastikan *control* daripada menentukan *protection* terhadap rakyat di negeri Sabah. Semua ini adalah pertanyaan yang relevan kerana rakyat di negeri Sabah melihat bahawa apa yang telah dijanjikan di dalam Perjanjian Malaysia jauh dari apa yang diharapkan. *Peoples fear for their security and future are real*, dengan izin. Perkara keselamatan di negeri Sabah khususnya yang menjejaskan hak dan kewarganegaraan kita harus diberi perhatian yang serius dan tindakan untuk menanggapi subvertif aktiviti ini diambil dengan secepatnya sebelum ancaman terhadap kedaulatan negara terus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa sekurang-kurangnya empat orang asing tanpa izin telah pun cuba memasuki sebagai rekrut dan anggota tentera Malaysia, nasib baik dengan keawasan daripada pegawai yang berkenaan, orang asing tanpa izin itu telah dapat dikesan dan tindakan terus diambil. Kalau tidak, mereka memang sudah menjadi anggota tentera kita. Bagaimana dengan orang-orang asing yang telah tidak dikesan pula?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga terdapat tiga orang asing tanpa izin yang memiliki kad pengenalan palsu telah ditangkap di Pulau Pinang, mereka telah datang dari negeri Sabah. Dalam beberapa tahun yang lalu banyak sudah yang telah ditangkap dan ditahan di *Kota Kinabalu International Airport*, apabila mereka cuba menaiki pesawat ke Kuala Lumpur. Nampaknya, ada cara pihak berkuasa dapat mengesan bahawa mereka ini memiliki kad pengenalan palsu. Cara pengesanan ini harus dilakukan masa pilihan raya supaya kita dapat menentukan hanya warganegara Malaysia sahaja yang mengundi dan bukan orang asing, *otherwise*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the very fear that is express by federal leaders where foreigners and foreign influence will determine the political future of a country can happen and actually happen in Sabah*.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun merayu kepada kerajaan dan kepada jabatan-jabatan yang berkenaan supaya meneliti dan memberi perhatian yang wajar terhadap

keadaan (*plight*) kita di negeri Sabah demi memastikan dalam pilihan raya hanya warganegara Malaysia sahaja yang didaftarkan sebagai pengundi dan bukannya orang asing dan supaya kita boleh membanteras orang asing daripada menggunakan pintu belakang untuk menjejaskan integriti dan kedaulatan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *we made this plea once again, very humbly and sincerely.*

Tuan Yang di-Pertua, lihat buku ini [*Mengangkat buku*] yang ditulis oleh Mutalib Hindi yang berjudul "*IC Palsu Merampas Anak Hak Sabah*" yang telah pun diserahkan sebagai bukti oleh back bencher kerajaan beberapa bulan yang lalu kepada Dewan yang mulia ini. Keadaan yang amat buruk di negeri Sabah tidak boleh diambil ringan kerana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sekarang pun sudah sedar betapa seriusnya keadaan itu dan kesan negatif terhadap masa depan negara kita. Saya merayu sekali lagi kepada Kerajaan Pusat supaya mengambil berat terhadap subversif aktiviti dengan lebih serius dan buat tindakan secara objektif, memandangkan cinta kasih sayang kita terhadap warganegara kita, hak-hak mereka dan masa depan anak-anak dan cucu-cucu mereka.

Justru itu Tuan Yang di-Pertua, kita terus merayu dan memohon sekali lagi Kerajaan Pusat membentuk satu suruhanjaya siasatan di-raja terhadap sebab-sebab ramainya pendatang tanpa izin di negeri Sabah supaya tindakan wajar boleh diambil untuk mencegah dan membanteras daripada berterusan gejala yang tidak diingini. Kerosakan hak warganegara Malaysia di Sabah terutama sekali daripada terjejasnya kedaulatan negara kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapannya telah memberi jaminan bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan ikhlas mengambil tindakan untuk mencegah amalan atau memerangi gejala rasuah dalam pentadbiran negara. Saya harap pilihan raya umum yang akan datang bukanlah pilihan raya yang terkotor seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri tidak lama dahulu.

Badan Pencegah Rasuah (BPR) juga patut menjalankan kewajipannya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8, Akta Pencegahan Rasuah 1997. Di bawah akta itu tugas BPR bukan sahaja menyiasat semua laporan-laporan yang telah dibuat oleh pihak orang ramai tentang amalan rasuah tetapi untuk memberi pendedahan kepada rakyat tentang ancaman terhadap negara oleh perbuatan rasuah. Di Sabah banyak laporan amalan rasuah seperti penjualan Saham Sabah, *Lion Development Board* (SLDB), dalam

Syarikat Plantation Sdn. Bhd. kepada bekas pengurus besar SLDB dan timbalannya tetapi belum ada tindakannya. Perbuatan rasuah semasa pilihan raya umum negeri Sabah tahun 1999 juga banyak berlaku dan dilaporkan kepada BPR atau polis tetapi belum ada tindakan. Dapatkan kerjasama dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah amat penting bagi BPR memerangi rasuah. Hatta jika tiada tindakan diambil terhadap kemampuan atau laporan yang dibuat, maka rakyat akan terus hilang kepercayaan terhadap kewibawaan pegawai-pegawai BPR untuk memerangi rasuah dalam negara ini, walaupun mereka bersungguh-sungguh dalam kes-kes tertentu.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, rakyat di seluruh negara amat hairan kerana minggu lalu, seorang bekas Penolong Gabenor Bank Negara telah mendedahkan kononnya perbuatan amalan rasuah oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang yang lain. Pendedahan itu amat membimbangkan kerana seolah-olah tindakan memerangi amalan rasuah di negara ini dijadikan alat permainan politik. Ini amat jelas bahawa undang-undang digunakan untuk kepentingan politik oleh pihak-pihak tertentu sahaja. Persoalan yang timbul dalam pengakuan terbuka itu ialah, mengapakah bekas pegawai berkenaan tidak membuat laporan kepada BPR secara rasmi dan bukan dalam bentuk kenyataan akhbar. BPR tidak harus membiarkan bekas pegawai bank itu diperalatkan untuk kepentingan politik orang-orang tertentu dan mungkinglah pegawai Bank Negara juga terlibat.

Perbuatan mendedahkan secara umum perbuatan rasuah seperti ini tidak sihat dan boleh menjejaskan kewibawaan BPR itu, lebih-lebih lagi bila diumumkan bahawa pihak BPR dengan pantas telah membentuk satu pasukan khas untuk menyiasat pengakuan terbuka oleh Datuk Abdul Murad minggu lalu tetapi tiada pula penyiasatan dilakukan mengenai laporan-laporan yang dibuat di negeri Sabah dan juga pendedahan oleh Ahli Pematang Pauh sendiri melalui mahkamah. Inilah sebab rakyat boleh mentafsirkan "*ada dasar talam dua muka*" atau "*ada udang di sebalik batu*". Berkisar daripada pengakuan Datuk Abdul Murad, ramai rakyat kini bertanya sama ada wajar rakyat hanya digalakkan mendedah perbuatan rasuah kononnya oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini tetapi tindakan yang sama tidak dibuat kepada orang lain. Saya fikir jika ada bukti semua perbuatan rasuah mesti dilaporkan atau didedahkan tanpa mengambil kira kedudukan

mereka yang terlibat. Sesungguhnya, demikianlah yang diperuntukan di bawah seksyen 17 Akta Pencegahan Rasuah tahun 1997 dan kegagalan membuat laporan amalan rasuah juga menjadi kesalahan di bawah akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mungkin perlu diselesaikan ialah mengenai dengan peranan guru-guru. Di masa-masa yang sudah lalu, guru-guru nampaknya dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam politik walaupun mereka yang sebenar berperanan untuk mendidik anak-anak kita. Mungkin barangkali pada masa-masa yang lampau kita tidak begitu banyak *politician*, tetapi sekarang sudah banyak *politician* dan sekarang pula guru-guru kita sudah tidak begitu banyak. Nampaknya sekarang sudah ada perubahan, di mana guru-guru dikatakan boleh terlibat dalam politik, sekarang tidak dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang harus ditentukan supaya guru-guru, orang ramai, ibu bapa dan juga anak-anak tidak keliru. Kalau kita tekankan peranan guru-guru untuk mendidik dan melatih anak-anak kita untuk masa depan biarlah mereka itu tumpukan perhatian terhadap pendidikan sahaja, janganlah mengatakan ataupun meneruskan kata-kata yang tidak begitu tepat. Biarlah mereka diberi peranan tumpu kepada pendidikan dan tidaklah perlu mereka mengambil peranan di dalam politik supaya anak-anak kita tidak lagi keliru supaya ibu bapa juga tidak takut-takut. Kadang-kadang, bukan lagi kadang-kadang, di negeri Sabah misalnya dalam pilihan raya yang sudah lalu banyak juga guru yang menakutkan ibu bapa, yang mengatakan kepada mereka *“kalau kamu tidak sokong kepada Barisan Nasional, kamu punya anak biasiswanya akan dipotong”* ataupun *“anak kamu tidak dibenarkan tinggal dalam asrama”*

Jadi, kalaulah kita menentukan satu konsisten polisi yang mengatakan bahawa mulai daripada tahun 2000 peranan guru-guru adalah untuk mendidik anak-anak dan mereka tidaklah dibenarkan untuk mengambil bahagian ataupun mengambil peranan dalam hal politik, mungkin barangkali tidak ada kekeliruan lagi.

Justru itu saya mencadangkanlah agar pihak kerajaan melihat dan memeriksa dan mengkaji dasar ini supaya satu dasar yang tetap dan konsisten terhadap peranan guru-guru supaya mereka diminta hanya tertumpu kepada pendidikan anak-anak dan latih anak-anak untuk masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mungkin barangkali baik juga diambil kira ialah mengenai dengan perkembangan *Multimedia Super Corridor* dan juga perjalanan era baru ini iaitu menekankan *information technology*. Saya nampak bahawa kita betul-betul berusaha untuk menentukan supaya kegiatan perkembangan *Multimedia Super Corridor* ini begitu pantas. Hanya satu perkara yang mungkin barangkali kalau pihak kerajaan perlu meneliti ialah *level of understanding of the people and the reality of our requirements*, dengan izin.

Ini bererti apabila kita mahu melancarkan dan mempercepatkan *information technology* kita ini, kita ambil kira penglibatan rakyat kita, jangan sampai rakyat itu tertinggal kerana kalau kita terlalu cepat mungkin barangkali rakyat itu tidak terlalu pantas untuk menseimbangi pengetahuan mereka itu dan pihak kerajaan haruslah memberi tumpuan dan penggalakan serta bantuan lebih banyak lagi kepada rakyat kita supaya progress *Multimedia Super Corridor* ini seimbang dengan progress anak-anak tempatan juga.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung Belanjawan 2000, telah disifatkan oleh Menteri Kewangan sebagai belanjawan rakyat. Adalah tidak dinafikan bahawa belanjawan tersebut mengandungi banyak cadangan yang baik dari segi mempertingkatkan kesejahteraan rakyat seperti mana yang saya telah tekankan. Persoalannya ialah cara pelaksanaan program-program tersebut iaitu adakah ia menepati sasaran? Adakah *priority* kita betul, benar-benar mengikut keperluan rakyat atau kepentingan pemimpin-pemimpin kerajaan? Adakah pelaksanaan program itu adil dan saksama, memboros atau tidak? Adakah kerajaan betul-betul mampu membiayai perbelanjaan yang diperlukan? Kerana kalau kita terlampau banyak hutang dan mungkin di masa akan datang kita tidak boleh, tidak begitu cepat untuk dapat membayarnya, masalah akan bertambah kepada kita di Malaysia ini.

Belanjawan 2000 yang berjumlah RM78.03 bilion dijangka akan mengakibatkan defisit sejumlah RM12.9 bilion iaitu 4.4% dari keluaran negara kasar. Kita berpendapat bahawa angka defisit yang dianggarkan adalah amat conservative. Pandangan ini adalah berasaskan kepada analisa bahawa kemungkinan besar anggaran hasil negara bagi tahun 2000 iaitu sejumlah RM59.9 bilion tidak akan tercapai. Pada masa yang sama defisit

belanjawan bagi tahun 1999 adalah dijangka lebih tinggi daripada yang dianggarkan iaitu kira-kira RM14 bilion.

Kita berpandangan bahawa jumlah defisit terkumpul bagi belanjawan 1999 dan 2000 akan meningkat tidak kurang daripada RM60 bilion yang mana akan ditanggung oleh rakyat melalui pinjaman dalam dan di luar negara. Ini bererti anggaran hutang luar negara berjumlah RM165 bilion bagi tahun 2000 adalah tidak tepat dan sebenarnya dijangka akan meningkat sebanyak 20% bagi tahun tersebut.

Kesimpulannya ialah jelas belanjawan yang digelar 'belanjawan rakyat' ialah belanjawan yang digubal untuk cuba memikat hati rakyat supaya mengundi pihak kerajaan dengan janji dan cadangan program pembangunan yang berbagai bentuk. Yang lebih serius ialah kerajaan melakukan ini dengan membelanjakan wang rakyat dalam kadar melebihi kemampuan negara membiayai program tersebut. Jikalau ini benar, ini adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab dan semata-mata mengabui mata rakyat untuk tujuan politik pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pilihan raya, saya serahkan kepada kebijaksanaan, keikhlasan dan kebaikan rakyat membuat keputusan yang wajar demi keadilan dan demokrasi tulen di negara kita dan rakyat harus meneliti dengan baik keadaan sekarang supaya masa depan terjamin dalam keadaan yang baik dan terselamat untuk negara dan anak cucu kita.

Sebagai mengakhiri ucapan, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong tujuan yang baik dalam belanjawan ini tetapi tidak menyokong kepada perkara-perkara yang '*misguided*', dengan izin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tawau.

4.20 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan Pertama Malaysia yang menunjukkan kebolehan kepimpinan

yang unggul dalam membentangkan Belanjawan 2000 yang membawa untung kepada semua rakyat jelata negara ini, yang baru-baru ini dilanda kegawatan ekonomi.

Dengan visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap langkah-langkah kawalan kadar pertukaran asing bagi Ringgit Malaysia dan kawalan pelaburan modal asing, Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara Asean yang mula menunjukkan kejayaannya yang unggul dalam menangani masalah kewangan melalui cara yang pada awalnya tidak disokong oleh pihak *International Monetary Fund* (IMF) tetapi baru-baru ini telah menerima pujian IMF serta negara-negara maju.

Dalam persidangan *Interparliamentary Union* (IPU) yang ke-102 diadakan pada 10–16 Oktober tahun ini di Berlin, rombongan Malaysia telah mencadangkan satu resolusi dengan enam agenda untuk menubuhkan sistem baru ekonomi dan kewangan, *a new financial architecture* dalam persidangan tersebut. Resolusi ini terhadap keperluan menyemak modal kewangan dan ekonomi sedunia yang sedia ada telah diluluskan oleh persidangan ini.

Ini merupakan satu pencapaian dan pengiktirafan Malaysia yang dibanggakan. Resolusi ini berasaskan buah fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua tahun lalu. Kini negara-negara sedunia berkongsi keperluan ‘paradigmship’ ini dalam sistem kewangan sedunia. Kejayaan ini juga menunjukkan visi jangka masa panjang pemimpin Malaysia.

Belanjawan 2000 adalah satu belanjawan rakyat, belanjawan yang berprihatin dan sempurna untuk semua rakyat Malaysia sama ada yang tua atau muda, yang miskin dan cacat untuk kebajikan sosial, pendidikan, kesihatan, agenda wanita dan ekonomi negara.

Dakwaan pihak pembangkang bahawa Pelan Pemulihan Ekonomi oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) adalah kurang cekap, berbanding dengan jiran-jiran Malaysia hanya merupakan satu pandangan yang sempit. Pengukuran kejayaan berasaskan pemulihan ekonomi sahaja tidak memberi gambaran yang tepat terhadap kejayaan kerajaan yang sebenar. Pengukuran kejayaan seharusnya mengambil kira aspek-aspek pembangunan, pendidikan yang dicapai diperbaiki, perumahan untuk semua rakyat, kadar kemiskinan yang berkurangan dan kualiti kehidupan yang diperbaiki untuk semua. Kebudayaan dan nilai politik Malaysia berbeza dengan kebudayaan dan nilai

politik negara-negara yang lain kerana Kerajaan Barisan Nasional peka terhadap keperluan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah berjaya mempertahankan sistem kewangan, pasaran saham dan sistem perbankan yang telah menjadi sasaran penyerangan kumpulan-kumpulan *hedge fund* seperti *Quantum Fund*, *Tiger Fund* dan lain-lain. Kita mesti bersyukur kerana ekonomi negara kita masih dapat dipertahankan walaupun menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Semua ini telah menunjukkan keyakinan bahawa kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional yang berpengalaman dan berkepakaran ini telah berusaha bertungkus-lumus demi kebaikan dan masa hadapan rakyat jelata. Syabas dan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa beberapa isu dan perkara yang penting untuk perhatian Dewan yang mulia ini.

Perkara yang pertama mengenai pengeluaran makanan. Saya menyokong penuh visi baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengusahakan pembangunan pertanian seluruh negara secara agresif supaya negara kita bukan sahaja mengeluarkan makanan yang mencukupi bagi negara kita sendiri, bahkan menjadi pengeluar dan pengeksport makanan yang utama. Selaras dengan objektif ini saya menyokong penuh seruan menubuhkan sebuah Universiti Pertanian di Sabah. Jika boleh terletak di Tawau kerana penubuhan universiti ini akan mempertingkatkan lagi pengeluaran makanan negara kita akibat penyelidikan dan pembangunan, perjumpaan klon-klon baru dengan pengeluaran tinggi, kebolehan menahan penyakit serta jangka masa lebih pendek untuk menanam dan menuai, usaha penyelidikan dan pembangunan (*research and development*) juga dikehendakki untuk mendapat teknologi dan jentera baru demi mempercepatkan proses pengeluaran pertanian.

Tawau merupakan satu tempat yang sangat sesuai untuk penubuhan sebuah Universiti Pertanian kerana sudah terdapat pusat penyelidikan koko terbesar di negara ini. Pusat Penyelidikan Perikanan akan ditubuhkan tidak lama lagi.

Tawau adalah salah satu pengeluar benih udang yang terbesar dan mempunyai pengalaman memelihara *oyster* dan sotong, juga pengeluar minyak kelapa sawit yang besar. Universiti ini bersama-sama dengan pusat-pusat penyelidikan akan membantu

mahasiswa dan mahasiswi dalam pengalaman kerja-kerja praktikal dalam satu alam sekitar yang sesuai untuk kerja R&D. Tanah yang luas adalah sedia ada selepas penebangan pokok untuk kayu balak. Tepatlah masanya kita melaksanakan dasar inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terutama sekali dalam bidang pengeluaran beras dan buah-buahan. Banyak lagi kerja-kerja R&D oleh pihak kerajaan perlu dilakukan untuk meningkatkan hasil pengeluaran untuk eksport. Penanam-penanam padi tradisi susah mencari makan kerana aktiviti menanam padi tidak membawa rezeki hidup yang mencukupi. Pekebun-pekebun buah-buahan pula kekurangan, kebolehan memasarkan hasil buah-buahan dengan nilai bertambah dikehendaki dengan sokongan kerajaan supaya menjayakan industri pasaran hasil buah-buahan. Dengan adanya penubuhan-penubuhan yang dapat meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara kita akan dapat mengurangkan belanja import makanan dan seharusnya mengurangkan kehilangan wang ringgit Malaysia

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, dasar pertanian Sabah hingga tahun 2010 bertujuan menjalankan transformasi sektor pertanian kepada sebuah sektor komersial yang moden dan yang tumbuh dengan cepat. Pembangunan pertanian dan industri makanan akan merangsangkan pembangunan ekonomi terutama sekali dalam mencapai pengagihan kekayaan dan mengurangkan kemiskinan khususnya di kawasan-kawasan kampung padahal kemiskinan negeri Sabah agak tinggi. Penggunaan tanah yang maksimum untuk pengeluaran makanan merupakan suatu agenda tepat dalam usaha pemulihan ekonomi dan mengurangkan kemiskinan di Sabah terutama sekali di Tawau. Saya ingin mengetahui sama ada kerajaan mempunyai sesuatu pelan tindakan secara makro dengan jangka masa tertentu dalam sektor-sektor awam dan swasta untuk menokok hasil pengeluaran makanan untuk penggunaan tempatan dan juga untuk eksport. Justeru itu, adalah penting supaya kita memahami keadaan semasa iaitu masalah-masalah yang dihadapi oleh sektor-sektor awam dan swasta termasuk pekebun-pekebun kecil berkaitan dengan pembangunan pertanian dan pengeluaran makanan supaya dapat meramalkan pelaksanaan agenda-agenda tersebut secara lancar di Tawau di mana tanah yang luas

telah dibuka di kawasan Sinantiku, Ulu Kelumpang, Sungai Burung, Marotai dan Kalabakan untuk pembangunan sektor-sektor makanan dan pertanian.

Masalah-masalah utama dihadapi adalah seperti kekurangan kemudahan infrastruktur seperti jalan untuk semua cuaca, jambatan-jambatan, pengaliran dan saliran. Semasa musim hujan, kebanyakan jalan masuk estet-estet tertutup kerana banjir dan banyak hasil pertanian dan makanan tidak dapat dikeluarkan membawa kehilangan hasil kepada sektor-sektor makanan dan pertanian dan juga kerugian kepada kerajaan.

Saya ingin merayu kepada Kementerian Pertanian dan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan untuk melaksanakan satu plan sempurna untuk tindakan dan program untuk menyediakan jalan-jalan untuk semua cuaca, jambatan-jambatan, perairan dan saliran untuk estet-estet dan kebun-kebun kecil di Sinodiku, Ulu Kelumpang, Sungai Burung, Merotai dan Kalabakan meliputi tanah seluas 500,000 ekar.

Pelaksanaan Dasar Pertanian Kerajaan yang berjaya bergantung kepada usaha membantu mengatasi masalah-masalah dan sekatan-sekatan. Sumbangan makanan dan pertanian yang berjaya akan membantu dalam mengurangkan kemiskinan di kalangan komuniti di Tawau.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, isu pendatang tanpa izin (PTI) di Sabah bukanlah perkara baru malah telah digunakan oleh parti-parti pembangkang dalam kempen-kempen mereka lebih-lebih lagi menjelang pilihan raya. Isu PTI menarik perhatian seluruh rakyat Malaysia khususnya pihak kerajaan. Agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab telah mengambil langkah-langkah tegas dan berkesan serta menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman negara kita.

Pihak kerajaan sejak dahulu lagi telah melaksanakan pelbagai usaha menangani masalah PTI kerana ia menjejaskan hak-hak semua rakyat Malaysia tidak kira semua penyokong Barisan Nasional atau pembangkang, miskin atau kaya, tua atau muda. Kerajaan Barisan Nasional telah merancang dan melaksanakan pelbagai usaha terus mengawasi masalah PTI secara berterusan supaya memastikan keamanan negara dan keharmonian rakyat dapat dinikmati secara berterusan oleh rakyat jelata. Usaha ini memerlukan sokongan dan penglibatan menyeluruh daripada semua rakyat yang sudi memberi maklumat berguna kepada pihak kerajaan mengenai PTI.

Sejak program Regalisasi pada tahun 1997 tindakan-tindakan tegas telah diambil oleh kerajaan terutamanya oleh Pasukan Petugas Khas. Dilaporkan bahawa ramai pendatang tanpa izin (PTI) masih berada di negeri Sabah. Kebanyakannya berasal daripada negara jiran kita Indonesia dan Filipina. Saya berpendapat pihak berkuasa berkenaan perlu meneliti kesahihan laporan ini dan mengemukakan maklumat angka sebenar mengenai PTI yang ada di Sabah.

Saya ingin merayu pihak yang berkenaan untuk meningkatkan pemeriksaan, pengawalan, penguatkuasaan secara lebih tegas berhampiran dengan sempadan negara yang menjadi pintu masuk utama bagi rakyat negara jiran. Untuk memastikan keberkesanan langkah ini, pasukan Polis Marin yang berkelengkapan moden perlu meningkatkan rondaan di perairan negara ini.

Sehubungan ini saya berharap Dewan ini juga dapat dimaklumkan mengenai pencapaian tindakan antara kerajaan atau *government-to-government* berhubung dengan usaha menangani masalah PTI ini. Kita menyedari bahawa Pasukan Petugas Khas dan pihak-pihak yang berkaitan telah menjalankan banyak operasi secara berkesan terutamanya sekali dalam menghantar PTI balik tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masalah PTI yang dihantar balik ini masuk semula ke negara kita melalui kawasan pantai timur Sabah. Apakah tindakan yang berkesan untuk mencegah kedatangan balik semula PTI-PTI ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa perbahasan Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999 saya telah membangkitkan masalah pertambahan kanak-kanak pendatang tanpa izin dan pendatang asing yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang sah, yang mengemis, yang menjual rokok dan menggosok kasut di Sabah. Satu cadangan telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada Kerajaan Philipina melalui Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Konsumer Sabah kepada *Komando Southern Command Philippines* supaya membuka sebidang tanah di Zamboanga untuk melindungi kanak-kanak Filipina yang dihantar balik oleh Kerajaan Sabah. Pihak-pihak berkuasa di Zamboanga telah menerima cadangan ini. Saya ingin merayu kepada Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan supaya mengesahkan cadangan penerimaan tersebut supaya langkah-langkah konkrit dapat dilaksanakan demi menyelesaikan masalah lama lagi untuk Filipina dan Indonesia.

Dasar Perdana Menteri Malaysia memperkayakan jiran di rantau BIMP-EAGA iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippines, *East Asia Group Area* akan menawar satu penyelesaian kepada masalah ini. Dasar ini akan membawa pembangunan ekonomi secara semua pihak menang, meningkatkan keselamatan semua negara berkaitan dan menarik PTI pulang ke negara asal mereka masing-masing. Apakah rancangan dan program-program yang boleh dilaksanakan supaya dasar memperkayakan jiran dapat direalisasikan demi menamatkan masalah PTI ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga, pembangunan sains dan teknologi di negeri Sabah. Saya difahami bahawa satelit ketiga Malaysia telah siap dibina lebih daripada satu tahun. Apakah yang mengganggu pelancaran satelit ini? Satu kajian telah menunjukkan tapak pelancaran satelit sedunia adalah tidak mencukupi untuk masa sekarang dan juga bagi masa akan datang.

Baru-baru ini tinjauan sebuah syarikat swasta menunjukkan bahawa Tawau merupakan satu tempat sesuai untuk pembinaan Tapak Pelancaran Satelit (*Satellite Launching Pad*). Ini adalah berita yang cukup merangsang bagi penduduk-penduduk Tawau dan juga bagi semua rakyat Malaysia. Tapak pelancaran yang pertama bagi rantau ini. Saya menyeru kepada Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar supaya menjalankan kajian kemungkinan (*feasibility study*) cadangan tersebut serta mencari jalan melaksanakan projek tersebut demi kebaikan negara kita. Dengan pelaksanaan projek tersebut negara kita akan menceburi satu era baru pembangunan sains dan teknologi.

Diramalkan satu dimensi baru pemindahan teknologi angkasa lepas dalam millenium baru. Tambahan pula, jika diramalkan munculnya kesan kelebihan atau *over-effect* dalam bentuk perjawatan-perjawatan baru di Tawau serta realisasi dan latihan sumber manusia yang mempunyai kepakaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi. Saintis-saintis Malaysia yang bekerja di seberang laut akan balik demi berkhidmat untuk negara. Negara kita adalah pertama dalam bidang *Multimedia Super Corridor* di rantau ini. Menyusul kerajaan MSC negara kita juga diharapkan menjadi yang pertama dalam bidang teknologi angkasa lepas di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keempat. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan atas menandatangani memorandum persefahaman antara Malaysia dan China untuk tujuan menubuhkan sebuah kilang pulpa kertas di Tawau.

Projek ini memupuk usaha sama rakan bestari antara dua negara untuk merealisasikan pembangunan zon ekonomi ASEAN. Projek ini akan menarik lebih ramai peniaga-peniaga dan pelancong-pelancong dari China mengunjungi Malaysia dan khasnya negeri Sabah. Pelaksanaan projek ini akan meningkatkan pemindahan teknologi dan latihan sumber manusia berkaitan. Oleh kerana kontrak kilang ini melibatkan penanaman pokok atas tanah seluas 220,000 hektar, projek ini akan merupakan satu program *reforestation* untuk konseversi alam sekitar.

Bekalan kayu pulpa sebanyak 500,000 tan metrik akan dihasilkan setiap tahun daripada bahan kayu mentah sebanyak 2.5 juta tan yang setaraf dengan penebangan pokok atas tanah seluas 22,000 hektar setahun. Oleh itu penanaman pokok atas tanah yang luas di Tawau akan membawa untung. Saya ingin merayu pihak kerajaan mempercepatkan kajian kemungkinan supaya projek ini dapat dilaksanakan secepat mungkin di Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebuah maktab perguruan telah dirancangan untuk kawasan Tawau. Projek ini telah ditangguhkan semasa krisis ekonomi tahun 1997. Sejak pemulihan ekonomi berlaku pada kadar yang lebih cepat daripada yang dijangka, saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya menghidupkan semula projek tersebut atas sebab kekurangan guru-guru seluruh negara masih berlaku.

Atas usaha kerajaan Barisan Nasional di Sabah, Sabah dan Tawau khasnya akan dibangunkan sebagai pusat pertanian dan akuakultur bagi rantau ASEAN. Proses realisasi Tawau sebagai satu pusat latihan pendidikan dan latihan sumber manusia bagi bidang kejururawatan, perguruan, latihan pertanian, akuakultur, latihan sains dan teknologi akan memastikan penyertaan Tawau dalam aliran utama pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat bagi Bandau.

4.48 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan tahun 2000 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 29 Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan 2000 kerajaan telah menganggarkan bahawa pertumbuhan ekonomi pada tahun ini akan mencapai kadar 4.3% berbanding dengan anggaran asal sebanyak 3.1%. Apabila dibandingkan dengan pengucapan ekonomi sebanyak 7.5% dalam tahun 1998 maka pemulihan ekonomi telah mencapai peratusan peningkatan sebanyak 11.8 mata dalam tempoh 12 bulan. Dalam hal ini tidak dinafikan bahawa tanda-tanda pemulihan ekonomi adalah wujud. Namun pandangan kita adalah peratusan pertumbuhan yang diharapkan adalah amat optimistik sekali.

Ini berdasarkan kepada kenyataan beberapa pertumbuhan beberapa sektor ekonomi dalam negeri kemungkinan akan mencapai kadar yang sederhana sahaja khasnya sektor perkilangan dan pertanian. Sektor perkilangan yang dijangka berkembang pesat dengan kadar pertumbuhan 8.9% adalah terlalu optimistik memandangkan permintaan dalam negeri masih dalam kadar sederhana dan disebabkan kuasa membeli (*purchasing power*) di kalangan rakyat yang masih rendah.

Pada masa yang sama penurunan harga eksport minyak kelapa sawit telah mengakibatkan penurunan hasil bagi sektor ini dan telah mengakibatkan syarikat-syarikat menundakan rancangan pembangunan baru dan dengan itu sekali gus mengakibatkan kadar pertumbuhan bagi sektor ini berada dalam paras sederhana bagi tahun ini dan tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga ditekankan bahawa permintaan dalam negeri bagi beberapa sektor seperti pertanian dan perumahan belum pulih ke tahap yang wujud sebelum krisis ekonomi bermula pada tahun 1997. Walaupun kerajaan sering menekankan dengan kenyataan-kenyataan tertentu bahawa ekonomi telah pulih, keadaan dan pemulihan sebenar adalah lebih perlahan daripada yang dilaung-laungkan. Kuasa membeli di kalangan rakyat masih rendah menyebabkan keadaan ekonomi di peringkat daerah khasnya di luar bandar berterusan lembab.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama prestasi kewangan syarikat-syarikat dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan masih rendah dan belum pulih ke kadar

sebelum krisis ekonomi bermula. Ini boleh dilihat dari kedudukan syarikat-syarikat dalam Bursa Saham Kuala Lumpur di mana hanya kira-kira 30% sahaja daripada syarikat-syarikat menikmati kenaikan nilai saham mereka semenjak krisis bermula. Kebanyakan syarikat-syarikat dalam Papan Kedua di BSKL dijangka masih menghadapi kerugian bagi tahun kewangan 1999 disebabkan kemerosotan pasaran dan permintaan serta menghadapi masalah hutang tidak terbayar khususnya mereka yang telah mengambil pinjaman di luar negeri.

Akibat semuanya ini, ialah pemulihan kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan daripada yang dijangkakan oleh kerajaan dan lebih penting lagi, kutipan pendapatan hasil yang rendah daripada yang dianggarkan dalam belanjawan.

Berdasarkan kepada fakta ini, maka adalah ditekankan bahawa anggaran defisit dalam Belanjawan 2000 adalah konservatif dan pasti lebih serius daripada yang dinyatakan. Masalah ini akan memaksa kerajaan meminjam wang dalam dan di luar negeri untuk membiayai defisit dan sekali lagi menekankan bahawa anggaran hutang negara yang dinyatakan dalam belanjawan adalah tidak tepat dan pasti lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Memang pihak para akademik telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa hutang keseluruhan kemungkinan menjangka naik dalam bentuk hampir RM119 bilion. Pihak kami barangkali tidak *subscribe*, dengan izin, kepada pandangan itu tetapi daripada analisa kami sendiri, memandangkan defisit bagi tahun lalu dan bagi tahun ini pasti meningkat daripada yang dianggarkan, kita berpendapat bahawa RM50 bilion hingga RM60 bilion defisit keseluruhan yang perlu nanti dipenuhi daripada pinjaman luar itu boleh diterima ataupun dalam jangkaan kita ada asas untuk mengatakan perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan yang disebut belanjawan rakyat, setakat ini tidak mencapai matlamat untuk menambah keyakinan pelabur di pasaran modal khususnya di BSKL. Pada hari kelmarin semenjak belanjawan dibentangkan dan pada hari ini, saya telah menyiasat berita terkini daripada BSKL pun indeks sekadar naik 2.0 lebih peratus dan sebagai satu belanjawan yang sangat optimistik dengan anggaran kadar pertumbuhan ekonomi serta hasil pendapatan negara yang begitu optimistik, ia harus menerima sambutan yang positif dan serta merta meningkatkan keyakinan di kalangan

pelabur di pasaran modal, memandangkan peningkatan keyakinan dalam pasaran modal adalah antara objektif Belanjawan 2000. Malangnya ini tidak berlaku dan belum berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, antara sebab ialah pandangan umum bahawa tidak ada yang baru serta tidak ada signifikan dari segi insentif-insentif dalam belanjawan bagi sektor swasta. Selain daripada pengurangan cukai import bagi beberapa barangan, pengecualian cukai bagi perkhidmatan pelancongan serta beberapa insentif sederhana bagi sektor industri kecil dan sederhana, tumpuan belanjawan ialah kepada sektor awam. Ini adalah jelas memandangkan pilihan raya akan diadakan dalam 12 bulan atau kurang daripada itu, dalam tujuh atau lapan bulan paling lama, kalau penggal sekarang luput pada Julai tahun hadapan, maka kerajaan telah sengaja memberi tumpuan kepada pengundi-pengundi khasnya kakitangan kerajaan, usahawan bumiputera dan masyarakat di luar bandar yang diharapkan akan memanaati dari pembangunan prasarana jika cadangan-cadangan dalam belanjawan dilaksanakan dan juga health, dengan izin, yang telah dimasukkan dalam Belanjawan 2000.

Jika pihak swasta berpandangan sedemikian dan ini adalah disebabkan sambutan pihak sektor swasta terhadap belanjawan kali ini yang begitu lembab dan tidak ketara pada saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 telah menekankan soal pembangunan prasarana seperti pembinaan, naik taraf dan pembaikan jalan raya dan jambatan. Strategi ini dijangka bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan rakyat, tetapi juga mengakibatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar, tumpuan kepada perkara ini adalah wajib dan sebenarnya perlu diberi penekanan yang lebih serius.

Pada dasarnya tumpuan dan jumlah peruntukan yang diberi oleh kerajaan bagi membangunkan prasarana adalah tidak mencukupi khasnya di luar bandar. Dari segi keseimbangan, masalah juga wujud di mana peruntukan kerajaan untuk pembangunan prasarana lebih ditumpukan di kawasan Semenanjung dan bukan pula di Sabah dan Sarawak yang mana lebih memerlukan pembangunan asas.

Di Sabah dan Sarawak, kita perlu jalan raya asas khasnya di peringkat desa tetapi di Semenanjung pula tumpuan peruntukan ialah membina highway yang kedua bagi beberapa tempat atau ketiga bagi sesuatu kawasan tumpuan. Jalan-jalan raya utama di negeri Sabah seperti jalan raya menghubungkan Kota Kinabalu-Keningau, Kota Kinabalu-

Kudat, Kota Kinabalu-Sandakan, Sandakan-Tawau adalah dalam keadaan yang tidak diselenggarakan, lubang di sini dan lubang di sana, semua ini adalah jalan raya Persekutuan. Apabila jabatan yang berkenaan ditanya, jawapannya ialah kerajaan tiada wang ataupun peruntukan belum sampai.

Keadaan seperti ini adalah amat menyedihkan dan pihak kita sekali lagi bertanya mana sudah keprihatinan dan tumpuan pembangunan kerajaan. Janji bahawa pembangunan di sini-sana yang biasanya bertaburan dalam setiap belanjawan ataupun pada masa pilihan raya, tetapi kebanyakannya hanya menjadi janji.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat, pada Ucapan Belanjawan 1997, Yang Berhormat Menteri pada saat itu, mengatakan kata-kata yang begitu indah dan saya tidak lupa, ia bilang kerajaan akan membina banyak prasarana, jalan yang berlubang akan ditampal, yang tiada jalan, jalan akan dibina, jalan yang bengkok akan diluruskan, kita akan membekal 'air dalam besi, lampu dalam kaca, petik di tepi di tengah menyala' dan begitu semua kata-kata. Tetapi sampai sekarang di luar bandar Sabah dan Sarawak dan di beberapa negeri di Semenanjung juga masih keperluan yang luas dan kata-kata sedemikian ini yang dikeluarkan dalam belanjawan sekadar menjadi satu kata-kata sebutan dan kita merayulah supaya tindakan dibuat ke atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana dalam setiap belanjawan, peruntukan yang besar ditentukan bagi tujuan pembangunan luar bandar termasuklah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), bekalan elektrik, bekalan air, jalan raya, jalan raya kampung dan sebagainya. Dalam hal ini peruntukan bagi kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan di Sarawak dan kawasan-kawasan yang lebih mundur seperti di Kelantan dan di negeri-negeri yang lain yang amat memerlukan perlu dipertingkatkan untuk membolehkan kawasan-kawasan terpencil menikmati kemajuan yang dialami oleh kawasan-kawasan bandar, supaya jurang perbezaan khususnya di antara Semenanjung dan negeri-negeri di Borneo dapat dikurangkan, dengan izin, *in order that regional disparity*, iaitu tumpuan objektif Rancangan Malaysia Ketujuh dapat dicapai.

Kerajaan mesti berusaha untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh yang menekankan pengurangan ketidakseimbangan wilayah, dengan izin, *regional*

disparity, yang mengakibatkan ketidakadilan ekonomi dan dengan itu memperluaskan jurang pendapatan di kalangan bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, soal sistem dan prosedur pelaksanaan program pembangunan luar bandar, khasnya PPRT hendaklah adil dan saksama, tanpa mengira fahaman politik bangsa dan agama. Para pelaksana dasar di peringkat daerah mestilah menghormati dan mematuhi etika peraturan dan deklarasi yang diputuskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Negara pada tahun 1997 yang menekankan bahawa rancangan pembangunan dan khasnya bantuan PPRT hendaklah dilaksanakan dengan adil, tidak pilih kasih dan bebas daripada fahaman politik, bangsa dan agama.

Perkara ini saya sentuhkan kerana di peringkat negeri Sabah, program pelaksanaan di peringkat kawasan menghadapi banyak masalah seperti berikut.

Pertama, data rakyat termiskin tidak tepat, bahkan Jabatan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sabah dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah mempunyai dua set data kemiskinan yang berbeza dan setakat ini mereka masih lagi belum boleh memutuskan mana data yang lebih *accurate*, dengan izin. Jadi, masalah-masalah pokok seperti ini tidak harus timbul, jikalau ada penyelenggaraan dan ada sesuatu perancangan yang sistematik di antara jentera-jentera kerajaan.

Kedua, data kemiskinan tidak *transparent*, dengan izin. Jika umum ingin mengetahui senarai orang-orang miskin di Pejabat Daerah ataupun di Pejabat Jabatan Pembangunan Sabah, ia dianggap sulit dan pihak umum tidak boleh mengetahuinya. Jadi, dalam perkara ini jika data kemiskinan tidak *transparent*, dengan izin, pasti adalah tidak tepat dan kemungkinan tidak adil

Ketiga, pelaksanaan program bantuan kemiskinan (PPRT) tidak mempunyai kriteria khas dan tidak *transparent* untuk menentukan mana kawasan yang memerlukan tumpuan ataupun apa jenis bantuan atau projek yang harus dilaksanakan.

Keempat, ahli-ahli politik kerajaan khasnya di peringkat bahagian parti-parti kerajaan dibenarkan untuk mentadbir PPRT khasnya. Dengan ini saya katakan dengan ikhlas hati, Pejabat UMNO Bahagian- sebab bagi kawasan-kawasan yang diwakili oleh pembangkang, maka peruntukan misalnya PPRT ini bukan pula pejabat daerah yang mengendalikan, tetapi dikendalikan dengan kuasa dipegang oleh pejabat parti yang dominan di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila itu terjadi, pasti akibatnya adalah bertentangan dengan deklarasi ataupun keputusan Jawatankuasa Pembangunan Negara kerana kalau parti-parti politik kerajaan melibatkan diri untuk mentadbir sesuatu sistem bantuan ataupun sistem bantuan pembangunan kepada rakyat, maka pasti timbul pilih kasih dan pasti timbul penyelewengan di kalangan para pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, pihak kita memohon supaya kerajaan patuh kepada peraturan-peraturan yang ada, iaitu parti-parti politik tidak harus terlibat dalam mengendalikan program pembangunan rakyat, khususnya pembangunan rakyat termiskin. Sistem yang ada, pentadbiran yang ada haruslah dihormati dan biasanya pejabat daerah adalah pejabat yang mentadbir, mengutip data dan seterusnya melaksanakan program-program pembangunan termasuklah program-program bantuan seperti PPRT.

Seterusnya, kelima, Kerajaan Pusat khasnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia, pada saat ini tidak mempunyai tenaga dan sistem yang kukuh untuk menyelia pelaksanaan program di bawah kementeriannya sendiri dan khususnya PPRT untuk tujuan memastikan program-program tersebut tepat kepada sasaran. Di dalam perkara ini, pegawai di peringkat Pusat, hanya sekadar dapat meneliti data yang diserahkan dan mereka tidak ada tenaga, tidak ada satu sistem kawalan yang kukuh untuk memastikan semuanya berjalan dengan baik di peringkat kawasan, khasnya di negeri Sabah dan di negeri Sarawak. Misalnya di negeri Sabah ada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah yang biasanya jentera yang dipakai oleh pihak Kementerian Luar Bandar. Dan pada yang sama pula, kerajaan negeri menggunakan kementerian mereka yang sama iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah yang menggunakan pejabat daerah sebagai jentera pelaksana di peringkat daerah. Maka di dalam perkara ini banyak kelemahan yang timbul termasuklah tidak ada kawalan kepada pelaksanaan projek dan pegawai-pegawai di peringkat Kementerian Luar Bandar, di peringkat Kuala Lumpur hanya berharap semuanya berjalan dengan baik kerana mereka tidak ada sistem untuk, saya katakan tadi, kawalan dan penyeliaan lain daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah.

Keenam, pihak pusat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar di Kuala Lumpur, tidak pernah melakukan *impact study*, dengan izin, untuk memastikan keberkesanan program pembangunan dari segi sasaran, *efficiency*, dengan izin, dan impak ke arah

pengurangan kadar kemiskinan di kalangan masyarakat sasaran ataupun masyarakat yang ditujukan untuk pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini amatlah sangat penting, sekali selagi perkara-perkara dan masalah ini belum diberi tumpuan dan diselesaikan, keberkesanan program-program pembangunan luar bandar di Sabah khususnya yang bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat di luar bandar serta menghapuskan kemiskinan adalah diragui dan khasnya dari segi keberkesanan yang mencapai matlamat, kita berpendapat bahawa amat jauh daripada tujuan dan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercadang supaya dari segi memperkemarkan dan dari segi memperbaiki keadaan yang sedia wujud pada setakat ini, supaya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar Persekutuan mengadakan satu pendaftaran rakyat termiskin secara terbuka dan bukan melalui parti-parti politik kerajaan secara terbuka, saya sifatkan di sini ialah borang itu dikeluarkan kepada siapa sahaja, termasuklah persatuan-persatuan, ketua-ketua kampung, pejabat wakil rakyat kerajaan dan pembangkang untuk membantu mendaftarkan mereka yang betul-betul miskin, selepas itu pihak kementerian bersama dengan jenteranya di peringkat kawasan bolehlah menapis, bolehlah memeriksa, bolehlah mengenal pasti adakah mereka yang memohon itu adakah layak atau tidak dengan menggunakan kriteria-kriteria yang tertentu.

Selepas itu, saya cadangkan supaya kementerian menubuhkan sebuah jawatankuasa kemiskinan daerah yang melibatkan jabatan-jabatan tertentu, NGO-NGO, parti-parti politik untuk memandu projek-projek PPRT, kalaulah kita ikhlas untuk menyerang kemiskinan di abad baru, di alaf baru, supaya dengan adanya satu tindakan seperti ini bahawa supaya deklarasi Jawatankuasa Pembangunan Negara yang mengatakan program kemiskinan itu tidak pilih kasih dan tidak boleh pilih kasih, hanya dengan cara ini sahaja matlamat itu boleh dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pendidikan, sektor pendidikan adalah satu sektor yang memanglah satu sektor asas yang perlu dimajukan dengan pesat jika kerajaan ingin melangkah dengan lancar ke dalam kemajuan di alaf baru. Dasar-dasar pun sudah sedia ada, beberapa akta di dalam dua tahun ini telah diluluskan di peringkat Parlimen. Hanya program sahaja yang perlu dilaksanakan. Yang kita inginkan ialah pihak kementerian memberi tumpuan di dalam sektor pendidikan ini, bukan sahaja kepada

sektor pendidikan bandar dan khususnya dalam langkah kerajaan untuk mengatakan, menjadikan Malaysia pusat pendidikan cemerlang, tolonglah jangan lupa membina, membangun sektor pendidikan di luar bandar. Kita tekankan sekolah bestari yang mengatakan 90 buah sekolah telah mempunyai makmal, lima buah sekolah rendah yang telah menjadi sebuah sekolah percubaan, kita katakan sekolah-sekolah berkomputer, kita menggubal peraturan-peraturan yang lebih dinamik untuk pertumbuhan IPTA dan IPTS dan sebagainya, tetapi usaha yang sama tidak kelihatan dari segi memajukan sektor pendidikan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jika kerajaan ingin betul memajukan sektor pendidikan di alaf baru dengan *quantum leap* seperti mana yang ditekankan oleh kementerian bahawa, dengan izin, *we must go back to basic* iaitu kerajaan hendaklah menumpukan pembangunan di luar bandar. Pada masa yang sama ia menggalakkan dengan peraturan-peraturan dan dasar-dasar yang tepat, pertumbuhan dan perkembangan pendidikan di peringkat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, jika ini tidak diberi perhatian, maka *urban rural disparity* dengan izin, akan berterusan dan meningkat ke tahap yang lebih serius dan pada masa yang sama, sektor pendidikan di luar bandar khususnya anak-anak kita yang tidak mampu untuk berpindah ke bandar, mereka akan terus ketinggalan dari segi menikmati fasilitas-fasilitas dan semuanya yang kerajaan lakukan dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak saya katakan tadi, maka masyarakat luar bandar akan terus ketinggalan. Masyarakat bumiputera khasnya di Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri terpencil yang lain akan ketinggalan. Beberapa masalah yang masih berterusan mengancam kemajuan pendidikan di luar bandar khasnya di Sabah dan saya ingin senaraikan untuk perhatian pihak kementerian.

Pertama, masih banyak tempat yang mempunyai ramai kanak-kanak yang berumur cukup untuk pergi ke sekolah, *school growing age children*, dengan izin, yang jumlah mereka mencukupi daripada tiga, empat kampung yang berdekatan untuk mendapatkan sebuah sekolah tetapi tidak ada sekolah. Sekolah yang terdekat, empat hingga enam jam kalau jalan kaki, bukan sahaja di kawasan Bandau, di kawasan Kinabatangan, di kawasan Pensiangan, di kawasan Selangau, Sarawak dan tempat-tempat yang lain.

Di kawasan Bandau tempat-tempat seperti Kampung Gadek ada 500 orang kanak-kanak *school growing age*, dengan izin, Kampung Lim Gabungan Dua, Kampung Pinatau semuanya layak untuk mendapatkan sekolah dari segi jumlah kanak-kanak yang ada tetapi setakat ini walaupun sudah kita sentuh, kerajaan sentiasa mengatakan duit tidak mencukupi kerana keperluan-keperluan lain. Akibatnya, budak-budak menjadi dewasa tanpa tahu membaca dan menulis.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, masih banyak tempat di mana ada bangunan sekolah tetapi fasilitasnya, prasarananya tidak mencukupi, bilik darjah tidak cukup, rumah guru tidak ada, dewan tidak ada. Berdasarkan kepada ini beberapa buah sekolah sekarang ini terpaksa mengadakan gotong-royong untuk membina, kadang-kadang mengadakan bazar untuk mengutip wang, untuk membina dewan, kadang-kadang mengadakan *walkathon* untuk mengutip wang untuk dewan, untuk bilik darjah. Jadi, selain daripada kanak-kanak bersekolah, belajar di dalam kelas, mereka pula berjalan ke sini sana untuk pergi mengutip derma untuk membina kelas dan darjah tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kes seperti ini walaupun ada peranan juga gotong-royong tetapi kalau anak kita *spend most of the time*, dengan izin, cari duit untuk membina sekolah sendiri, maka di mana kita punya prioritas. *Why not* duit-duit yang banyak digunakan di Putrajaya, duit-duit yang banyak digunakan untuk *Twin Towers* semuanya itu disalurkan kepada prioritas yang tepat, membina manusia di masa dan di alaf baru melalui pendidikan dan prioritas *something has to be done*, dengan izin, kalau tidak pendidikan hanya bagi mereka yang *can afford* dan penduduk-penduduk luar bandar akan sentiasa ketinggalan.

Ketiga, ialah banyak sekolah tidak cukup guru. Di kawasan Kinabatangan ini, di kawasan Beluran, di kawasan Bandau, kawasan Meluru dan saya boleh senaraikan kawasan-kawasan semuanya. Ada pula yang kerana sekolah itu terpencil, mereka tidak datang mengajar kerana di tempat itu mereka mengajar di luar bandar, barangkali pakai *logging truck* untuk datang, ataupun jalan kaki, maka dalam satu bulan mereka mengajar dua minggu, balik dan pergi ke desa, pekan yang terdekat.

Ini terjadi di Sekolah Kebangsaan Magandai, di kawasan Bandau dan terjadi di Sekolah Kebangsaan Telibang. Guru-guru kadang-kadang datang dua minggu, dua minggu cuti pergi jumpa keluarga kerana tidak ada rumah guru dan untuk keluarga di

tempat sekolah. Jadi, keadaan seperti ini amat menyedihkan, dalam masa kita ingin masuk ke alaf baru, dengan izin, *we are still talking about the 1960's* punya situasi tetapi dalam keadaan begini kita harus mengambil tindakan yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, dahulunya kita pun orang kampung juga, dahulu pun jalan kaki juga. Saya masih ingat apabila saya sudah darjah tiga baru saya ada selipar ke sekolah, kalau dahulunya. Tetapi guru-guru pada masa itu padat, guru-guru pada waktu itu tahan lasak, mereka berjalan kaki untuk pergi ke tempat mengajar dan jarang-jarang ada kes macam sekarang, guru tinggal dua minggu, dua minggu balik pekan, lari. Dahulu, tidak - mereka tahan lasak.

Saya memohon supaya pihak kementerian mengkaji bagaimana melatih guru-guru yang tahan lasak, yang sedia berkhidmat di luar bandar, barangkali kita perlu satu sistem insentif pada masa mereka keluar dari kolej, mereka yang lulus dengan baik. Jangan hantar guru-guru yang baik sahaja ke bandar, hantar juga mereka ke luar bandar. Barangkali di dalam *syllabus* kurikulum di maktab ada ujian tahan uji, tahan lasak supaya guru-guru yang minat untuk melayani rakyat di luar bandar.

Barangkali beri insentif, selepas dua tahun berkhidmat di sana, boleh balik untuk ambil Master, ada *point system*, boleh pergi untuk ijazah kedua. Barulah saya percaya kita akan mendapatkan guru-guru yang besar hati, yang betul-betul mahu tolong rakyat di luar bandar. Kalau tidak, *we end up with* , dengan izin, dua minggu mengajar, dua minggu di pekan dan ini tidak berterusan kalau kita ingin ceritakan pendidikan di alaf baru yang kita katakan adalah dengan berkembang dan *we need more than quantum leap* seperti yang ditekankan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah keempat ialah banyak sekolah memerlukan asrama. Oleh kerana di luar bandar, bertaburan mereka punya kampung daripada kampung-kampung terpencil dan kemungkinan satu sekolah itu adalah bagi lima, sepuluh kampung dan jika tidak ada tempat asrama di situ, tidak ramai ibu bapa yang membenarkan anak mereka khususnya dalam peringkat darjah satu hingga ke darjah lima, mereka tidak sanggup untuk membebaskan anak mereka berpindah tujuh, sepuluh batu ke satu-satu tempat yang tidak ada tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, *so*, dengan izin, *kementerian have to look at this as a package system* kerana sekolah di luar bandar ini sangat penting supaya mengadakan

asrama kerana ramai kita di sini, saya tahu Ahli-ahli Yang Berhormat di sini yang lahir daripada sekolah asrama di luar bandar. Kalau tidak ada pergi ke asrama dahulu, susah barangkali untuk sampai di Dewan yang mulia ini untuk berdiri dan berucap.

Jadi, *proven case* asrama mempunyai peranan yang penting untuk membentuk pelajar-pelajar yang cemerlang dan memberi peluang kepada mereka untuk bersekolah. Kalau tidak ada duit, kenapa ada duit untuk buat *Twin Towers*, kenapa ada duit buat dua, tiga *highway*, kenapa ada duit untuk Putrajaya? Tetapi mahu melabur untuk *human resources*, dengan izin, tidak ada duit. Jadi, *something has to be done* dengan izin, mengenai prioritas kita dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, banyak sekolah perlu bekalan elektrik untuk pelajar-pelajar. Kita ceritakan sekolah bestari tetapi 80% sekolah di luar bandar tidak ada elektrik. Bagaimana mahu pakai komputer, kalau elektrik pun tidak ada?

Saya mencadangkan kepada pihak kementerian cuba kaji kemungkinan membekalkan semua sekolah di luar bandar di negara ini dengan sistem solar kerana walaupun mahal tetapi dalam program pembasmian rakyat termiskin (PPRT) mereka juga telah membekalkan *facilitate* ini iaitu solar system dan empat panel boleh angkat TV, boleh angkat *fridge*, dengan izin, boleh angkat komputer. Jadi, saya memohon pihak kementerian mengkaji kemungkinan ini sebagai satu sistem untuk membekal sistem solar ke sekolah-sekolah. Kalau wang tidak cukup, barangkali masyarakat biasa boleh tunggu sekejap, yang penting sekolah untuk budak-budak dibekalkan dahulu dengan sistem solar.

Tuan Yang di-Pertua, yang keenam, masih banyak sekolah yang perlu bantuan, alat tulis, baju termasuklah sepatu, selipar, kasut pun mereka perlu. Di Sekolah SK Mengandai saya sentuhkan di sini, yang selalu saya sentuhkan kerana sampai sekarang bangunan baru walaupun telah diluluskan untuk pembinaan, saya difahamkan, belum lagi dimulai untuk dibina dan cikgu di sana, dua minggu ada, dua minggu tidak ada. Tiga orang cikgu sahaja kerana guru sandaran yang lain telah pun ditamatkan perkhidmatan mereka. Saya ada bincang dengan pihak jabatan di Sabah, mereka bilang susah sekolah itu, bukan senang. Ya, semua kita tahu bukan senang tetapi, dengan izin, *are we going to leave them just like that?* Ataupun kita masih terus memerangi keadaan yang ada demi kebaikan anak-anak dan negara kita. Jadi, saya memohon supaya bangunan sekolah yang baru itu dipercepatkan dan saya pergi ke sana dua minggu yang lalu. Kalau saya bawa

gambar di sini, banyak kita yang tidak mahu tengok kerana semua budak sekolah berkaki ayam – tidak ada selipar pun. Jadi Tuan Yang di-Pertua, tolonglah, sambil pihak kementerian dan negara kita menuju ke alaf baru, perkara-perkara pokok seperti ini yang kemungkinan orang lain barangkali mahu ‘tapuk’ kita tidak payah ‘tapuk’. Kita serangi demi kebaikan negara kita keseluruhan.

Topik yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu sentuh ialah tentang peranan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sememangnya untuk menjamin demokrasi yang betul dan tulen, maka perlu satu proses dan sistem pilihan raya yang telus, berwibawa dan bebas, dengan izin, *the Election Commission is supposed to be the guardian of the election process*. SPR bukan sahaja bertindak dengan bebas tetapi ia harus kelihatan bebas. Pada masa kini rakyat Sabah dan parti PBS telah mengemukakan banyak laporan, rayuan, memorandum termasuklah *courtesy call*, dengan izin, kepada Lembaga SPR untuk membantunya menyelesaikan masalah-masalah pokok yang meragui rakyat dari segi sistem demokrasi ataupun pelaksanaan *election process* dengan proses pilihan raya di negeri Sabah dan di Malaysia. Namun demikian, tindakan-tindakan susulan masih lagi tidak ketara, bahkan kadang-kadang kita bawa masalah ini, kita dituduh untuk mengganggu ataupun sekadar mengacau SPR, tidak! Saya melihat dalam motto SPR, mengatakan *they are people friendly, they are not supposed to be scared of people* kerana *they are the guardian of the election process in this country*, dengan izin. Kenapa takut untuk menerima teguran, kenapa takut untuk menerima rayuan-rayuan untuk dikaji dan diambil tindakan.

Misalnya, satu bulan yang lalu, apabila keluar di dalam kes-kes di mahkamah, saya tidak mahu sentuh kes-kes specific, soal phantom voters, satu pegawai terkanan SPR mengatakan, *what phantom voters, nonsense!*, dia kata. Begitu punya jawapan, dengan izin, *not characteristic for the institution which is supposed to be people friendly* dan ingin menyiasat perkara-perkara yang ada. Bagaimana pula dengan kes-kes yang telah dijatuh hukuman oleh mahkamah dan saya sentuh dua kes di sini. Satu yang namanya Shahzada bin Mamroz, orang ini telah dihadapkan ke mahkamah dan *waiting* untuk *judgement*. Jadi, saya tidak mahu sentuh tetapi dia pengundi, I/C nombornya HO 555417, kod pengundian 1542206003 di Sabah, Parlimen P154 Beauford, negeri - N22 Kelias, daerah - 1542206 Kelias Baru, lokaliti - 0003 Kampung Kelias Baru, bilangan nombor -

525 dalam kes mahkamah untuk dijatuhkan hukuman seterusnya kerana *adjournment for judgement*. Satu kes yang lebih ketara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengatakan ini supaya pihak SPR serius dengan aduan-aduan kita dan *please for goodness sake*, dengan izin, *don't dismissed nonsense*, bagaimana dengan kes-kes ini, sudah jatuh mahkamah, pada 3 Jun, 1995 Mohd Said Asis, umur 37 tahun, bersama dengan beberapa orang lain, antaranya Abdullah Renteh, H0306383 I/C nombornya, apa yang saya ingin sentuh kes ini tahun 1995, saya dapat *print out* daripada SPR pada 5 Februari, 1999 iaitu sebelum pilihan raya umum negeri, namanya masih di sana Abdullah Renteh I/C S0306383, kod pengundian 1624005001 Sabah, Parlimen P167 Kinabatangan, negeri - Kuamut, daerah - 1624005 Bukit Garam, lokaliti - 001 Kampung Bukit Gerang, dijatuhi hukuman tahun 1995, namanya masih dalam daftar pemilih, *what nonsense!* Dia katakan. Satu lagi *jail for forge document* 1994, namanya Amisia bt. Abdul, kad pengenalan HO 137674, dikenakan fined RM3,000 dan jail 12 bulan oleh pihak magistrate. Saya check dalam daftar pemilih bertarikh 2 November, dua hari yang lalu, masih di sana Amisia bt. Abdul, HO 137674 Lama, kod pengundian 1480809001 Sabah, Parlimen 148 Kota Belud, negeri N08 Usukan, daerah 1480809 Perasaan, lokaliti 001 Kampung Perasaan bilangan nombor 92.

Saya hanya mengatakan pihak kita ikhlas untuk membantu kerajaan dan SPR yang seharusnya melapor terus kepada Parlimen supaya menjalankan tugas dengan baik sesuai dengan mandat dan *terms of reference* yang diberi oleh negara kita tetapi kalau pegawai-pegawai SPR *had no.....*dengan izin, saya hanya merayu supaya mereka menjalankan tugas dengan baik tetapi kalau kita kata, *what nonsense!* Kalau pandangan PBS, "kami tidak mahu dengar!. Apa ini? saya merayu kepada Parlimen dan kepada kerajaan, barangkali perlu semak balik ahli-ahli Lembaga di dalam SPR supaya mengambil orang-orang yang mempertahankan negara, mempertahankan kewibawaan *electrol process* kita dan melantik pegawai-pegawai yang sayang dengan proses demokrasi, melantik pegawai-pegawai yang betul-betul mahu duduk dengan rakyat, mencari penyelesaian. Bukannya mempertahankan yang tidak betul! Jadi, kalau kes-kes sebegini, *what phantom!* Maka, kalau sudah jatuh pun masih di sana you tidak hendak akur, hanya, *I want to be friend with them, I have no*tetapi saya hanya sayang

kepada sistem demokrasi kita, kalau institusi yang ditugaskan menjaganya tidak menjalankan tugas dengan baik.

Dengan itu, saya memberi cadangan supaya barangkali, bagi daftar pemilih negeri Sabah pihak SPR harus memikirkan untuk membuat satu pendaftaran baru memandangkan kes-kes aduan yang seperti ini dan kita sebagai parti dan Ahli Parlimen sedia duduk membantu, kami sedia jalan bersama dengan pegawai-pegawai SPR untuk mengikiskan apa yang tidak betul supaya rakyat ada keyakinan kepada proses demokrasi, kepada sistem pilihan raya dan kepada sistem pemilihan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

[Sepuluh orang Ahli Yang Berhormat bangun untuk berucap]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat yang tunjuk minat hendak berbahas, nampaknya hari sudah suntuk, boleh sambung besok.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya sambung besok. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Okt 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman : Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman : Ruhana binti Abdullah : Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah : Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. : Hajah Supiah binti Dewak : Mohd Saleh bin Mohd. Yusop : Mohamed bin Osman : Hajah Norishah binti Mohd. Thani : Shamsina binti Janor : Ramlah binti Mohd. Yusuff : Noor Effarizan binti Mat Satib : Nurziana binti Ismail : Azita binti Nawī : Nik Elyana binti Ahyat : Taharah binti Mohamed : Jamilah Intan binti Haji Bohari
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali : Mejar (B) Zakaria bin Salleh : Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Jilid V	Bil. 42	Rabu	3 November 1999
----------------	----------------	-------------	------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2000	(Ruangan 26)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 2000	(Ruangan 26)